

M

- 6 Yudea ditempatkan di bawah pemerintahan daerah (prefek) Roma oleh Kaisar Agustus
- 14 Kaisar Tiberius menggantikan Agustus
- ± 25 Philo dari Aleksander memberi penjelasan mengenai Yudaisme
- 25-36 Pontius Pilatus memerintah Yudea
- ± 30 Penyaliban Yesus
- ± 34 'Pertaubatan' Paulus
- 41 Eksekusi Yakobus oleh Herodes Agripa 1
- 49 Pengusiran orang Yahudi dari kota Roma oleh Kaisar Klaudius
- 51 Paulus di hadapan Galio di Korintus
- 54 Nero menjadi penguasa kekaisaran
- ± 60 Paulus dipenjar
- 64 Kebakaran besar di Roma
- 66-73 Perang Yahudi
- 70 Yerusalem direbut oleh Titus; Bait Allah dimusnahkan
- 73 Pemberontak Yahudi bunuh diri setelah pertahanan akhir di Masada
- 81 Domitianus menjadi penguasa kekaisaran
- 93 Josephus menulis bukunya, *Antiquities of the Jewish People*
- 98 Trajanus menjadi penguasa kekaisaran
- 132-5 Pemberontakan kedua orang-orang Yahudi yang dipimpin oleh Simon Bar-Kokhba dan dikalahkan oleh tentera Rom
- ± 135 Aelia Capitolina dibangun di lokasi kota Yerusalem oleh Kaisar Adrianus



Kamus Alkitab

Tema dan Istilah Kristian

Kamus Alkitab

Tema dan Istilah Kristian

Dikompilasi dan disunting oleh:

Christine Lai, Maria Tagal, Randy Singkee

Kulit buku oleh:

Lydia Lim

Diterbitkan oleh:

Wawasan Penabur Sdn. Bhd.
P.O.Box: 8327, Kelana Jaya
46787 Petaling Jaya, Selangor
wawasan.penabur@gmail.com

Wawasan Penabur bekerja rapat dengan gereja-gereja berbahasa Malaysia untuk mengembang, menerbit dan menyebarkan bahan-bahan sumber Kristian dalam Bahasa Malaysia yang berasaskan Alkitabiah bagi kegunaan gereja dan umat Tuhan. Penubuhan Wawasan Penabur diilhamkan oleh pemimpin-pemimpin Kristian lintas-denominasi yang komited dalam melihat rancangan Allah dipenuhkan di negara ini 'untuk saat-saat seperti ini' (Ester 4:14b).

Cetakan Pertama: April 2012

Hakcipta © 2012 Wawasan Penabur Sdn. Bhd.

Hak Cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

Tahun-Tahun Penting Dalam Sejarah Alkitab

SM

± 1720	Pemerintahan Hamurabi pada Kerajaan Babel pertama
± 1700	Abraham
± 1250	Keluaran dari perhambaan di Mesir
± 1200 –1020	Zaman Hakim-hakim
± 1020	Saul menyatukan suku-suku Israel dan menjadi raja pertama
± 1000	Daud diurapi sebagai raja, dan menakluki Yerusalem
± 962	Penobatan Salomo; pembangunan Bait Allah dimulai
± 924	Rehabeam menggantikan Salomo; kerajaan terbahagi dua
	Suku-suku di Utara memilih Yerobeam menjadi raja
± 880	Omri menetapkan Samaria sebagai ibu kota Israel
865	Pelayanan Nabi Elia
853	Salmaneser III dari Asyur berperang melawan Ahab, raja Israel
842	Pemberontakan Yehu
754/3	Pendirian Kota Roma
734	Konspirasi Siro-Efraim
727-699	Hizkia menjadi raja Yehuda
722	Kota samaria dimusnahkan dan berakhirnya pemerintahan Kerajaan di Utara. Sebahagian penduduk dibuang
	Yerusalem dikepung oleh Asyur
701	Manasye menjadi raja Yehuda
698	Yosia menjadi raja Yehuda; terbunuh pada 609
639	Yoyakin menjadi raja; Nebukadnezar menyerang Yerusalem
597	Sebahagian penduduk dibuang.
	Yerusalem ditaklukkan; ramai penduduk dibuang
586	Pembuangan ke Babilonia
586-538	
538-520	Kembali dari Pembuangan dan membangun kembali Bait Allah kedua
	Persia dikalahkan oleh orang-orang Atena di Maraton
490	Nehemia di Yerusalem
445	Alexander Agung menakluki Palestin
332	Kerajaan dibahagi dua oleh para jeneral Alexander. Seleukid mendapat wilayah Babilonia.
323	
	Antiokhus pifanes IV berkuasa
175	Penajisan Bait Allah dan Perang Makabe
167	Yudas Makabeus mengalahkan Lusias, memasuki Yerusalem, dan menahbiskan semula Bait Allah (14 Disember)
164	
	Yudea merdeka
142-63	Pengepungan Yerusalem oleh Pompeyus
63	Herodes Agung
37-4	Pembangunan kembali Bait Allah dimulai
20	
± 4	Kelahiran Yesus

Z

zaitun Pohon yang menghijau sepanjang tahun dan dalam segala musim yang terdapat di seluruh Israel. Buahnya dihancurkan dan diperas, dan minyaknya dikumpulkan di dalam tong.

zaman antikristus Alkitab mengatakan antikristus (1Yoh. 2:18) akan datang, dan dia akan mengatur serangan terakhir Iblis terhadap Kristus dan orang kudus sebelum Kristus mendirikan kerajaan-Nya di bumi. Alkitab menyatakan ada beberapa tanda-tanda kedatangan antikristus: (1) 'rahsia kedurhakaan' yang sudah bekerja di bumi akan semakin meningkat (2Tes. 2:7). Kegiatan kuasa kejahatan akan menjadi semakin meningkat dengan mencapai puncaknya dalam pencemoohan nyata dan pengabaian semua perintah-perintah yang dianggap suci oleh Alkitab; (2) 'murtad' (kata Yunani *apostasia*) harus terjadi (2Tes. 2:3). Di zaman itu, banyak orang-orang di dalam gereja akan meninggalkan kebenaran Alkitab, samada dari segi moral, rohani ataupun doktrinal; dan (3) 'yang menahan' harus disingkirkan (2Tes. 2:7). 'Yang menahan' itu paling baik ditafsirkan sebagai Roh Kudus, kerana Dia sajalah yang mempunyai kuasa untuk menahan kejahatan, manusia durhaka dan Iblis (2Tes. 2:9).

Antikristus akan menyatakan dirinya sebagai Allah dan akan menganiaya mereka yang masih setia

kepada Kristus (Why. 11:6-7; 13:7, 15-18; Dan. 7:8, 24-25). Dia akan menuntut dirinya disembah. Dengan kausa Iblis dia akan mengadakan perbuatan ajaib, tanda-tanda, mukjizat-mukjizat (2Tes. 2:9). Tetapi pada akhirnya, antikristus akan dikalahkan dan Kristus akan kembali untuk mengikat Iblis dan mendirikan kerajaan-Nya di muka bumi (Why. 20:1-6).

Zelot Para pemberontak yang menentang penjajah Rom di Palestin. Pemberontakan mereka bermula pada tahun 66 SM dan memuncak pada tahun 6 M, terutama sekali di bawah pimpinan Yudas orang Galilea. Salah seorang muris Yesus adalah seorang zelot (Luk. 6:15).

Pendahuluan

Tahun 2012 ialah satu tahun yang sangat signifikan dalam sejarah Gereja dan kekrisianan di Malaysia, terutama sekali untuk gereja-gereja yang berbahasa Malaysia. Pada tahun ini, kita memperingati 400 tahun penterjemahan Injil Matius dalam Bahasa Melayu yang diterjemah oleh Albert Cornelisz Ruyl pada 1612. Tahun ini juga merupakan Tahun Jubilee untuk Sabah & Sarawak dalam Persekutuan Malaysia. Namun begitu, Gereja Bahasa Malaysia masih jauh ketinggalan dari segi bahan sumber untuk pertumbuhan rohani bagi lebih daripada 1.5 juta orang Kristian yang menggunakan Bahasa Malaysia dalam kehidupan dan kegiatan kerohanian mereka.

Kita memerlukan lebih ramai pengajar Alkitab, penginjil, penulis, penterjemah, penggubah lagu-lagu Kristian dan pelayan-pelayan Kristus untuk memenuhi keperluan yang mendesak ini. Kita mungkin sudah ketinggalan 25 tahun jika dibandingkan dengan Gereja Bahasa Inggeris atau Cina, tetapi kita belum terlambat untuk mengorak langkah. 'Datanglah Kerejaan-Mu, jadilah kehendak-Mu di Malaysia seperti yang di syurga'. Itulah harapan kita.

Kamus tema dan istilah Kristian ini adalah satu lagi langkah yang diambil oleh Wawasan Penabur dalam memperkayakan bahan sumber Kristian dalam Bahasa Malaysia. Bagaimanapun, nama tokoh, tempat, peristiwa dan objek dalam Alkitab atau dunia Kristian tidak dimasukkan ke dalam kamus ini. Hanya tema dan istilah yang terdapat dalam Alkitab dan liturgi gereja yang dimasukkan. Ianya adalah untuk para pelajar dan orang awam yang sedang membaca atau mempelajari Alkitab, samada secara peribadi atau dalam kumpulan, baik di rumah ataupun dalam persekutuan gereja.

Kerana umat Kristian yang berbahasa Malaysia di Malaysia menggunakan salah satu atau kedua-dua jenis Alkitab iaitu Terjemahan Baru dari Lembaga Alkitab Indonesia (TB-LAI) atau/dan Alkitab Berita Baik dari Bible Society of Malaysia (ABB-BSM), istilah-istilah dari kedua-duanya akan diterangkan walaupun pada umumnya kebanyakan orang Kristian di Malaysia lebih biasa dengan istilah-istilah dalam bahasa Indonesia. Contohnya kita lebih biasa menggunakan istilah 'kerajaan Allah' (TB-LAI) daripada 'pemerintahan Allah' (ABB-BSM). Begitu juga dengan 'Jerusalem' (TB-LAI) daripada 'Penyelamat'.

Semoga buku ini membawa manfaat kepada kita dan membantu kita dalam memahami Firman Allah yang adalah sumber kehidupan bagi kita semua.

Y

Yahweh [*Lihat Yehovah*]

Yang Kudus dari Allah Yesus disapa sebagai ‘Yang Kudus dari Allah’ oleh orang yang dirasuk setan (Mrk.1:24) berdasarkan pengetahuan supra-natural, dan oleh Petrus (Yoh. 6:69). Istilah itu juga dikenakan kepada Nabi Elisa (2 Raj. 4:9). Dengan demikian dalam PL istilah itu bukanlah gelar mesianik, namun nampaknya telah digunakan oleh jemaat mula-mula untuk Yesus (Kis. 3:14).

Yang Lanjut Usia Ungkapan Aram yang digunakan dalam Dan. 7:9 untuk Allah sebagai hakim. Dalam budaya orang Yahudi, ungkapan itu membawa maksud mengenai kebijaksanaan yang dihubungkan dengan usia tua.

Yang Mahakuasa Sangat sering digunakan bagi Allah dalam PL terutama di Kitab Ayub; dan banyak digunakan dalam PB terutamanya Kitab Wahyu. Paulus menggunakan kata ini sekali sahaja (“Tuhan, Yang Mahakuasa”, 2Kor. 6:18), di mana dia memetik 2Sam. 7:14.

Yang Mahakudus Gelaran untuk Allah Israel ini sering digunakan dalam seluruh bahagian Kitab Yesaya (contohnya Yes. 41:14), yang membezakan Allah daripada manusia, tetapi pada masa yang sama menunjukkan hubungan istimewa-Nya dengan bangsa Israel.

Yehovah Nama Allah bagi orang Ibrani adalah YHWH. Muncul hampir 6,000 kali dalam PL sebagai nama Allah. Namun orang Yahudi tidak mengucapkan nama itu kerana dianggap terlalu kudus, sehingga menggantikannya dengan *Adonai* (Tuhan). Tetapi bila tanda-tanda huruf vokal dari kata Adonai dimasukkan pada abjad Ibrani, YHWH, maka sebutannya menjadi Yehovah. Kata ini lebih banyak digunakan dalam Bahasa Inggeris daripada Bahasa Melayu dan Indonesia.

yobel Perayaan setiap tujuh tahun, dan terutama setiap 50 tahun, setelah 7X7 tahun. Hamba-abdi Yahudi harus dibebaskan dan tanah-tanah yang tergadai dikembalikan (Im. 25:8-13; Luk. 4:18-19). Kata *yobel* berasal dari bahasa Ibrani yang bererti trompet, yang ditiup untuk membuka Tahun Yobel.

Yom Kippur Hari Penebusan dalam bahasa Ibrani yang dijelaskan dalam Imamat bab 16, dan dijalankan sebagai waktu puasa pada hari kesepuluh dari bulan ketujuh (Im. 16:29). Ini adalah satu-satunya hari dalam setahun di mana imam besar masuk ke dalam Ruang Yang Maha Kudus di Bait Allah untuk mengorbankan kemenyan. Dalam PB ritual hari tersebut digunakan untuk menjelaskan pekerjaan pengorbanan Yesus (Ibr. 8-9).

Daftar Singkatan

W

wahyu/penyataan Erti harfiah: membuka selubung (rahsia). Wahyu bermaksud penyampaian firman dan kehendak Allah kepada manusia. Yesus dianggap sebagai wahyu yang sempurna dari Allah, kerana melalui diri Yesus, Allah sudah menyatakan diri-Nya dengan cara yang istimewa. Wahyu kepada Yohanes ialah kitab yang terakhir dalam Perjanjian Baru.

wajah Digunakan secara harfiah untuk wajah manusia (contoh Mat. 26:67) atau secara metafora (contoh, Yes. 3:15). Kata ini digunakan dalam percakapan antara Musa dengan Allah (Kel. 33:11), dan dalam 2Kor. 4:6, Paulus menggunakan 'wajah Yesus' dalam erti peribadi dan karya Yesus secara keseluruhan.

Paulus menyatakan (1Kor. 13:12) bahawa penglihatan bersemuka dengan Allah akan menggantikan penglihatan kita yang samar-samar pada masa sekarang, seperti yang dialami oleh Kristus sendiri pada masa ini (Ibr. 9:24).

'Allah menyembunyikan wajah-Nya' merupakan cara yang lazim dalam PL untuk menyatakan suatu kemalangan.

waktu Bagi orang Ibrani, yang penting dalam waktu ialah lamanya, iaitu berapa lama sesuatu itu berlangsung; sebentar (1Sam. 9:16), atau lebih lama (Pkh. 3:1) atau tidak tentu (Mi. 4:7).

Dalam PB kata Yunani *khronos* digunakan untuk suatu waktu

tertentu (Yoh. 7:33), sedangkan *kairos* untuk suatu saat yang tepat, atau saat untuk memutuskan (Yoh. 7:8). Kata ketiga, *aion*, menyatakan suatu era, dan digunakan untuk membezakan era atau zaman ini dari era atau zaman yang akan datang, seperti dalam Ef. 1:21.

warisan Undang-undang hak warisan di Israel purba memberi keutamaan kepada anak lelaki sulung (Ul. 21:17) dari isteri seseorang. Kerana itu, dari segi undang-undang kuno Esau lebih berhak mendapatkan berkat ayahnya daripada Yakub (Kej. 27:36; Luk. 15:31). Namun, ada juga kemungkinan di mana anak perempuan juga memperoleh warisan (Ayb. 42:15), asalkan dia tidak menikah seseorang di luar sukunya (Bil. 27:1-8). Jika tidak mempunyai anak, saudara lelaki orang yang telah meninggal berhak menjadi ahli waris.

Paulus menggunakan prinsip ahli waris untuk menggambarkan hubungan seseorang dengan Allah (Rm. 8:16-17; Ibr. 9:15).

AV The Authorized Version, atau King James Version, Alkitab Inggeris, 1611
SM Sebelum tahun Masihi
M Tahun Masihi
LXX Septuagint berbahasa Yunani

Singkatan Kitab-Kitab

PL	Perjanjian Lama	Hag.	Hagai
Kej.	Kejadian	Za.	Zakharia
Kel.	Keluaran	Mal.	Maleakhi
Bil.	Bilangan		
Im.	Imamat	PB	Perjanjian Baru
Ul.	Ulangan	Mat.	Matius
Yos.	Yosua	Mrk.	Markus
Hak.	Hakim-Hakim	Luk.	Lukas
Rut.	Rut	Yoh.	Yohanes
1, 2Sam.	1, 2 Samuel	Kis.	Kisah Para Rasul
1, 2Raj.	1, 2 Raja-Raja	Rm.	Roma
1, 2Taw.	1, 2 Tawarikh	1, 2Kor	1, 2 Korintus
Ezr.	Ezra	Gal.	Galatia
Neh.	Nehemia	Ef.	Efesus
Est.	Ester	Flp.	Filipi
Ayb.	Ayub	Kol.	Kolose
Mzm.	Mazmur	1, 2Tes.	1, 2 Tesalonika
Ams.	Amsal	1, 2Tim.	1, 2 Timotius
Pkh.	Pengkhotbah	Tit.	Titus
Kid.	Kidung Agung	Flm.	Filemon
Yes.	Yesaya	Ibr.	Ibrani
Yer.	Yeremia	Yak.	Yakobus
Rat.	Ratapan	1, 2Ptr.	1, 2 Petrus
Yeh.	Yehezkiel	1, 2, 3Yoh.	1, 2, 3, Yohanes
Dan.	Daniel	Yud.	Yudas
Hos.	Hosea	Why.	Wahyu
Yl.	Yoel		
Am.	Amos	1, 2Esd.	1, 2 Esdras
Obj.	Objaja	1, 2Mak.	1, 2, Makabe
Yun.	Yunus		
Mi.	Mikha		
Nah.	Nahum		
Hab.	Habakuk		
Zef.	Zefanya		

Vaticinium ex eventu (post eventum)

Istilah ini digunakan kepada bahagian dalam tulisan para nabi atau dalam Injil-injil yang berbentuk suatu ramalan, tetapi sesungguhnya dituliskan dengan mengetahui peristiwanya selepas ia terjadi (misalnya Luk. 21:20).

versi terjemahan Terjemahan-terjemahan awal dari PL Ibrani dan PB Yunani. Terjemahan ini dilakukan ke dalam bahasa Timur Tengah kuno dan juga ke dalam bahasa Latin. Pada abad kedua Tatian menyusun Diatesaron dalam bahasa Syria yang kemudiannya dialihkan ke dalam bahasa Arab, Latin dan bahasa-bahasa lain. Terjemahan Alkitab lengkap (kecuali 5 kitab PB) yang digunakan di Gereja Syria dipanggil sebagai *Pesita* (sederhana). Kelima kitab PB itu akhirnya ditambah masuk pada abad ke-7 Masihi.

Terjemahan-terjemahan lain adalah terjemahan Koptik, Armenia dan Etiopia. Suatu terjemahan Latin (Latin kuno) diperlukan kerana bahasa itu menjadi lingua-franca di dunia Barat. Dan Vulgate adalah terjemahan Latin dari Hieronimus, yang lebih terkenal dari terjemahan Latin kuno dan menjadi Alkitab resmi Gereja Roman Katolik. Terjemahan Alkitab ke dalam bahasa Inggeris disebut '*version*' (versi) yang lebih merupakan suatu revisi, dan bukannya terjemahan baru Alkitab. Contohnya New Revised Standard Version (NRSV).

Via Dolorosa Jalan yang diambil oleh para penziarah Kristian di Yerusalem untuk memperingati jalan Yesus memikul salib-Nya (Mrk. 15:20-22) dan ditandai dengan tempat-tempat berdoa. Jalan salib ini hanya ditentukan pada abad ke-18 tanpa mengambil kira faktor sejarah, tetapi memudahkan untuk keempat belas stesen yang akhirnya ditentukan untuk umat Katolik pada abad ke-19.

Vulgate Terjemahan Alkitab dari bahasa aslinya ke dalam bahasa Latin oleh Hieronimus (383-405 M) atas permintaan Paus Damascus untuk menertibkan semua terjemahan yang ada pada waktu itu. Vulgate menjadi Alkitab resmi dari Gereja Abad Pertengahan, walaupun Hieronimus melakukan beberapa revisi.

U

ucapan bahagia Khotbah Yesus di atas Bukit dalam Mat. 5-7. Bentuk yang berbeza dalam Luk 6:20-26 mengandungi pertentangan antara yang berbahagia dan yang celaka.

ukuran Alkitab menggunakan beberapa ukuran (untuk panjang, berat dan isipadu) yang digunakan dalam dunia kuno. Angka-angka ukuran moden yang diberikan di sini adalah yang terbaik atau terdekat, tetapi bukan merupakan ukuran yang tepat kerana ukuran-ukuran yang digunakan di zaman kuno berbeza mengikut masa dan tempat.

(1) Ukuran Berat

Talenta (60 Mina)	34 Kilogram
Mina (50 Syikal)	0.6 Kilogram
Syikal (2 Beka)	11.5 Gram
Beka (10 Gera)	5.7 Gram
Gera	0.6 Gram

(2) Ukuran Panjang

Hasta	45 Sentimeter
Jengkal	23 Sentimeter
Setapak Tangan	7.5 Sentimeter
Mil (Rom)	1.5 Kilometer
Stadia	200 Meter
Depa	185 Meter

(3) Ukuran Isipadu (Kering)

Homer (Kor) (10 Efa)	220 Liter
Efa (10 Gomer)	22 Liter
Gomer (1/10 Efa)	2 Liter
Kab (1/18 Efa)	1 Liter

(4) Ukuran Isipadu (Cecair)

Bat (1 Efa)	22 Liter
-------------	----------

Hin (1/6 Bat)	4 Liter
Log (1/72 Bat)	0.3 Liter

urapan Raja-raja dan imam-imam diurapi dengan minyak (1Sam 10:1; Im 8:12). Yakobus menganjurkan urapan minyak untuk orang sakit (Yak. 3:14). Gelaran Mesias bagi Yesus bererti 'Yang Diurapi'. Dia menerima urapan Roh Tuhan dalam Luk. 4:18 sebagai pengesahan utusan Allah dan pelancaran pelayanan-Nya di kalangan umum. Ada gereja yang mengamalkan upacara pengurapan dengan minyak untuk pencurahan Roh Kudus.

Urim dan Tumim Dua buah benda kecil yang dipercayai oleh para pemimpin Israel yang dapat memberi petunjuk ilahi atau mengetahui kehendak Allah (Ul. 33:8). Benda ini mungkin terdiri dari dua ketul batu (satu putih dan satu hitam) yang dibawa oleh imam dalam jubah mereka dan dilemparkan ke lantai untuk mendapatkan jawapan (1Sam. 14:41).

utusan Diterjemahkan sebagai *servants*, 'hamba-hamba' (AV, NRSV), *envoys*, 'duta' atau 'wakil' (REB), *an ambassador*, 'seorang duta' (NJB), yang dikirim untuk suatu kunjungan dengan maksud baik ke negara lain (1Raj. 5:1) atau untuk menyampaikan bantahan secara resmi (Hak. 11:12). Paulus menggambarkan dirinya sebagai utusan Kristus (2Kor. 5:20; Ef. 6:20).

A

Abba 'Bapa' dalam bahasa Aram. Yesus menggunakannya dalam doa di Taman Getsemani (Mrk. 14:36). Digunakan dua kali oleh Paulus sebagai sapaan untuk Allah dalam doanya (Rm. 8:15; Gal 4:6). Ketiga-tiganya adalah digunakan dalam doa yang menunjukkan satu hubungan yang sangat akrab seperti seorang anak dengan ayah. Ia juga menggambarkan perhubungan orang-orang Kristian dengan Tuhan Pencipta.

adil Salah satu sifat Allah (Mzm. 89:15) yang dikejar oleh ciptaan-Nya. Umat Allah dituntut berlaku adil (Mikha 6:8). Keadilan bukan sahaja melibatkan penghukuman (Hab.1:12), tetapi juga menyatakan karya keselamatan Allah (1 Yoh. 1:9). Ini bererti, keadilan Allah adalah kesetiaan-Nya terhadap umat perjanjian-Nya (Rm. 1:17).

Adven Kata lain untuk kata Yunani *parousia*, yang bererti kedatangan. Adven juga merujuk kepada pengharapan eskatologi atas kedatangan Kristus yang kedua kali sebagai Hakim Dunia di akhir zaman (Mat. 24:39). Musim adven dalam kalendar gereja merujuk kepada empat minggu persiapan sebelum Natal.

agape Bahasa Yunani untuk 'kasih'. Biasa digunakan dalam Perjanjian Baru untuk kasih Allah yang memberikan diri-Nya, yang ditunjukkan dalam Kristus. Kata ini juga

bererti kasih manusia yang tidak mementingkan diri sendiri (1Kor. 13:4). [Lihat kasih]

ahli Taurat Guru-guru Yahudi yang menyerahkan diri mereka untuk mendalami hukum Taurat, baik secara bertulis atau lisan. Kebanyakan mereka adalah daripada golongan Farisi (Mat. 23:13). Mereka sangat taat kepada hukum Taurat sehingga mereka sering menyalahkan orang-orang yang dianggap oleh mereka sebagai telah melanggar hukum Taurat, termasuklah Yesus.

Alfa dan Omega Huruf pertama dan terakhir abjad Yunani (Alif dan Ya). Digunakan untuk Yesus dalam Wahyu 1:8 dan 22:13 yang menandakan Dialah yang awal dari permulaan penciptaan dan penghujung sampai penghabisan akhir zaman, menegakan Yesaya 44:6 bahawa Dialah Allah satu-satunya, tiada yang lain.

Alkitab Kata Inggeris '*bible*' berasal dari kata Yunani *biblia*, yang bererti 'kitab-kitab'. Alkitab adalah satu kumpulan kitab di mana ada 24 kitab dalam Perjanjian Lama yang ditulis dalam bahasa Ibrani (kecuali ada beberapa rangkap yang ditulis dalam Bahasa Aram). Semasa Reformasi, kitab-kitab Ibrani tersebut disusun semula ke dalam Bahasa Inggeris dengan beberapanya di bahagikan sehingga menjadi 39 kitab seperti yang kita miliki sekarang. Contohnya, hanya ada satu kitab tentang

Raja-Raja dalam Alkitab Ibrani; tetapi ianya menjadi 1 dan 2 Raja-Raja di Alkitab yang kita miliki sekarang. Secara tradisional, Alkitab Ibrani dibahagi kepada 3 bahagian: Taurat, Nabi-nabi dan Kitab-kitab.

Taurat (*Torah*) yang juga disebut sebagai Pentateukh, adalah 5 kitab pertama: Kejadian, Keluaran, Imamat, Bilangan dan Ulangan. Nabi-nabi (*Nebi'im*) terdiri dari: Yusak (Yosua), Hakim-hakim, Samuel, Raja-raja; 3 Nabi-nabi Besar: Yesaya, Yeremia dan Yehezkiel; 12 Nabi-nabi Kecil: Hosea, Yoel, Amos, Obaja, Yunus, Mikha, Nahum, Habakuk, Zefanya, Hagai, Zakharia dan Maleakhi.

Kitab-kitab (*Ketubim*): Mazmur, Ayub, Amsal Salomo, Rut, Kidung Agung, Pengkhotbah, Ratapan, Ester, Daniel, Ezra, Nahemia dan Tawarikh.

Gereja Roman Katolik memasukkan karya-karya deuterokanonika dari LXX (Septuagint) menyebabkan Perjanjian Lama Katolik mempunyai 43 kitab. Kitab-kitab tersebut dianggap sebagai 'apokrif' (tersembunyi) dan tidak diterima oleh gereja Protestan. Salah satu doktrin yang ditolak dari deuterokanonika oleh gereja Protestan ialah seperti doa untuk orang mati.

Perjanjian Baru terdiri daripada 27 kitab yang ditulis dalam Bahasa Yunani.

Allah Allah dalam Alkitab difahami sebagai yang omnipoten (berkuasa di mana-mana), omnisciens (serba mengetahui) dan Pencipta yang baik atas semua yang wujud. Allah adalah yang ada dan yang akan ada, AKU ADALAH AKU (Kel. 3:14), satu kata kerja dalam bahasa Ibrani yang menunjukkan manifestasi kebiasaan;

yang menyiratkan bahawa Allah hanya dapat dikenal jika Dia menghadirkan diri kepada manusia, dan manusia merespon kepada-Nya.

Ketaatan kepada Allah akan membawa kesejahteraan peribadi dan nasional serta dihindari dari bencana. Ketaatan tersebut dilakukan dengan cara hidup yang telah ditentukan, seperti memakan makanan tertentu dan melakukan ritual tertentu. Hukum Taurat menggariskan banyak upacara ritual dan perilaku beretika, yang semuanya dianggap berasal dari Allah. Maka bagi umat Israel, percaya kepada Allah bererti harus mengambil bahagian dalam kehidupan persekutuan dan ritual.

Orang Israel percaya kepada Allah yang esa, Yahweh yang adalah Pencipta alam semesta yang dengan rela terlibat ke dalam perjanjian-Nya dengan umat-Nya. Allah digambarkan sebagai raja, bapa dan gembala. Allah yang transenden (bersifat melebihi segalanya) adalah juga Allah yang berkenan merendahkan diri untuk tinggal bersama-sama umat-Nya. Orang Ibrani percaya bahawa 'Khemah Allah' adalah hadirat Allah di tengah-tengah mereka.

Allah dianggap sebagai Tuhan yang menuntut kebenaran dan keadilan, dan murka-Nya akan menimpa kepada mereka yang tidak taat kepada-Nya. Tetapi Dia juga adalah maha mengampuni dan panjang sabar (Kel. 34:6-7; Neh. 9:17b; Mzm. 86:15, 103:8, 145:8).

Tidak ada perbezaan antara Allah dalam PL dan PB. Allah dalam PB tetap adalah Allah PL yang kudus dan transenden (melampaui segalanya). Yesus telah menunjukkan dalam kehidupan manusia bahawa pada

Kristian berpegang teguh kepada konsep Allah Yang Satu. Tetapi dalam penyatuan ke-Allahan itu, ada tiga keperibadian atau personifikasi yang dipanggil peribadi. Sebenarnya tidak ada istilah "Tritunggal" dalam Alkitab. Istilah ini digunakan untuk menjelaskan Tuhan yang bersifat tiga dalam satu; iaitu kenyataan tentang terdapatnya 3 Peribadi yang bersifat sama-wujud, sama-kekal yang adalah Tuhan.

Alkitab (Penjanjian Lama dan Perjanjian Baru) dengan jelas menyatakan bahawa Allah itu esa (lihat Ul. 6:4, Mrk. 12:29), tetapi perkataan Ibrani *eschad* seperti yang terdapat dalam Kej. 2:24 menunjukkan jamak. Dalam Kej. 1:2-3, kita melihat ketigatiga Peribadi dalam Tritunggal bekerja - Allah, Firman dan Roh; dan di Mat. 28:19, Yesus menamakan ketigatiga Peribadi tersebut. Tiga dalam Allah Yang Satu (Tritunggal) ini adalah Bapa (Allah), Anak (Yesus) dan Roh Kudus. Konsep ini sama sekali tidak mengatakan wujudnya 3 Tuhan. Tritunggal adalah satu Tuhan yang terdiri daripada 3 Peribadi.

Anggota Tritunggal dibezakan di antara satu dengan yang lain dalam beberapa petikan: Dalam PL, "TUHAN" dibezakan daripada "Tuhan" (Kej. 19:24; Hos1:4) dan "TUHAN" mempunyai seorang "Anak" (Mzm. 2:7,12; Am. 30:2-4). Roh dibezakan daripada "TUHAN" (Bil. 27:18) dan daripada "Allah" (Mzm. 51:12). Anak berbeza dengan Bapa (Mzm. 45:6-7; Ibr. 1:8-9). Dalam PB Yesus bercakap tentang Bapa mengirimi Roh Kudus sebagai Penolong (Yoh. 14:16-17). Setiap anggota Tritunggal adalah Tuhan. Bapa adalah Tuhan (Yoh. 6:27; Rm. 1:7; 1Ptr. 1:2),

Anak adalah Tuhan (Yoh. 1:1, 14; Rm. 9:5; Ibrani 1: 8; 1Yoh. 5: 20) dan Roh Kudus adalah Tuhan (Kis. 5:3-4; 1Kor. 3:16; Rm. 8:9; Yoh. 14:16-17; Kis. 2:1-4).

Tuan/Tuhan Secara umum kata Ibrani dan Yunani ini digunakan dalam PL dan PB untuk Allah dan juga manusia dalam konteks mengiktiraf hormat dan kekuasaan mereka. Dalam bahasa Inggeris ilaha 'lord', 'Lord' atau 'LORD'. Dalam PL Tuan atau Tuhan dipakai untuk menerjemahkan kata Ibrani untuk Allah, dan manusia (Kej. 23:11; 1Raj. 1:31). Bila ia merujuk kepada manusia, ianya ditulis dalam huruf kecil. Sedangkan untuk Allah, huruf besar TUHAN akan digunakan.

Tubuh Kristus (1) Merujuk kepada jenazah kristus yang mati di kayu salib (Mat. 27:59; Yoh. 2:21; Ibr. 10:10). (2) Tubuh Kristus yang mistik dalam Perjamuan Kudus. (3) Gereja sebagai tubuh Kristus yang menekankan perpaduan dan kesatuan (Rm. 12:5; 1Kor. 12:13, 27; Ef. 1:23; 2:16; 3:6; 4:4, 12, 16; 5:30; Kol. 1:18-24; 2:19; 3:15).

Dialah Allah yang marah terhadap dosa dan berkuasa untuk menghukum mereka yang melanggar hukum-hukum-Nya yang adil dan baik.

tanduk keselamatan Tanduk adalah lambang kekuatan (Ul. 33:17), di mana secara harfiah menunjukkan tanduk lembu (Bil. 23:22) atau secara simbolik digunakan untuk manusia (1Raj. 22:11). Dalam Dan. 7:8, tanduk adalah merujuk kepada raja. Jadi tanduk keselamatan (Mzm. 18:2) menyatakan kuasa raja untuk menyelamatkan. Keempat tanduk di sudut mazbah (Kel. 27:2) memberi perlindungan kepada orang buruan yang berpegang teguh padanya. Tanduk keselamatan dalam Luk. 1:69 menunjukkan bahawa kuasa raja untuk menyelamatkan kini dimiliki oleh Mesias.

Taurat Terjemahan dari kata Ibrani *Torah*. Biasanya yang dimaksudkan adalah *Pentateukh* (5 Kitab yang pertama) dalam PL. Dalam PB (contohnya Luk. 24:44; Kis. 13:15, 28:23) 'Taurat' adalah ajaran agama Yahudi yang menurut kepercayaan mereka berasal daripada Musa dan yang sudah dikumpulkan menjadi kitab. Begitu juga dengan 'Kitab Nabi-Nabi' yang adalah ajaran agama Yahudi yang diajarkan oleh nabi-nabi dahulu kala, dan sudah dikumpulkan menjadi kitab. Yang dimaksudkan dengan 'Taurat' dan 'Kitab Nabi-Nabi' adalah Perjanjian Lama.

teofani Suatu penampakan atau pernyataan Allah. Dalam PL *teofani* selalunya ada hubungan dengan tempat suci (Kel. 40:34-38) seperti

kepada Yesaya di Bait Allah (Yes. 6:1). Kehadiran Allah dinyatakan dengan api, atau angin dan awan (Ul. 33:2; Mzm. 68:33;104:3). Menurut Kel. 33:20, tak seorang pun dapat melihat Allah dan tetap hidup. Allah tidak pernah kelihatan dalam teofani-Nya di Gunung Sinai. Dalam PB Yesus melihat Roh Allah turun seperti burung merpati pada baptisan-Nya (Mat. 3:16) dan pada pemuliaan Yesus ada suara yang datang dari dalam awan (Mat. 17:5).

teologi Teologi adalah kajian dari pengetahuan tentang Allah. Kegiatan berteologi sudah dimulai oleh Paulus yang telah mempelajari teologi Yahudi (Flp. 3:5).

teologi sistematik Satu penyusunan teratur kebenaran tentang Allah dan karya-Nya. Penafsiran mana-mana teks akan memberi kita satu gambaran penuh tentang satu topik dalam Alkitab. Bahagian-bahagian utama dalam teologi sistematik adalah (1) Bibliologi (kajian atau doktrin tentang Alkitab); (2) Teologi Proper (kajian atau doktrin tentang Allah); (3) Kristologi (kajian atau doktrin tentang Kristus); (4) Pneumatologi (doktrin tentang Roh Kudus); (5) Soteriologi (doktrin tentang Keselamatan); (6) Eklesiologi (doktrin tentang Gereja); (7) Antropologi (kajian tentang Manusia); (8) Eskhatologi (doktrin tentang Zaman Akhir); (9) Angelologi (doktrin tentang Malaikat); (10) Demonologi (doktrin tentang Iblis dan Roh Jahat).

Tritunggal Sebagai salah satu agama Tauhid di dunia, doktrin Tritunggal

dasarnya Allah adalah kasih.

Konsep Allah dalam Alkitab adalah Tuhan yang Mahakuasa (cth. Mat. 26:53). Namun kuasa Allah dapat difahami melalui kasih-Nya yang menderita dan pengosongan diri-Nya yang benar-benar memberikan kekuatan kepada ciptaan-Nya.

Allah, nama Kewujudan Allah Maha Esa tidak dapat dipertikaikan dalam Alkitab. Dalam Alkitab, Allah mempunyai beberapa nama. Kata Ibrani *El* sering digunakan dalam bentuk jamak, *Elohim*. Antara penjelasan tentang kata jamak *Elohim* ini ialah menunjukkan kebesaran Allah, atau tiga Personifikasi/peribadi dalam Trinititi. Nama tunggal *El* sering digunakan untuk menjelaskan lebih mendalam gelaran Allah, contohnya *El Roi*, 'Allah yang melihat' (Kej. 16:13); *El-Shaddai*, 'Allah Yang Maha Kuasa' (Kej. 17:1; Kel. 6:3); *El-Elyon*, "Allah Yang Maha Tinggi" (Kej. 14:18-20, 22) atau *Elyon*, "Yang Maha Tinggi" (Bil. 24:16; Ul. 32:8; Mzm. 18:14; 9:3; 21:8; 91:1, 9; Yes. 14:14 dsbnnya).

Yahweh digunakan hampir 6,000 kali dalam PL. Tetapi dalam PL Ibrani, hanya 4 konsonan JHVH atau YHWH diberi. Huruf vokal dalam Yehovah diambil dari *Adonai* ('Tuhanku') yang digunakan untuk mengganti Yahweh kerana tidak diperbolehkan untuk menyebutnya kerana dianggap terlalu kudus. Ini menjadikannya *Jehovah* (*Yehovah*) dalam Bahasa Inggeris. Dalam Alkitab Bahasa Indonesia dan Malaysia, Yahweh digantikan dengan 'TUHAN' dalam huruf besar. Frasa Yahweh Sabaoth (Tuhan bala tentera) ditemui 282 kali di PL, terutama di kitab nabi-nabi.

Kata Inggeris 'Lord' (Tuhan) tidak membezakan kata Ibrani untuk *Adonai* dan *Yahweh*. *Adon* digunakan untuk manusia yang dihormati seperti 'tuan', sedangkan kata jamak *Adonai* merujuk kepada Allah sebagai Tuan tertinggi. Kemudian orang-orang Yahudi yang tidak mahu menyebut nama Yahweh yang kudus menggantikannya dengan sebutan *Adonai* sahaja. Ini yang diterjemah oleh LXX sebagai *kurios*, "Tuhan/Tuan". Jadi dalam Alkitab, "TUHAN" merujuk kepada Yahweh sementara 'Tuhan' merujuk kepada *Adonai*.

Lihat juga nama-nama Allah yang lain seperti Abba, Alfa dan Omega, Mesias, Anak Allah, Anak Manusia, Roh Kudus dan Logos.

amarah/murka Sikap Allah terhadap dosa dan kejahatan yang bertentangan dengan sifat kekudusan Allah. Dalam PL kematian dan malapetaka mendadak dimengerti sebagai pernyataan amarah atau murka Allah. Contohnya peristiwa Uza tanpa sengaja menghulur tangannya memegang tabut perjanjian supaya tidak terjatuh (2 Sam. 6:7). Allah bukannya semberangan ataupun sesuka hati membenarkan murka-Nya menimpa manusia. Allah adalah maha pengasih dan penyayang (Mzm. 103:8), tetapi kasih-Nya kadang-kadang dirasai sebagai kemarahan bagi orang yang mengalaminya. Kesabaran Allah terhadap orang yang berdosa tidak mengurangi kemarahan-Nya terhadap dosa.

amin Kata Ibrani yang bererti 'pasti' atau 'tentu'. Kata ini menjadi jawapan liturgi di mana para penyembah mengiyakan doa pujian

atau permohonan sebelumnya (Mzm. 41:13; 1 Kor 14:16). Bahasa Ibraninya mempunyai konotasi kebenaran dan kesetiaan, 'dengan sesungguhnya'. Yesus menggunakannya di permulaan kebanyakan pernyataan-Nya (Yoh. 5:24; 16:23). Dalam PB ia biasanya digunakan sebagai satu deklarasi pujian kepada Allah atau sebuah doa (Rm. 11:36; 15:33; Flp. 4:20). Di kitab Wahyu, Yesus sendiri disebut 'Amin' (Why. 3:14).

ampun Kata ini mempunyai erti yang sama dengan pengampunan dan pendamaian. PL mempunyai banyak janji di mana Allah memberi ampun setiap kali ada pertaubatan (2Taw. 7:4; Mzm. 86:5). Dan persembahan korban diperlukan untuk menerima pengampunan dari Allah. Ini yang dinyatakan oleh para nabi (contoh Yeh. 33:10-16) dan dilanjutkan oleh Yesus (Luk. 15). Tetapi Paulus memperkenalkan satu dimensi baru dengan menyatakan Kristus yang disalibkan adalah asas untuk menerima pengampunan. Gereja PB memahami perjanjian baru dalam Yesus pada perayaan Ekaristi (perjamuan kudus) sebagai ibadah pengampunan dosa (1Kor. 11:25), yang membawa pendamaian dan damai dengan Allah (2Kor. 5:18-21; Rm. 5:1). Hanya ada satu dosa yang tidak dapat diampuni – menghujat Roh Kudus (Mrk. 3:28-29).

anak(-anak) Allah Walaupun semua umat manusia dicipta oleh Allah, tetapi hanya mereka yang percaya dan beriman kepada Kristus sahaja yang menikmati perhubungan khas ini (Gal. 3:26, 1Yoh. 3:1)

Anak Allah Dalam PL istilah "anak Allah" digunakan dalam dua cara, tetapi tiada yang menunjukkan ada hubungan fizikal dengan Allah, melainkan ianya merujuk kepada mereka yang mentaati panggilan Tuhan. Ia digunakan untuk umat Israel sebagai satu bangsa melalui peristiwa keluar dari Mesir (Hosea 11:1). Istilah itu juga digunakan untuk malaikat-malaikat (Ayb. 1:6; 38:7) yang merujuk kepada para malaikat yang merupakan ciptaan Allah dan bukannya hasil daripada diperanakkan.

Dalam PB, gelaran "Anak Allah" muncul 47 kali. Kesemuanya merujuk kepada Yesus yang membawa pengertian satu gelaran syurgawi di mana Anak yang kekal sama dengan Allah Bapa (Yoh. 5:18-24). Yesus menyebut Allah sebagai Bapa-Nya (Mrk. 13:32). Yesuslah yang menyatakan Bapa (Mat. 11:27). Dia memiliki semua kuasa di bumi dan di syurga (Mat. 28:18), dan Yesus memiliki kemuliaan bersama Bapa sebelum dunia ini ada (Yoh. 17:5). Ibrani 1:3 menyatakan perkara ini dengan sangat jelas, "Dia memancarkan kemuliaan Allah yang gilang-gemilang dan Dia perwujudan Allah sendiri."

Anak Daud Suatu gelaran mesianik yang untuk pertama kalinya dipakai dalam Mazmur Salomo (17:21). Ia adalah juga gelaran mesianik untuk Yesus (Mzm. 2:7; 110:1-7; Mrk.10:47; Mat.1:1; 21:9). Menurut pengharapan orang Yahudi, Mesias yang akan datang adalah dari keturunan Daud, Raja Israel yang paling sempurna. Matius mengukuhkan pengharapan ini dengan menyatakan Yesus

T

Tabernakel Khemah Suci yang dapat dipindah-pindahkan. Ada petunjuk-petunjuk untuk membangun Khemah Suci ini (Tabernakel) di Kel. 25 dan 35. Dalam Kel. 33:7-11 ada diceritakan mengenai 'Khemah Pertemuan' yang agaknya adalah suatu istilah lain untuk Tabernakel. Khemah Pertemuan itu adalah suatu bangunan sederhana yang mudah dipindah-pindahkan, di mana seorang pelayan dapat melakukan tugas di dalamnya. Ini adalah tempat untuk kehadiran ilahi atau yang disebut sebagai *syekinah* (Kel. 40:34-38).

PB ada menyebut tentang Khemah Suci itu di Ibr. 8:2, 5; 9:21. Khemah Suci yang sesungguhnya ada di Syurga. Yoh. 1:14 juga menggunakan kata asal Yunani yang secara harfiah bererti 'Firman itu... berkhemah di antara kita'. [Lihat *Khemah TUHAN*]

Tabut Perjanjian Peti kayu bersalut emas, yang di dalamnya disimpan dua buah batu bersurat. Pada batu itu terukir Sepuluh Hukum Allah. Beberapa buah benda suci kepunyaan orang Yahudi juga disimpan di dalam tabut itu seperti segumpal manna dan tongkat Harun (Kel. 16:33; Bil. 17:10). Tabut itu disimpan di dalam Khemah TUHAN (Kel. 25:10-22; Ibr. 9:4-5). Tabut Perjanjian itu termasuklah barang rampasan ketika Yerusalem ditawan dan dimusnahkan oleh tentera Babilonia pada tahun 586 SM. Dalam bahasa Inggeris kata yang digunakan untuk Tabut Perjanjian

adalah *ark*, yang sama ertinya dengan bahtera.

takdir Ketetapan Allah dalam segala sesuatu sebagai Pencipta yang berdaulat (Yes. 45:7), tetapi kebebasan manusia untuk bertindak masih terpelihara (Ul. 30:15-16). Mengikuti 1Ptr 1:20, Yesuslah ketetapan Allah untuk penyelamatan manusia.

takut akan TUHAN Perintah yang sering kali diberikan kepada umat Allah dalam PL ialah untuk 'takut akan TUHAN' atau 'takut akan Allah'. Untuk orang yang percaya, hanya semasa kita sungguh-sungguh takut akan Tuhan, baharulah kita dibebaskan dari perhambaan kepada semua bentuk ketakutan yang tidak wajar dan keji. Pengkhotbah (Pkh. 12:13) menyifatkan ini sebagai kewajipan atau maksud manusia diciptakan. Perintah ini meliputi berbagai aspek kehidupan orang yang percaya kepada Tuhan. (1) Takut akan Tuhan bermakna kesedaran akan kekudusan, keadilan dan kebenaran-Nya sebagai pasangan kepada kasih dan pengampunan-Nya. (2) Memandang Dia dengan penuh kekaguman dan penghormatan yang membuat kita menghormati Allah kerana kemuliaan, kekudusan, keagungan dan kebesaran kuasa-Nya. (3) Takut akan Allah akan membuat orang percaya menaruh iman dan kepercayaan yang kukuh untuk beroleh keselamatan hanya dari-Nya. (4) Menimbulkan kesedaran bahawa

sering terjebak dalam mencampurkan penyembahan Yahweh dengan kepercayaan dan penyembahan Baal orang-orang Kanaan. Begitu juga dengan orang Kristian dari latar belakang pagan yang memasukkan amalan kepercayaan kafir mereka ke dalam agama baru yang mereka anuti (Kristian).

suara hati/hati nurani Pancaindera dalam yang menentukan samada sesuatu itu salah atau betul dari segi moral (Rm. 2:15). Bagi umat Kristian suara hati tertakluk kepada Roh Kudus (Rm. 9:1).

sukacita Satu daripada buah Roh Kudus yang di senaraikan dalam Gal. 5:22, lebih daripada emosi gembira yang bergantung kepada keadaan sekitar. Sukacita dalam Alkitab merupakan kebahagiaan yang berakar dalam pengetahuan dan pengalaman bersama Allah. Itulah berkat yang terindah sekali dan mencukupi dalam kehidupan orang yang percaya.

sunat Menghilangkan kulit hujung kemaluan lelaki dengan cara memotongnya. Bagi orang Yahudi ini adalah adat yang merupakan tanda perjanjian Allah dengan umat Israel (Kej. 17:9-14), dilakukan pada setiap anak lelaki di Israel pada hari kelapan kelahiran (Im. 12:3). Dalam PB sunat menjadi masalah antara Paulus dengan orang-orang Yahudi Kristian yang menginginkan agar para penyembah berhala yang bertaubat harus lebih dulu menjadi anggota perjanjian Abraham dengan disunat, sebelum dibaptiskan sebagai seorang Kristian.

Syaitan Roh jahat yang mempunyai kuasa untuk mempengaruhi manusia. Syaitan dianggap sebagai pelayan dan utusan Iblis.

Syurga Difahamkan sebagai alam yang melebihi dunia fizikal yang didiami Allah (Mzm. 2:4, 115:3). Gambaran syurga sebagai alam kesukacitaan (Luk. 15:7), kedamaian (Luk. 19:38) dan penuh kegemilangan (Why. 4:4, 21) memberi harapan setelah kematian sebagai penggenapan kehidupan yang dijanjikan Yesus kepada orang yang percaya (Yoh. 14:2).

syekinah Istilah Ibrani kehadiran Allah di dalam umat-Nya, biasanya ada di Tabut Perjanjian atau Bait Suci, dan diungkapkan sebagai 'Kemuliaan Tuhan' (Kel. 40:35).

syema Kata Ibrani yang bererti 'dengar!'. Kata pertama dari pernyataan iman Yahudi atas keesaan Allah, sebagaimana dinyatakan dalam Ul. 6:4. Yesus menyebutnya sebagai hukum pertama dari Taurat (Mrk. 12:29).

syeol Istilah Ibrani untuk dunia bawah atau dunia orang mati, di mana dibayangkan bahawa mereka yang sudah mati terkumpul (Ams. 9:18).

menerima sambutan orang ramai sebagai Anak Daud semasa Dia memasuki Yerusalem. Gelaran ini digunakan Matius sebanyak 9 kali. Yesus bukan sahaja Anak Daud, Dia juga adalah Tuannya (Mat. 22:42-44).

Anak Domba Allah Digunakan oleh Yohanes Pembaptis untuk menggambarkan Yesus (Yoh.1:29,36). Dia adalah juga simbol Kristus yang dibunuh sebagai korban untuk dosa (Why. 5:6-14). Ungkapan Yohanes 1 mungkin ada pengaruh dari Yes. 53 tentang Hamba Yang Menderita. Dalam beberapa tulisan apokalyptik, domba yang ditentukan wujud untuk mengalahkan kejahatan dan dosa, yang dilambangkan dengan binatang buas. Dalam Injil Yohanes (tetapi tidak dalam Injil-Injil Sinoptik) kematian Yesus berlaku pada masa penyembelihan domba Paskah di Bait Allah (banding dengan 1Kor. 5:7).

Anak Manusia Ungkapan 'anak manusia' muncul hampir 200 kali di dalam Alkitab, di mana 82 kali sebagai nama khas 'Anak Manusia' dalam keempat-empat Injil. Gelaran 'Anak Manusia' mungkin pada fikiran kita sekarang hanyalah satu istilah yang menunjukkan Yesus sebagai seorang manusia biasa, tetapi untuk orang Yahudi di zaman Yesus, gelaran itu sangat bermakna dan penting kerana membawa erti tentang satu gambaran Mesias. Asas untuk pengertian teks ini diambil dari Daniel 7:13,14.

Dalam penglihatan Daniel, dia melihat dua orang: satu yang dipanggil 'Yang Lanjut Usianya' iaitu salah satu gelaran untuk Allah yang disebut tiga kali dalam kitab Daniel; dan seorang lagi 'seperti anak manu-

sia', yang merujuk kepada penampilannya sebagai manusia.

Rujukan ini merupakan salah satu daripada sejumlah kitab di PL yang meramal kedatangan seorang raja agung yang akan menyelamatkan umat Allah daripada belenggu dosa dan melepaskan mereka daripada perhambaan. Penyelamat ini dipanggil sebagai 'Mesias', yang bererti 'yang diurapi'. Dalam PL orang diurapi dengan minyak khas bagi melantik mereka untuk mengerjakan sesuatu tugas yang khusus. Ini termasuklah nabi, imam dan raja. Mesias yang dijanjikan itu dikatakan akan memenuhi ketiga-tiga fungsi sebagai nabi, imam dan raja. Dan sejak kitab Daniel ditulis (sekitar 400 tahun Sebelum Masihi), orang Yahudi menganggap 'anak manusia' dalam Daniel 7:13,14 itu adalah Mesias. Sebab itu pada zaman Yesus, mereka menantikan seorang yang 'seperti anak manusia' untuk menebus mereka daripada belenggu kuasa asing.

antikristus Kata ini hanya terdapat dalam 1Yoh. 2:18, 22; 4:3 dan 2Yoh. 7, merujuk kepada musuh-musuh jemaat yang menyangkal Yesus adalah Kristus. Paulus menyebutnya sebagai 'manusia durhaka' atau 'manusia yang harus binasa' (2Tes. 2:3). Istilah lain di Alkitab adalah 'binatang yang keluar dari dalam laut' (Why. 13:1-10), 'binatang yang merah ungu' (Why. 17:3), dan 'binatang' (Why. 17:8,16; 19:19-20; 20:10).

Dalam perang eskatologi (akhir zaman), antikristus adalah penentang kuat terhadap Kristus yang pasti datang sebelum *Parousia* terjadi. Antikristus itu akhirnya akan dika-

lahkan. [*Lihat zaman antikristus*]

anugerah dan rahmat Tema kasih dan kemurahan Allah kepada manusia. Ini bukanlah kerana mereka layak tetapi kerana keinginan dan kesetiaan Allah sendiri, yang dibuktikan dan dinyatakan dalam Yesus Kristus (Yoh 3:16, Ef. 2:8-9). Orang yang percaya mendapat pengampunan dan kuasa melalui Roh Kudus untuk hidup dan bertumbuh sebagai umat yang diselamatkan mengikut rancangan dan kehendak Allah (Tit. 2:11-12).

apokalypsi Istilah yang sering digunakan untuk merujuk kepada kitab Wahyu. Ia bererti 'penyingkapan' rahsia ilahi. Dalam PL, beberapa bahagian dalam kitab Daniel, Yesaya, Joel, Amos dan Zakharia juga bersifat apokalypsi.

apokalyptik Apokalyptik ialah harapan yang kuat untuk keselamatan masa hadapan yang akan terjadi di akhir satu penghinaan dan penderitaan nasional yang sedang dialami. Ia berunsur pengharapan dan penghiburan. Zaman penderita masa kini akan diubah menjadi sukacita Firdaus; tanah yang ditakluki oleh penyembah berhala akan menjadi dunia yang penuh dengan kemuliaan Allah.

apologetik Berasal dari kata dasar apologi yang bererti pembelaan diri. Apologetik merupakan satu cabang teologi Kristian yang cuba mempertahankan Injil daripada serangan dan kritikan, dan menggariskan sebab-sebab untuk mempercayai Injil.

ara Pohon yang menggugurkan semuan daunnya pada musim dingin, tetapi mulatumbuh lagi pada bulan Februari. Daun-daunnya akan tumbuh lebat di bulan April. Penyataan kekecewaan Yesus kerana tidak mendapat buah (Mrk. 11:12, 13, 20-21) dan lantas mengutuk pohon ara tersebut haruslah difahami secara simbolik sebagai kekecewaan Yesus terhadap Israel. Pohon ara mengeluarkan buah yang boleh dijadikan makanan.

astrologi Meramal masa hadapan dengan usaha atau inspirasi dengan suatu perantara yang melalui pembacaan atau intepretasi alamat-alamat. Ramalan tentang pengaruh bintang dan planet terhadap kehidupan manusia telah berkembang subur sejak zaman Asyur dan Babel. Ini dinyatakan dalam PL (Ayb. 38:33) dan dikutuk oleh para nabi (Yes. 47:13-14). Orang Majus dari timur yang datang mengunjungi Yesus dengan membawa hadiah (Mat. 2:1-2) adalah juga ahli astrologi. Mereka bergerak mengikuti fenomena luar biasa di langit.

yang dilihat oleh Yesaya dalam penglihatannya tentang Tuhan semesta alam (Yes. 6:1-8). Mereka menyentuh bibir Yesaya dengan bara api dari mazbah dan menyucikannya daripada dosa. Serafim itu digambarkan sebagai bersayap enam: dua untuk menutup muka, dua untuk menutup kaki (aurat) dan dua lagi untuk terbang.

sifat-sifat Allah yang unik (1) Allah itu maha-hadir. Dia ada di mana-mana (Mzm. 139:7-12; Yer. 23:23-24; Kis. 17:27-28). (2) Allah itu mahatahu (Mzm. 139:1-6; 147:5). (3) Allah itu mahakuasa. Dia memiliki kuasa mutlak atas segala sesuatu dan semua ciptaan (Mzm. 147:13-18; Yer. 32:17; Mat. 19:26; Luk. 1:37). (4) Allah itu mahatinggi. Dia berbeza dan terlepas dari ciptaan-Nya (Kel. 24:9-18; Yes. 6:1-3; 40:12-26; 55:8-9). (5) Allah itu kekal. Dia ada dari selama-lamanya sampai selama-lamanya (Mzm. 90:1-2; 102:13; Yes. 57:15). (6) Allah tidak berubah (Bil. 23:19; Mzm. 102:27-29; Yes. 41:4; Mal. 3:16; Ibr. 1:11-12; Yak. 1:17). (7) Allah itu sempurna dan kudus (Im. 11:44-45; Mzm. 85:14; 145:17; Mat. 5:48). (8) Allah itu Tritunggal

sifat-sifat Allah yang moral (1) Allah itu baik (Mzm. 25:8; 106:1; Mrk. 10:18). (2) Allah itu kasih (1Yoh. 4:8). (3) Allah itu penyayang dan pengasih (Kel. 34:6; Ul. 4:31; 2Taw. 30:9; Mzm. 103:8; 145:8; Yl. 2:13). (4) Allah itu berbelas kasihan (2Raj. 13:23; Mzm. 86:15; 111:4). (5) Allah itu sabar dan lambat marah (Kel. 34:6; Bil. 14:18; Rm. 2:4; 1Tim. 1:16). (6) Allah adalah kebenaran (Ul. 32:4; Mzm. 31:6; Yes. 65:16; Yoh. 3:33). (7) Allah itu setia

(Kel. 34:6; Ul. 7:9; Yes. 49:7; Rat. 3:23; Ibr. 10:23). (8) Allah itu adil (Ul. 32:4; 1Yoh. 1:9).

sinagoga Dalam PL tidak ada disebut tentang sinagoga Yahudi, tetapi sudah lazim di zaman PB. Sinagoga mungkin dimulai di Babel semasa zaman pembuangan, kerana tidak adanya Bait Suci. Tetapi ada juga yang berpendapat sinagoga berasal dari orang-orang Yahudi yang berbahasa Yunani di diaspora (perantauan). Fungsi asal sinagoga adalah pusat persekutuan orang Yahudi, yang kemudian berkembang menjadi tempat beribadah yang teratur. Jadi sinagoga adalah sebuah konsep revolusioner. Ibadah dengan korban-korban dihapuskan dan digantikan dengan doa, khotbah dan mengajar, di mana para imam tidak lagi memegang peranan utama dan pembacaan Taurat menjadi lebih penting. Sinagoga menjadi semakin penting semasa pemberontakan Makabe (1Mak. 3:48).

Selepas kejatuhan Yerusalem pada 70 Tahun Masihi, para rabi Yudaisme menuntut bangunan khas untuk pengajaran dan beribadah, perjamuan-perjamuan suci dan urusan-urusan undang-undang. Di abad ke-3 Masihi, sudah terdapat banyak bangunan seperti itu. Bangunan-bangunan tersebut biasanya dihiasi dengan mosaik dan ukiran timbul. Banyak peninggalannya ditemukan oleh para ahli arkeologi, terutama di Galilea. [*Lihat rumah ibadat*]

sinkretisme Suatu kombinasi dari dua agama. Semasa umat Israel menduduki tanah Kanaan, mereka

S

sabakhtani Kata Aram yang berarti 'engkau meninggalkan aku', yang diserukan oleh Yesus di atas kayu Salib (Mrk. 15:34).

sabat Hari ketujuh mengikut kalendar bangsa Yahudi. Hari ini hari rehat yang suci. Tidak ada seorangpun yang boleh bekerja pada hari sabat. Hari orang Yahudi bermula pada saat matahari terbenam. Semua yang berkaitan dengan hari sabat digariskan di Kel. 20:8-11; 31:12-17; 34:21; Ul. 5:12-15. Sabat adalah hari kesukaan (Hos. 2:11) dan untuk pergi ke Bait Allah (Yes. 1:13). Mereka juga menyambut tahun Sabat pada setiap tujuh tahun, di mana tanah juga direhatkan dan tidak ditanami (Im. 16:31; 26:34, 43).

Saduki Satu golongan pemimpin agama Yahudi yang sebahagian besar terdiri daripada imam. Mereka mendasarkan kepercayaan mereka hanya kepada Torah/Taurat, lima kitab yang pertama dalam PL. Itulah sebabnya pendirian mereka sangat berlainan dengan golongan Farisi yang percaya akan adanya hidup sesudah orang meninggal, dan akan adanya malaikat.

sakramen Dari bahasa Latin *scramentum* yang berarti 'sumpah', seperti yang dilakukan oleh pemuda yang ingin masuk berkhidmat dalam angkatan darat Romawi. Pada zaman pemerintahan Gabernor Plinius (112 Masihi) istilah sakramen digunakan

untuk upacara keagamaan Kristian. Plinius salah mengerti dan menganggap sakramen Kristian itu sumpah untuk tidak melakukan kejahatan. Terjemahan Alkitab Latin (Vulgata) menerjemahkan kata Yunani *mysterion* dengan *sacramentum*, yang menyebabkan baptisan dan Perjamuan Kudus menjadi sakramen yang dimaksudkan.

salib Alat penyiksaan dan penghukuman mati yang digunakan oleh orang Roma dan Persia. Ia adalah sebatang tiang tegak, tempat mengikat atau memakukan tubuh orang yang terkutuk. Orang Roma biasanya membiarkan sahaja tiang tersebut untuk hukuman mati yang berikutnya. Orang yang dihukum bunuh itu akan mengangkat sendiri kayu palang yang ditambahkan di atas tiang itu. Kejahatan atau jenayah yang menyebabkan hukuman mati dituliskan pada kayu palang tersebut, atau ditulis pada papan yang digantung di leher orang yang dihukum.

sela Kata Ibrani yang terdapat pada mazmur tertentu dan juga dalam Kitab Habakuk. Maksudnya tidak jelas, tetapi New Jerusalem Bible berpendapat bahawa kata itu adalah untuk menandakan si pembaca berhenti dan merenung apa yang telah dibacanya.

serafim Makhluk malaikat seperti

B

baal Walaupun kata ini sebenarnya berarti 'tuhan' atau 'tuan', dalam PL ia merujuk kepada objek utama penyembahan bangsa Kanaan. Baal adalah dewa kesuburan dan pertanian. Semasa umat Israel menetap di tanah perjanjian, mereka sentiasa menghadapi godaan untuk menggeser kesetiaan mereka daripada Yahweh yang mereka percayai telah memimpin mereka keluar dari Mesir dan melintasi padang gurun, kepada dewa kesuburan yang mungkin akan dapat meningkatkan hasil gandum dan anggur mereka.

Baal juga dianggap pendorong pesta seks yang dikutuk oleh para nabi. Ia juga dikatakan memiliki pasangan yang bernama Anat. Nama lain untuk Anat ialah Asyera (Hak. 3:7) atau Asytoret (Hak.10:6).

Bait Suci Pusat tempat beribadah kepada Allah. Reka bentuk Bait Suci diilhamkan oleh Allah sendiri, mula-mula sebagai Khemah kepada Musa (Kel. 25:9) dan seterusnya kepada Daud. Tetapi hanya pada tahun keempat pemerintahan Raja Salomo (965 SM) baharulah pembinaan Bait Suci bermula di Yerusalem (1Raj. 6:1). Dalam erti rohani, semua yang percaya dalam Yesus merupakan tempat kediaman Allah (1Kor. 3:16; Ef. 2:20-22).

bapa Dalam PL, bapa mempunyai makna yang lebih luas daripada ketua keluarga di zaman moden. Istilah bapa dipakai untuk ketua suku (Kej.

32:9), atau seorang nabi (2Raj. 2:12). Dalam suatu keluarga, seorang bapa mengatur pernikahan dan dia juga boleh menjual anak lelaki atau perempuan kepada perhambaan. Bapa juga bertanggungjawab memberi pengajaran keagamaan.

Dalam PB Yesus menyebut Allah sebagai Bapa-Nya, dengan demikian Allah menjadi Bapa yang sempurna bagi semua umat manusia (Ef. 3:14-15). Dalam Injil Yohanes aktiviti Yesus mencerminkan kasih Bapa, dan Dia bertindak dengan kuasa Bapa (Yoh. 3:35).

bapa leluhur [Lihat nenek moyang]

baptisan Datang dari kata Yunani *baptizomai*, yang berarti 'membasuh' atau 'memandikan'. Namun dalam LXX ditemukan erti klasik: 'menenggelamkan' atau 'menyelamkan' (Yes. 21:4). Di kalangan orang Yahudi, terutamanya di zaman Yesus Kristus, baptisan mempunyai dua makna. (1) upacara tanda masuk ke dalam satu kelompok; (2) upacara pembersihan daripada dosa (Mrk. 1:4).

Untuk orang Kristian, pembaptisan adalah secara simbolik di mana seseorang bersatu dengan Yesus Kristus dalam kehidupan, kematian dan kebangkitan-Nya (Rm. 6:3-8). Mereka dikuburkan bersama-Nya dan bangkit dalam kehidupan baru. Jadi, baptisan juga dianggap sebagai permulaan kehidupan baru (Yoh. 3: 4-5). Prasyarat untuk menerima baptisan adalah iman (Gal 3:14).

Dalam upacara pembaptisan, air digunakan kerana air adalah sumber penyucian sehingga orang bukan Yahudi yang ingin menjadi Yahudi dibaptis dahulu sebelum penyunatan. Yohanes Pembaptis memanggil para pendengarnya untuk bertaubat dan dibaptiskan di Sungai Yordan. Yesus sendiri menerima baptisan darinya, bukan untuk pengampunan dosa-dosa-Nya (Mat. 3:13-15), tetapi untuk menyamakan diri dengan umat-Nya. Baptisan kemudiannya memainkan peranan dalam memulakan satu perjanjian penyunatan Yudaisme (Kol. 2:11-12). Petrus mengajak para pendengarnya di Yerusalem untuk bertaubat dan menerima baptisan (Kis. 2:38). Sida-sida Etiopia dibaptiskan oleh Filipus sejurus selepas menemukan kolam, tanpa mengikuti pelajaran yang rumit (Kis. 8:38).

batu karang Dalam Alkitab batu karang juga disebut sebagai tempat perlindungan (Ams. 30:26) dan tempat bersembunyi terhadap Allah (Yes. 2:19). Musa bersembunyi di antara batu karang supaya dia tidak bersemuka langsung dengan Allah (Kel. 33:2-23). Musa juga memukul batu karang untuk mengeluarkan air (Kel. 17:6). Paulus kemudiannya memberi makna kepada kejadian tersebut bahawa batu karang itu adalah simbol Kristus (1Kor. 10:4). Batu karang merupakan bahan asas yang kukuh dan atas asas batu karang seperti itulah Gereja harus dibangun (Mat. 16:18).

batu penjuru Batu besar yang di tempatkan sebagai asas di sudut utama bangunan baru, menghubungkan ujung tembok dengan tembok

sebelah. Dalam PL ia biasanya melambangkan kestabilan (Ayb. 38:6; Mzm. 118:22; Yes. 28:16). Yesus dinyatakan sebagai batu penjuru (Mrk. 12:10, 1Ptr 2:6-8) melambangkan-Nya sebagai asas dan kekuatan hidup.

belas kasih Dalam PL orang-orang yang berkedudukan tinggi dikatakan mudah berbelas kasih, atau menunjukkan kemurahan kepada orang-orang yang lebih rendah. Contohnya sikap Boas terhadap Rut (Rut 2:10) dan Raja Ahasyweros terhadap Ester (Est. 5:2).

belas kasihan Datang dari kata Ibrani *hesed*, iaitu satu sifat kemurahan Allah kepada umat ciptaan-Nya (Mi. 6:8) yang akan dilakukan-Nya pada hari penghakiman terakhir (Mat. 25:31-46). Mazmur 103:8-14 memberi pengertian yang setepat mungkin mengenai sifat ini, yang dinyatakan Yesus terhadap manusia dalam segala pelayanan-Nya.

benar/kebenaran Dalam PL 'kebenaran' Allah adalah kesetiaan-Nya (Yes. 65:16). Dalam PB pengertian kebenaran dalam konsep Yunani adalah suatu pengetahuan yang tepat (1Tim. 4:3; 2 Tim. 2:25) dan yang harus ditaati (Gal. 5:7). Sebahagian besar dari Injil Yohanes adalah penjelasan tentang kebenaran Allah (Yoh. 3:33), yang dinyatakan oleh Kristus (Yoh. 8:26), dan Kristus sendiri adalah kebenaran (Yoh. 14:6). Roh Kudus, Roh Kebenaran itu, akan datang (Yoh.15:26) dan Gereja akan dipimpin oleh-Nya dalam seluruh kebenaran (Yoh. 16:13).

bendahara Orang yang bertanggung-

masa depan (Yeh. 11:14-21) dan yang menghembuskan kehidupan ke dalam tulang-tulang kering di lembah dalam penglihatan Yehezkiel (Yeh. 37:1-10). Dinubuatkan bahawa era mesianik di masa depan akan ditandai dengan kurnia Roh Allah ke atas semua bangsa, tanpa memandang umur atau jenis kelamin (Yl. 2:28).

Perbicaraan mengenai Roh Kudus dalam Injil-injil Sinoptik hanya sedikit, kecuali semasa Kelahiran Yesus (Mat. 1:18; Luk. 1:35) dan Pembaptisan-Nya (Mrk. 1:8). Roh juga berkerja dalam pelayanan Yesus melawan kuasa-kuasa jahat (Mat. 12:28). Pekerjaan Roh Kudus sangat giat selepas Kebangkitan Yesus (Yoh. 7:39).

Paulus tidak menyamakan Yesus dengan Roh Kudus. Kisah Para Rasul merupakan cerita panjang lebar mengenai pimpinan Roh atas para rasul dan para pemberita Injil. Dalam Injil Yohanes lima kali Roh itu disebut sebagai 'paraklete', yang bererti 'pembela'. Dia hadir untuk memperdalamkan pengertian para murid mengenai kebenaran Kristus. Dalam teologi Kristian, Roh Kudus adalah peribadi ketiga Allah Trinita.

roti tidak beragi Roti yang dibuat tanpa menggunakan ragi. Dikatakan dalam tradisi Yahudi dan sejarah Israel semasa mereka keluar dari Mesir, mereka lari dengan terburu-buru menyebabkan para perempuan tidak sempat menunggu sehingga adonan roti itu naik (Kel. 12:14-20). Sebab itulah roti tak beragi dan paskah menjadi satu perayaan peringatan untuk peristiwa pembebasan umat Israel dari Mesir.

Rumah TUHAN Tempat ibadat di Yerusalem yang didirikan oleh Raja Salomo dan kemudiannya dimusnahkan oleh askar Babilonia (tahun 586 SM). Sekitar tahun 515 SM, Rumah TUHAN ini dibina semula di bawah pimpinan Zarubabel, dan kemudian dibina lagi oleh Raja Herodes Agung. Hidup keagamaan umat Yahudi berpusat di situ, juga pada zaman Yesus Kristus. Mula-mula orang Kristian masih turut beribadat di situ, tetapi lambat laun berlaku perpisahan antara mereka dan orang Yahudi. Bangunan Rumah TUHAN ini dimusnahkan pada tahun 70 Masihi oleh askar Roma di bawah pimpinan Jeneral Titus.

rumah ibadat Juga dikenali sebagai *sinagoga*. Tempat orang Yahudi berkumpul dan beribadat pada hari Sabat. Tempat ini digunakan juga sebagai balai pertemuan dan sekolah untuk anak-anak pada hari-hari kerja. Rumah ibadat terdapat di setiap kota mahupun desa yang agak besar. [Lihat *sinagoga*]

rusa Kijang gazel yang indah. Nama itu diambil sebagai nama gadis (Dorkas, Tabita, Kis. 9:36)

Martin Luther adalah tokoh penting dalam gerakan Reformasi tersebut dengan memakukan *Sembilan Puluh Lima Thesis* tentang penebusan dosa. Gerakan ini akhirnya menyebabkan keluarnya mazhab Protestan dari gereja Roman Katolik. Memang terdapat perbezaan penafsiran Kitab Suci di antara reformis Protestan, Luther, Calvin dan Zwingli, tetapi mereka semua sependapat bahawa tulisan-tulisan Deuterokanonika yang dianggap sebagai Apokrif tidak seharusnya dianggap sebagai sebahagian dari Kitab Suci. Bahkan Luther juga menolak Surat Yakobus kerana surat itu tidak secara jelas menunjukkan kepada Kristus.

Reformasi, Kontra-Reformasi Satu gerakan pembaharuan dalam gereja Roman Katolik dalam tahun 1600-an yang berusaha untuk memurnikan dan mengukuhkan gereja.

restitusi Adat yang diperintahkan untuk memulihkan keadaan yang rosak kerana tindakan kejahatan, misalnya mencuri (Kel. 22:1, 4). Apabila seekor lembu dibantai, lima ekor harus dibayar sebagai 'restitusi'. Di samping itu, seorang penjahat harus membawa korban penebus dosa (Im. 6:1-7). Dalam PB pemungut cukai Zakheus itu berjanji memberi restitusi setelah dia bertemu dengan Yesus (Luk. 19:1-10)

roh Kata Ibrani *ruah* yang bererti 'angin' (Kel. 10:13), 'nafas' (Kej. 6:17), atau 'kuasa ilahi' (Yeh. 39:9). Dalam PB kata Yunani *pneuma* mempunyai erti yang luas. Roh itu datang dalam api dan penghukuman (Mat. 3: 11), roh menyerupai api datang ke atas

para murid pada hari pentakosta (Kis. 2:3), tetapi kedengaran seperti angin (*pneuma*). Bila digabungkan dengan kata sifat kudus (Roh Kudus) yang dimaksudkan adalah Roh Allah. Roh Kudus tidak banyak disebutkan dalam Injil Sinoptik, kerana menurut kepercayaan Kristian, Roh itu tidak diberikan sebelum kebangkitan atau pemuliaan Tuhan (Yoh. 7:39). Tetapi ada beberapa insiden luar biasa di mana Roh itu datang pada waktu Yesus dikandungkan (Luk. 1:5) dan baptisan-Nya (Luk. 3:16). Yesus dipimpin oleh Roh ke padang gurun (Mrk. 1:12). Roh dijanjikan kepada para murid (Mrk. 13:11; Luk. 11:13) dan janji itu dipenuhi atas Gereja yang berkumpul pada hari pentakosta (Kis. 2).

roh jahat Roh syaitan yang dapat memasuki dan menguasai serta mempengaruhi seseorang sehingga orang itu berbuat dosa atau jatuh sakit. Menurut pandangan orang Yahudi, roh jahat adalah utusan atau hamba Iblis.

Roh Kudus Kata Ibrani *ruah* dan kata Yunani *pneuma* bererti 'nafas' atau 'angin', dan diterjemahkan sebagai 'roh', yang menunjukkan kuasa pemberi kehidupan yang tidak terlihat. Jika digabungkan dengan 'kudus', maka kuasa itu dikatakan sebagai yang ilahi, meskipun kombinasi dua kata tersebut hanya muncul tiga kali dalam PL (Yes. 63:10; 11; Mzm. 51: 11).

Roh dalam Kej. 1:2 adalah kuasa Allah, yang dengan-Nya Allah menciptakan alam semesta. Itu adalah roh yang menyemarakkan persekutuan dengan pengharapan

jawab untuk mengurus harta milik satu perusahaan (1Raj. 16:9) atau pengurus kekayaan negeri (Rm. 16:23). Yesus menceritakan satu perumpamaan tentang bendahara yang tidak jujur (Luk. 16:1-8). Kata ini juga digunakan dalam kiasan: 'bendahara atau pengurus rahsia Allah' (1Kor. 4:1) yang merujuk kepada seorang yang mempunyai jawatan daripada Tuhan untuk tugas-tugas pelayanan ilahi. Paulus juga melihat dirinya sebagai bendahara atau pengurus perkara rohani (1Kor. 9:17) yang selalu harus mempertanggungjawabkan pekerjaannya (1Kor. 4:3-4)

benedictus Dari perkataan Latin yang bererti "terpujilah". Satu ucapan syukur. Dalam Lukas 1:68, Zakharia yang telah menjadi bisu kerana ketidak-percayaannya terhadap kata-kata malaikat (Luk. 1:20) telah dipulihkan. Dia mengucap syukur kepada Allah atas kelahiran anaknya Yohanes. Pujian ini kemudiannya telah dimasukkan ke dalam liturgi-liturgi Gereja.

berhala, penyembahan Pemujaan patung-patung dewa atau dewi. Penyembahan berhala merupakan hal yang lazim di kebanyakan agama Timur kuno. Larangan penyembahan berhala sangat ditekankan di dalam kitab Keluaran. Umat Israel diseru untuk beribadah hanya kepada Allah yang telah membebaskan mereka dari Mesir. Namun begitu, sepanjang sejarah Israel, bangsa ini sering tergoda untuk menyatukan ibadah kepada Yahweh dengan agama kesuburan bangsa Kanaan. Pertandingan yang diadakan oleh Nabi Elia

di gunung Karmel (1Raj.18) antara Yahweh dengan Baal menunjukkan cabaran yang harus dilalui oleh umat Israel (860 SM). Usaha Raja Yerobeam 1 pada tahun 930 SM untuk mencegah rakyatnya agar tidak pergi ke Yerusalem di Selatan, dengan mendirikan patung anak lembu di Betel dan di Dan (1Raj. 12:29) digambarkan sebagai kemurtadan yang menjijikkan.

Berita Baik Terjemahan daripada kata Yunani *euangelion*. (1) merujuk kepada empat kitab pertama dalam Perjanjian Baru yang juga disebut sebagai Kitab Injil. (2) berita tentang kehidupan, ajaran, kematian dan kebangkitan Tuhan Yesus bagi penyelamatan manusia.

berkat Salah satu daripada kata-kata pujian untuk Allah, atau kata-kata yang digunakan untuk membuat seseorang atau sesuatu menjadi kudus. Dalam PL berkat adalah kemurahan yang dikurniakan oleh Allah seperti pada musim menuai (Ul. 28:8). Dalam PB berkat-berkat rohani (Ef. 1:3) adalah semua kurnia yang dijanjikan Allah kepada manusia melalui Kristus (Kis. 3:25) dan kurnia-kurnia Kristus kepada murid-murid-Nya (Mrk. 14:22; Luk. 24:50).

C

cakrawala Dalam peristiwa penciptaan, cakrawala diciptakan oleh Allah untuk memisahkan air samudera raya dan membentuk langit (Kej. 1:6-8). Kosmologi Ibrani menggambarkan bumi sebagai dataran, di atasnya ada cakrawala berbentuk kubah yang disanggah oleh gunung-ganang di atas bumi, dan dikelilingi air. Lubang-lubang atau pintu-pintu air (Kej. 7:11) memungkinkan air turun sebagai hujan. Cakrawala adalah langit tempat Allah meletakkan matahari (Mzm. 19:4) dan bintang-bintang (Kej. 1:14) pada hari keempat penciptaan. Di bawah bumi banyak terdapat air lagi (Kej. 1:7) dan dikatakan sewaktu air bah besar zaman Nuh, dua samudera raya ini bergabung menjadi satu untuk menutupi bumi. *Syeol* (alam maut) berada di bawah bumi (Yes. 14:9; Bil. 16:30).

cari muka Digunakan untuk pelayanan yang dilakukan hanya untuk menarik perhatian, atau menyenangkan hati orang lain (TB-LAI menggunakan frasa 'hanya di hadapan mereka saja untuk menyenangkan mereka'), bukan demi Allah atau kerana kesedaran (Ef. 6:6; Kol. 3:22).

cawan Kadang-kadang 'cawan' digunakan sebagai metafora (kiasan) sesuatu yang sangat sukar atau yang menyebabkan penderitaan (Mat. 26:39). Apabila Yesus bertanya kepada Yakobus dan Yohanes adakah mereka dapat mengambil bahagian dalam cawan-Nya (Mat. 20:22), itu membawa

maksud untuk ikut mengalami penderitaan-Nya. Paulus mengatakan dalam Perjamuan Akhir, ikut serta minum cawan Perjamuan Tuhan adalah ikut memberitakan kematian Tuhan (1Kor. 11:26).

ciuman Salam sambutan dalam budaya Timur Tengah. Cium kudus (Rm. 16:16; 1 Ptr. 5:14) dilakukan pada pertemuan persahabatan Kristian. Yudas memberi ciuman kepada Yesus sebagai tanda untuk askar-askar menangkap Yesus (Mrk. 14:45). Ciuman juga merupakan salam adat seorang murid kepada rabi (guru).

cuka Anggur asam. Cuka diberikan kepada Yesus di atas salib, yang bertujuan untuk mengurangi rasa sakit (Mrk. 15:36), tetapi mungkin kemudian dimengerti sebagai usaha meningkatkan penderitaan (Luk. 23:36) apabila hal itu dilihat sebagai penggenapan dari pandangan tentang cuka sebagai racun (Mzm. 69:22).

cukai Di wilayah pemerintahan dan penjajahan Roma, ada cukai tambahan nilai atas harta benda. Di Yudea cukai dibayarkan kepada gabenor Romawi, dan di Galilea kepada Herodes Antipas. Lewi sedang memungut cukainya (Mrk. 2:14) ketika dia dipanggil oleh Yesus untuk mengikut Dia. Pemungut cukai tidak disukai oleh orang ramai terutama di kalangan orang-orang Yahudi, kerana mereka selalu berhubungan dengan orang-orang bukan Yahudi.

R

rabi Kata Ibrani yang bererti 'guru'. Kata ini muncul dalam Injil Markus (9:5; 11:21; 14:45) sebagai satu sapaan sopan dan terhormat yang diucapkan Petrus. Dalam Injil Matius hanya Yudas yang menyebut Yesus dengan sebutan itu (Mat. 26:25, 49). Murid-murid Yesus dilarang merebut gelaran itu bagi diri mereka (Mat. 23:8). Tidak ada kata rabi dalam Injil Lukas, tetapi sering ditemui dalam Injil Yohanes di mana Yesus disebut rabi oleh dua orang murid dan oleh Natanael (Yoh. 1:36-38, 49). Nikodemus juga menyebut Yesus sebagai rabi (Yoh. 3:2) kerana Dia dapat membuat 'tanda-tanda'. Orang ramai menyebut Yesus sebagai rabi setelah Yesus memberi makan kepada 5,000 orang (Yoh. 6:25). Pada waktu Maria Magdalena bertemu dengan Yesus yang telah bangkit, dia menyangka Yesus adalah penunggu taman dan menyebut-Nya 'tuan' (bahasa Yunani *kyrie*), tetapi setelah dia mengenali Yesus dia menyebut-Nya 'rabuni', yang bererti 'guruku' (Yoh. 20:16).

ragi Dalam Alkitab ragi mempunyai dua erti yang saling bertentangan. Ragi digunakan dalam menaikkan adonan tepung. Oleh kerana itu, adonan ragi boleh dianggap sebagai sesuatu yang hidup yang tidak boleh ikut dibakar dengan korban bakaran di atas mazbah. Ragi juga boleh dipandang sebagai sesuatu yang merosakkan dan boleh menyebabkan pembusukan. Para rabi Yahudi memiliki pandangan seperti itu yang

melambangkan perosakan watak manusia. Yesus mengutuk ragi orang Farisi (Mrk. 8:5) dan begitu juga Paulus mencela kebongkakan orang Korintus (1Kor. 5:6-8) dan tipu muslihat musuh-musuhnya di Galatia (Gal. 5:9). Pada pihak lain pula, ragi sebagai pemberi hidup digunakan dalam perumpamaan tentang ragi dalam Mat. 13:33 dan Luk. 13:20-21.

rajawali Burung yang dikenal kerana kecepatan terbangnya (2Sam. 1:23; Why. 4:7). Dianggap sebagai raja burung oleh orang Ibrani (Rat. 4:19), tetapi juga dipandang sebagai najis (Im. 11:11). Dari jenis-jenisnya yang terdapat di Palestin, mungkin yang dimaksudkan oleh Yesus (Mat. 24:28) adalah jenis griffon, seperti dalam Ams. 30:17.

rasul Kata Yunani *apostolos*, yang bererti 'utusan'. Merujuk kepada orang yang dipilih oleh Yesus untuk menjadi pengikut dan pembantu-Nya yang khas. Dari segi fungsi Yahudi, ia disebut sebagai *shaliakh*, iaitu orang yang dipercayai untuk menyampaikan pesan dengan wibawa orang yang mengutuskannya. Dalam PB, Paulus dan pekerja-pekerja Kristian yang lain pun disebut sebagai rasul.

rahmat [*Lihat anugerah*]

Reformasi, Protestan Satu gerakan keagamaan di Eropah yang bertujuan untuk membaharui (reform) gereja Roman Katolik pada tahun 1500.

perbandingan. Yesus banyak menggunakan perumpamaan untuk menjelaskan pengajarannya sama ada kepada orang ramai atau kepada beberapa orang individu sahaja.

predestinasi Kata Yunani *proorizo* yang bererti 'menentukan sebelumnya' dan berlaku untuk maksud-maksud Allah yang diliputi dalam pemilihan [*Lihat pemilihan*]. Pemilihan adalah pilihan Allah terhadap satu umat 'di dalam Kristus' (gereja yang sejati) bagi diri-Nya. Predestinasi meliputi apa yang akan terjadi kepada umat Allah ini (iaitu semua orang yang sungguh-sungguh percaya kepada Kristus). Allah mempredestinasikan umat pilihan-Nya untuk (1) dipanggil (Rm. 8:30); (2) dibenarkan (Rm. 3:24; 8:30); (3) dimuliakan (Rm. 8:30); (4) dijadikan serupa dengan Anak-Nya (Rm. 8:29); (5) dijadikan kudus dan tidak bercela (Ef. 1:4); (6) diangkat sebagai anak-anak Allah (Ef. 1:5); (7) ditebus (Ef. 1:7); (8) menerima suatu bahagian (Ef. 1:14); (9) menjadi puji-pujian bagi kemuliaan-Nya (Ef. 1:12; 1Ptr. 2:9); (10) menerima Roh Kudus (Ef. 1:13; Gal. 3:14); dan (11) diciptakan untuk melakukan perbuatan baik (Ef. 2:10).

Proselit Pengikut baru agama Yahudi yang disebut sebagai 'orang-orang yang takut akan Allah' atau 'para penyembah Allah' (Kis. 13:16; 16:14). Mereka ini mungkin sudah memasuki tahap akhir yang menuntut mereka disunat, menerima baptisan dan membawa korban. Ada di antara mereka yang tertarik dengan agama tauhid Yahudi tetapi ditolak kerana peraturan larangan dan hukum

peribadahan Yahudi yang ketat. Akibatnya banyak di antara mereka yang menyambut Injil Kristus sehingga menimbulkan kemarahan orang yahudi kerana kehilangan calon-calon proselit (Kis. 18:12-17; Mat. 23:13).

puasa Berpantang daripada makanan. Dalam konteks rohani, ia biasanya dilakukan bersama dengan doa dan merupakan simbol kerendahan hati manusia.

pujian Penyembahan kasih kepada Allah sebagai jawapan terhadap kasih-Nya yang terlebih dahulu telah diberikan kepada kita (1Yoh. 4:9-10). Hal ini digambarkan sebagai 'korban syukur kepada Allah' (Ibr. 13:15), yang bertentangan dengan ibadah yang dipersembahkan kepada sesuatu yang lebih rendah daripada Allah (Kel. 20:2-4).

Purim Suatu perayaan orang Yahudi. Menurut Est. 3:6, semua orang Yahudi mahu dimusnahkan dalam satu pembunuhan pemusnahan kaum. Tarikhnya harus ditentukan dengan undi (*purim* dalam bahasa Ibrani). Tetapi sebelum hal itu dilaksanakan, Ratu Ester berjaya menggagalkan rancangan Haman yang anti-semitik itu. Purim diingati sebagai memperingati peristiwa pembebasan kaum Yahudi daripada dihapuskan itu.

D

daging Yang dari sifat kemanusiaan dan bukan dari Allah. 'Daging' mempunyai konotasi sebagai kelemahan (Mzm. 78:39) atau dosa. Dalam PB 'menurut kehendak daging' menunjukkan kekurangan atau kelalaian (1Kor. 1:26) dan bersifat keduniaan (1Kor. 3:1-3). Sifat daging selalu bertentangan dengan sifat roh dalam manusia (Gal. 5:16-21) yang membawa maut (Rm. 8:6)

damai *Shalom* dalam bahasa Ibrani digunakan sebagai ucapan salam antara sahabat (Ezr. 5:7). Juga suatu sebutan untuk situasi tanpa permusuhan antara bangsa-bangsa (1Raj. 5:12). Damai adalah kurnia Allah (Yes. 54:10). Dalam PB damai bukan sahaja bererti hubungan baik antara manusia (Luk. 14:32), tetapi juga sesuatu yang harus ada dalam jemaat Kristian (Rm. 14:19) dan di luar jemaat (Ibr. 12:14). Yesus sendiri adalah Raja Damai (Yes. 9:6). Kematian-Nya telah membawa damai antara Allah dengan manusia (Kol. 1:20) dan antara orang Yahudi dengan bukan Yahudi (Ef. 2:14).

darah Dalam pengertian Ibrani darah adalah pusat satu kehidupan, bahkan dianggap sebagai kehidupan itu sendiri. Sebab itulah darah memainkan peranan penting dalam upacara-upacara korban mereka. Imam-imam dikuduskan dengan darah (Kel. 29:19-21); darah direnjiskan ke atas mazbah untuk menebus dosa (Im. 17:6); dan direnjiskan kepada seluruh umat

Israel untuk menegakkan perjanjian dengan TUHAN (Kel. 24:8).

Dalam PB darah Yesus menandakan kuasa kematian-Nya untuk menebus dosa. Maka ketaatan dalam kehidupan dan kematian Kristus menjadi asas kepada perjanjian baru (1Kor. 11:23-29). Meminum dari cawan perjanjian baru dalam Perjamuan Tuhan membawa erti dipersatukan dengan domba Paskah yang telah dibunuh untuk kita (1Kor. 5:7).

dermawan Satu gelaran pujian untuk raja-raja bukan Yahudi, seperti raja Aram dan Mesir. Yesus melarang murid-murid-Nya menggunakan gelaran itu di kalangan mereka (Luk. 22:25-26).

Deuterokanonika Merujuk kepada karya-karya Roman Katolik untuk kitab-kitab yang terdapat dalam LXX, tetapi tidak terdapat dalam PL Ibrani. Juga disebut sebagai apokrif (yang tersembunyi).

diaken Berasal dari kata Yunani yang membawa erti para pegawai yang bertindak atas nama dan wibawa seorang pemerintah, seperti duta besar atau utusan pembawa berita. Hermas disebut '*diaken*' atau '*diakonos*' kerana dia membawa pesan para dewa Yunani. Paulus adalah *diakonos* Allah kerana dia menjadi juru bicara-Nya. Paulus adalah duta untuk orang-orang bukan Yahudi, pendamai di antara Yahudi dan bukan Yahudi di dalam jemaat, dan

mempersatukan mereka melalui sumbangannya untuk jemaat Yerusalem.

Dalam jemaat orang percaya, diaken mencerminkan integriti keperibadian dan peranannya sebagai juru tulis, sedangkan tugas mengajar dipercayakan kepada presbyter atau penatua (1Tim. 3:2, 5). Wanita juga boleh dipilih sebagai seorang diaken seperti yang berlaku kepada Febe (Rm. 6:1). Tujuh diaken yang dilantik untuk membantu keduabelas rasul (Kis. 6:1-6) adalah diaken-diaken pertama yang berfungsi melayani (bahasa Yunani *diakonein*) dan 'melayani meja'.

diaspora Kata Yunani yang bererti 'penyebaran'. Ia digunakan untuk umat Yahudi yang tersebar di seluruh dunia, yakni di luar tanah Palestin. Penyebaran ini bermula dengan pembuangan orang-orang Yahudi ke Asyur (abad ke-8 SM), dan Babilonia (abad ke-6 SM). Orang-orang Yahudi diaspora tetap mempertahankan hubungan kesetiaan mereka kepada Yerusalem dengan membayar cukai setengah syikal, dan kalau dapat, akan mengunjungi Bait Allah di Yerusalem (Kis. 2:9-11).

doa Tindakan menghubungkan diri dengan Tuhan dengan atau tanpa perkataan. Percakapan antara Allah dan manusia diberitakan dalam PL (contohnya Abraham, Kej. 15:1-6; Musa, Kel. 3:1-4; 33:11; para nabi, 1Sam. 3:4-9). Doa dalam PL mencakup permohonan, syafaat, pengakuan, dan pengucapan syukur. Juga telah ditentukan jam-jam dan hari-hari tertentu untuk doa. PB memberitahu kita tentang Yesus yang sering

berdoa kepada Bapa-Nya dan mengajarkan Doa Bapa Kami kepada murid-murid-Nya (Mat. 6:9-13; Luk. 11:2-4). Surat-surat dalam PB mengajarkan bahawa doa kepada Allah dilakukan melalui Kristus (Rm. 1:8). Doa dalam PB merangkumi pujian (Kis. 2:47), pengucapan syukur (1Kor. 14:16-17), dan permohonan (Flp. 4:6). Doa tidak dipandang sebagai memaksa Allah untuk bertindak, tetapi sebagai memohon agar jadilah kehendak Allah dan datanglah Kerajaan-Nya.

Doa Bapa Kami Doa yang diajarkan Yesus kepada murid-murid-Nya atas permintaan mereka (Mat. 6:9-13 dan dalam bentuk yang agak berbeza dan lebih singkat di Luk.11:2-4). Doa ini sebenarnya adalah suatu doa Yahudi, tanpa isi khusus Kristian. Setiap kalimat mempunyai kesamaan sejajar dengan kalimat-kalimat dalam doa Yahudi yang didoakan berulang-ulang dalam sinagoga. Yang paling utama didoakan adalah agar Allah menggenapi maksud-Nya di dunia ini, sebagaimana hal itu sudah digenapi di Syurga. Dengan demikian, doa ini ditempatkan dalam kerangka eskhatologi (penggenapan akhir). Doa ini mengajak para murid Yesus untuk ikut serta dalam keakraban dengan Bapa seperti yang dialami oleh Yesus sendiri, tanpa mengurangi keilahian dan kekudusan Allah.

doktrin Kata '*doctrine*' digunakan (contohnya Ul. 32:2) untuk pengajaran atau perintah dalam PL, yang merujuk kepada Taurat yang telah diberikan. Dalam PB dikatakan bahawa Yesus mengecam orang Farisi kerana 'mengajarkan doktrin-doktrin

itu dimaksudkan sebagai persekutuan kasih yang berpusat pada Allah. Namun begitu, tujuan dan maksud mulia ini mula tercemar oleh pengaruh-pengaruh kafir. Pada abad ke-4 Gereja Barat memisahkan Perjamuan Kasih daripada Perjamuan Kudus walaupun tujuan utamanya ialah kesempatan untuk perbuatan kasih. Dengan demikian timbullah kebiasaan untuk berpuasa sebelum Perjamuan Kudus.

Perjamuan Kudus [Lihat *Perjamuan Tuhan*]

Perjamuan Tuhan Upacara penting dalam ibadat Kristian, dimulakan oleh Tuhan Yesus Kristus pada malam terakhir sebelum kematian-Nya. Dalam upacara ini roti dimakan dan wain diminum untuk memperingati kematian Kristus. Sebutan Perjamuan Tuhan dimulakan oleh Paulus dalam 1Kor. 11:20.

perjanjian Persetujuan yang dibuat di antara dua pihak, dalam konteks perhubungan Allah dengan manusia, khususnya dengan umat Israel. Janji Allah menegaskan unsur anugerah dari pihak-Nya seperti kepada Nuh (Kej. 9:9-11), Abraham (Kej. 17:8 -11), umat Israel (Ul. 29:10-15) dan Daud (1Raj. 2:4). Perjanjian itu mengandungi janji-janji daripada pihak Allah dan menuntut kesetiaan daripada pihak manusia. Perjanjian Allah dengan Abraham dimeteraikan dengan penyunatan. Penumpahan darah Kristus di Golgota (Mrk. 14:22-24) membarui dan mengukuhkan perjanjian Allah itu (Ibr. 8:8-13). Melalui Kristus, Allah membuat suatu "perjanjian yang baru" (Ibr. 9:15).

persepuluhan Kata Ibrani *ma'ser* yang secara harafiah bererti sepersepuluh daripada hasil tuaian atau pendapat seseorang yang diberikan kepada Allah. Dalam PL persepuluhan diambil daripada pendapatan tahunan yang dipisahkan untuk maksud-maksud keagamaan dan dikukuhkan oleh janji Yakub di Betel (Kej. 28:22). Di Bait Allah kedua, persepuluhan itu dikumpulkan dalam bait untuk mempertahankan kehidupan imam (Neh. 10:37-38). Persepuluhan itu tidak selalu dibayarkan dengan sukarela dan lunas (Mal. 3:8-10). Tetapi sebelum pembuangan ke Babel raja-raja juga mengumpulkan persepuluhan dalam bentuk buah-buahan atau haiwan ternakan dan sebahagian daripadanya ditimbun di Bait Allah (2Taw. 31:5-6).

pertaubatan Perubahan batin yang mengakibatkan perubahan cara hidup yang berpaling daripada dosa dan kembali kepada Tuhan. Inilah seruan pertama Yesus dalam Mat 4:17 dan ternyata sebagai misi-Nya dalam Luk 5:32. Pertaubatan melibatkan kesadaran bahawa dosa telah mengasingkan kita daripada Allah dan perlu diakui untuk pengampunan-Nya (Kis. 3:19)

penyucian Upacara atau proses membersihkan diri bila terlanggar hukum tentang kenajisan ritual seperti masa haid atau bersentuhan mayat. Cara-cara penyucian yang terperinci ada disenaraikan dalam Kitab Imamat.

perumpamaan Mengajar perkara-perkara rohani dengan menggunakan cerita kiasan, ibarat atau

lakukan sekali sahaja.

Perayaan Paskah Perayaan pembebasan bangsa Ibrani daripada perhambaan di Mesir. Pada hari itu Malaikat Maut masuk ke rumah orang Mesir dan membunuh semua anak sulung mereka, tetapi rumah orang Ibrani 'dilewati'/'dilalui' (Kel. 12:23-27). Dalam bahasa Ibrani '*pesah*' yang bererti 'melewati'/'melalui'. Hari perayaan itu jatuh pada 14 hari bulan April. Dalam PB jemaah Kristian yang awal memberi makna baru kepada Perayaan Paskah, iaitu perayaan kebangkitan Tuhan Yesus daripada kematian.

Perayaan Pentahbisan Rumah TUHAN Perayaan untuk memperingati pembinaan semula Bait Allah di Yerusalem dan pentahbisannya pada tahun 165 SM di bawah pimpinan seorang pahlawan yang bernama Yudas Makabe. Perayaan ini dirayakan selama lapan hari, bermula dari 25 hari bulan Kislev, tarikh yang berdekatan dengan 10hb Disember.

Perayaan Pentakosta Perayaan pengucapan syukur bangsa Yahudi bagi hasil tuai gandum. Perayaan ini dirayakan pada 6 hari bulan Sivan, iaitu tarikh yang berdekatan dengan 20 hari bulan Mei. Perayaan ini dinamakan Perayaan Pentakosta kerana Pentakosta bererti 'lima puluh', dan perayaan ini dirayakan pada hari kelima puluh selepas Perayaan Paskah. Dalam PB perayaan ini dihubungkan dengan turunnya Roh Allah (Kis. 2).

Perayaan Pondok Daun Perayaan ini berlangsung selama lapan hari untuk memperingati zaman ketika orang

Yahudi mengembara di padang gurun dan tinggal di dalam khemah. Perayaan ini bermula dari 15 hari bulan Tishri, iaitu tarikh yang berdekatan dengan 6 hari bulan Oktober.

Perayaan Purim Perayaan agama Yahudi yang diadakan pada 14 hari bulan Adar (sekitar 1 hari bulan Mac) untuk memperingati pembebasan orang Yahudi daripada Haman. Cerita ini dikisahkan dalam Kitab Ester. Pada hari itu Kitab Ester akan dibaca di rumah-rumah orang Yahudi.

Perayaan Roti Tidak Beragi Perayaan ini berlangsung selama tujuh hari selepas Perayaan Paskah. Hari ini juga dirayakan untuk memperingati pembebasan Orang Ibrani daripada perhambaan di Mesir. Pada perayaan ini roti dibuat tanpa menggunakan ragi (Kel. 12:14-20), dan itulah sebabnya perayaan itu dinamakan Perayaan Roti Tidak Beragi. Perayaan itu jatuh pada 15-20 hari bulan Nisan, iaitu tarikh yang berdekatan dengan minggu pertama dalam bulan April.

Perjamuan Akhir [Lihat Perjamuan Tuhan]

perjamuan kasih Perjamuan yang mendahului Ekaristi (Perjamuan Kudus) disebut *agape* dalam bahasa Yunani, yang secara harfiah bererti 'kasih yang memberi diri'. Perjamuan ini disebut dalam Yud. 12 dan mungkin juga dalam 1Kor. 11:17. Amalan ini dilanjutkan oleh Gereja Kristian Perdana (lihat Kis. 20:7) pada malam sebelum hari Tuhan. Seperti nyata dalam sebutannya, perjamuan

perintah manusia' (Mrk. 7:7). Dalam Kolose 2:22 terdapat penggunaan serupa kata ini yang bersifat merendahkan. Tentangan dari dalam dan tekanan-tekanan dari luar menyebabkan doktrin-doktrin Gereja Kristian (misalnya Pengakuan Iman) disusun.

dosa Segala yang salah dalam hubungan dengan Allah (Rm. 14:23). Penyembahan berhala adalah dosa yang utama (Rm. 1:23). Kata-kata lain termasuklah pelanggaran hukum (2 Kor. 6:14) dan kejatuhan moral (1Yoh. 3:12). Asas dosa asal manusia yang pertama di Taman Eden di mana ketidaktaatan/pemberontakan terhadap perintah Allah – mendatangkan akibat kematian (Kej. 2:17). Semua orang telah mewarisi sifat dosa dari saat itu dan hanya iman dalam Yesus yang boleh melepaskan mereka daripada hukuman.

dualisme Istilah untuk suatu kepercayaan bahawa ada perbezaan mutlak antara terang dan gelap, baik dan jahat, Allah dan Iblis. Dalam kepercayaan Zoroasterianisme, roh jahat dianggap sebagai sesuatu yang mandiri terlepas dari pencipta kebaikan. Tetapi agama Yahudi selalu mempertahankan bahawa Iblis adalah lebih rendah daripada Allah. Doktrin Kristian pula mengajar bahawa ciptaan Allah adalah baik (Kej. 1:31), namun manusia dalam kebebasannya telah menjadi berdosa (Rm. 6:12). Paulus menolak doktrin sesat (bidat) Gnostik yang mengajar jasmani adalah jahat (Rm. 8:19 dst.).

dunia Tidak ada suatu pengertian tunggal tentang dunia dalam Alkitab.

Dalam PL segala sesuatu yang ada di dunia ini diciptakan oleh Allah. PB pula menggunakan pelbagai kata Yunani untuk dunia. Contohnya *kosmos* yang bererti dunia seagat (langit dan bumi, universal; lihat Kis. 17:24); *oikoumene* yang bererti 'dunia yang didiami' (contohnya Ibr. 1:6); *aion* yang digunakan untuk membandingkan 'dunia ini' dengan 'dunia yang akan datang'. Paulus menasihatkan agar jangan menjadi sama dengan dunia ini, *aion* ini atau zaman ini (Rm. 12:2). Menurut Yohanes, dunia ini diciptakan oleh Kristus (Yoh. 1:3) sambil mengangkat pengertian PL tentang firman dalam Ams. 8:22. Namun, di luar dari Kristus dunia ini ada di bawah hukuman (Yoh. 16:8-14). Yesus tidak mahu murid-murid-Nya menarik diri keluar dari dunia ini (Yoh. 17:15), maksudnya, dari masyarakat dunia ini. Begitu juga dengan Paulus (1Kor. 5:10).

duri, mahkota Mahkota duri yang diletakkan ke atas kepala Yesus (Mat. 27:29). Duri banyak didapati di semak belukar di Palestin. Para askar membuat mahkota duri dan memakaikan jubah ungu kepada Yesus sebagai satu ejekan yang cuba menampilkan Yesus sebagai seorang raja.

E

Eden Suatu daerah yang terletak di selatan Mesopotamia, yang menurut Kejadian 2, adalah tempat Adam dan Hawa. Di dalamnya terdapat dua jenis pohon buah-buahan: satu memberi berkat kehidupan kekal (Kej. 3:22), dan satu lagi memberi pengertian untuk hal yang baik dan yang jahat. Sebelum kejatuhan Adam dan Hawa ke dalam dosa, taman Eden dibayangkan sebagai Firdaus; dan setelah pembuangan di Babilonia, tanah perjanjian ke mana Israel akan kembali digambarkan sebagai Eden yang baru (Yes. 51:3).

efata Perintah yang diucapkan oleh Yesus dalam Bahasa Aram yang bererti 'terbukalah' selepas Dia menyembuhkan orang yang tuli dan bisu dengan memasukkan jari-jarinya ke telinga, meludah dan menjamah lidah orang tersebut (Mrk. 7:34). Cara menyembuh ini dikatakan adalah yang biasa digunakan oleh penyembuh dalam masyarakat Helenistik dan dari Kaisar Vespasianus.

efod Pakaian yang dikenakan oleh imam-imam di Israel purba, yang di dalamnya ditaruh Urim dan Tumim. Ia dipercayai mempunyai kuasa yang supernatural/luar biasa kerana digunakan untuk berhubungan dengan Allah (Hak. 17:5). Daud memerintahkan Imam Abyatar untuk membawa baju efodnya (1Sam. 23:9). Efod merupakan jubah kebesaran yang digambarkan dalam Kel. 28:39,

dan tidak hanya digunakan pada upacara keagamaan, tetapi juga digunakan dalam meramal kejadian-kejadian di masa hadapan. Di beberapa bahagian dalam PL, efod merupakan sesuatu yang dipuja orang.

Ekaristi Kata ini digunakan berasaskan 1Kor. 14:16 ('ucapan syukurmu') sejak awal abad kedua, untuk upacara utama persaudaraan atau persekutuan Kristian. Dalam Perjamuan Tuhan, Yesus mengucap syukur (Luk. 22:17), dan pada hakikatnya upacara Kristian merupakan ucapan syukur untuk seluruh karya Allah dalam penciptaan dan penebusan. Upacara pemberkatan roti orang Yahudi, sebagaimana yang dilakukan oleh Yesus, adalah satu bentuk upacara syukur kepada Allah.

eksegesis Kata Yunani (terdapat dalam LXX, tetapi tidak dalam PB) yang bererti 'penjelasan'. Pada masa kini kata tersebut bererti komentar atau penafsiran teks Alkitab untuk menghurai hal-hal yang tidak jelas dan mencari hubungan antara suatu kata, ayat atau bahagian dengan kata, ayat atau bahagian yang lain untuk menentukan maknanya yang pasti.

El Shadai Terjemahan tradisional untuk 'Allah Yang Mahakuasa'. Merupakan salah satu sebutan tertua untuk Allah. Digunakan sebanyak 55 kali dalam PL (contoh Yeh. 10:5) di mana 31 kali di dalam Kitab Ayub (tanpa *El*). LXX menerjemahkan

untuk membuat permohonan bagi pihak kita (Ibr. 7:25).

pengudusan Kata Yunani *hagiasmos* yang bererti dipisahkan supaya menjadi kudus, ditahbiskan, memisahkan dari dunia, dan dijauhkan dari dosa supaya kita dapat mempunyai persekutuan erat dengan Allah dan melayani-Nya dengan sukacita. Dalam PL darah digunakan untuk menguduskan seseorang atau tempat. Dalam PB pengudusan adalah suatu proses dalaman kelahiran baru yang bermula apabila seseorang percaya kepada Kristus. Ini akan membawa kepada corak dan cara hidup yang berbuah dan berkenan di mata Allah, di bawah kuasa dan bimbingan Roh Kudus (Rm. 6:22; 1Tes. 4:3).

penjelmaan Kristus Membawa erti 'menjadi daging/manusia' (Yoh. 1:14) di mana dalam diri Yesus terdapat satu peribadi dengan dua hakikat iaitu ilahi sepenuhnya dan manusiawi sepenuhnya.

penghibur Digunakan dalam AV untuk menerjemahkan kata Yunani *parakletos*, istilah dalam Injil Yohanes untuk Roh Kudus, yang dikirim oleh Yesus untuk menyertai para murid.

pengosongan diri [*Lihat kenosis*]

pengurapan Pengurapan dengan minyak. Raja-raja dan imam-imam harus ditahbiskan dengan minyak (1 Sam. 10:1; Im. 8:12). Penyembuhan dengan menggunakan minyak dianjurkan dalam surat Yakobus (5:14-15). Mesias (Kristus) bererti 'yang diurapi'. Dan kenyataan bahawa

Kristus diutus untuk 'diurapi dengan minyak sebagai tanda kesukaan' (Ibr. 1:9) kerana pekerjaan mesianik-Nya, dan penerimaan Roh Kudus oleh-Nya (Luk. 4:18) menjadi contoh bagi pekerjaan Gereja yang menggunakan upacara pengurapan untuk pencurahan Roh, seperti dalam pentahbisan.

Penolong Terjemahan dari kata Yunani *Parakletos*. Digunakan dalam Injil Yohanes dan 1 Yohanes untuk Roh Kudus (Yoh. 14:16). Istilah ini berasal dari dunia kehakiman yang bererti pengacara untuk pembelaan, yang selalu mendampingi orang yang didakwa.

penghakiman Allah digambarkan sebagai Hakim (Mzm. 9:8) berasaskan sifat-Nya yang kudus dan adil (Ul. 32:4). Oleh itu setiap orang akan dihakimi selepas kematian (Ibr. 9:27) dan mendapat balasan setimpal dengan perbuatannya di dunia ini (2Kor. 5:10).

pengorbanan Korban adalah sesuatu yang dikhaskan untuk dipersembahkan kepada Allah, terutamanya sebagai penebusan pelanggaran dosa. Kitab Imamat mengandungi hukum-hukum terperinci tentang jenis-jenis korban (korban bakaran, korban pendamaian, korban penebus salah, korban persembahan, korban syukur). Pengertian pengorbanan yang penuh adalah dalam kematian Kristus sebagai korban yang sempurna untuk membebaskan semua orang (Rm. 5:18) kerana Dia yang tanpa dosa (2Kor. 5:21) telah menggantikan kedudukan manusia yang berdosa, dan Dia hanya perlu

dipanggil untuk berdiri di samping terdakwa dalam satu pengadilan. Dengan demikian, kata ini menegaskan karya Roh Kudus sebagai penolong, seperti ketika orang-orang Kristan berada di hadapan pengadilan penguasa Yahudi atau kafir.

penatua Bahasa Yunani *presbyteros* yang berarti 'penatua' (Kis. 11:30; 15:2, 4, 6, 22-23; 16:4; 21:18). Pemimpin Kristian ini berperanan memperhatikan kebajikan kerohanian jemaahnya (Rm. 12:8; 1Tes. 5:12-13; Yak. 5:14; 1Ptr 5:1-4). Ada juga keadaan di mana penatua itu dikenali sebagai 'uskup' atau 'bishop' (Tit. 1:5-9).

pentahbisan Tindakan mengasingkan atau mengkhususkan seseorang atau barang dari penggunaan yang mencemarkan dan mempersembahkannya untuk melayani Allah (Kel. 29:1; 2Taw. 31:6). Dalam penggunaan moden pentahbisan (misalnya untuk gereja) adalah ucapan syukur kepada Allah dan mendeklarasikan fungsi seseorang atau barang itu adalah untuk pelayanan.

penebusan dosa Doktrin asas bahawa kematian Yesus atas kayu salib adalah sempurna untuk mendamaikan manusia dengan Allah, kerana hukuman dosa telah selesai ditanggung oleh-Nya. Dosa telah merosakkan hubungan antara Allah dan manusia. Kita semua telah ditebus oleh darah Yesus sehinggalah kita dibenarkan oleh Allah.

pengikut Seseorang yang mengikuti seorang dan berguru kepada seorang guru. Dalam PB kata ini ditujukan kepada pengikut-pengikut Yohanes

Pembaptis dan pengikut-pengikut Paulus, tetapi terutamanya ditujukan kepada pengikut-pengikut Yesus, khususnya dua belas orang rasul-Nya. [Lihat murid]

pendamaian Penjalinan kembali perhubungan antara manusia dengan Allah yang telah dipisahkan oleh dosa melalui Yesus Kristus (Kol 1:20-22).

pengakuan kepercayaan/syahadat Juga dikenali sebagai *kredo* atau pengakuan iman. Ia bukan satu pengakuan dosa tetapi merupakan ringkasan iman Kristian yang melibatkan kebenaran bahawa Yesus adalah Tuhan (1Kor. 12:3, 1Tim. 3:16), Dia datang ke dunia untuk hidup sebagai manusia, mati di atas kayu salib (Flp. 2:6-9) dan pada hari ketiga Dia bangkit dari kematian (1Kor. 15:20).

pengampunan Pemulihan kembali hubungan yang terputus yang membawa kepada pendamaian. Dalam kasih-Nya Allah selalu sedia untuk mengampuni (Neh. 9:17), tetapi dalam keadilan-Nya perlu ada pengorbanan untuk pengampunan. Kerana itulah Yesus dijadikan korban yang sempurna supaya dosa kita dapat diampuni (Ibr. 10:12-14).

pengantara Satu peranan yang dipertanggungjawabkan kepada para imam dalam PL untuk membawa korban kepada Allah bagi dosa manusia. Melalui korban-Nya yang sempurna di kayu salib, Yesus menjadi Pengantara (Ibr. 8:6, 9:15, 12:24) dan sebagai Iman Besar yang hidup selama-lamanya, yang sekarang berada di takhta Allah

Shaddai sebagai *Pantokrator*, 'Yang Mahakuasa', yang digunakan sekali oleh Paulus (2Kor. 6:18) dan 8 kali di kitab Wahyu.

Elohim Kata ini berbentuk jamak, yang secara harfiah bererti 'tuhan-tuhan' (seperti dalam Kel. 20:3), namun biasanya digunakan untuk Allah orang Israel, sebagai Yang Mahakuasa. Bentuk tunggal *El* juga ditemui terutama dalam kitab Ayub. Panggilan *Elohim* digunakan oleh Abraham (Kej. 22:1-19) sehinggalah Allah menyatakan nama-Nya sebagai Yahweh (Kej. 3:13-15).

Eloi Jeritan kesedihan yang diucapkan Yesus dari atas kayu salib (Mrk. 15:34) dengan campuran kata Ibrani dan Aram, yang merupakan ayat pertama dari Mazmur 22. Meskipun Mazmur ini berakhir dengan nada pengharapan dan bahawa Yesus menyimpan dalam hati-Nya seluruh Mazmur ini, kebanyakan sarjana berpendapat bahawa kata-kata itu menyatakan identiti sepenuh kemanusiaan Yesus dan keputusan-Nya. Yesus merasa ditinggalkan, bahkan oleh Allah, Bapa-Nya (bandingkan dengan 2Kor. 5:21).

Emanuel/Immanuel Salinan huruf bahasa Yunani dari kata Imanuel dalam bahasa Ibrani yang bererti 'Allah berserta kita'. Digunakan oleh Matius 1:23 ketika memetik Yesaya 7:14. Nama itu merupakan tanda yang diberikan nabi kepada Raja Ahas pada 734 SM, dan merupakan bahagian dari peringatan baginya supaya tidak menaruh kepercayaan kepada Asyur sebagai pelindung ketika menghadapi tentera gabungan Aram dan Israel,

yang mengancam Yehuda. Mereka akan dihancurkan sebelum seorang anak laki-laki yang akan disebut Imanuel dilahirkan oleh seorang perempuan muda (kata Ibrani dalam Yes. 7:14 tidak semestinya gadis perawan) tetapi seorang wanita yang sudah menjadi cukup dewasa untuk membezakan antara hal yang baik dan yang jahat. Dengan demikian, tanda yang diberikan Yesaya merupakan jaminan perlindungan Kuasa Allah pada masa mereka menghadapi bahaya.

epifani Kata ini bererti 'manifestasi' atau 'penyataan', dan sama dengan 'teofani' atau penyataan ilahi. Dalam PL terdapat beberapa contoh mengenai epifani (pernyataan Allah) kepada Musa dalam semak belukar yang bernyala (Kel. 3:2). Bagi umat Kristian, penyataan Allah yang tertinggi adalah dalam inkarnasi, dan untuk memperingatinya ada dua hari raya dalam kalender Kristian Barat dan Timur.

Sejak pertengahan abad ke-5 M Gereja di Roma memperingati penyataan Kristus kepada orang-orang bukan Yahudi, yang ditandai dengan kunjungan orang majus kepada Yesus (Mat. 2:11) pada setiap 6 Januari. Dari Roma perayaan ini menyebar ke Barat, bersama dengan perayaan Hari Natal pada 25 Disember sebagai hari kelahiran Yesus. Di Timur sejak abad ke-3 Epifani pada 6 Januari tidak hanya diperingati sebagai hari kelahiran Yesus (termasuk kunjungan orang majus), tetapi juga merangkumi pembaptisan Yesus, dan bahkan mukjizat pertama-Nya di Kana (Yoh. 2:1-11). Pada akhir abad ke-4 Epifani

dipusatkan pada pembaptisan Yesus, sementara 25 Disember dipinjam dari Barat untuk memperingati kelahiran Yesus.

eskhatologi Kata Yunani: *ta eskhat-a*. Doktrin mengenai 'zaman akhir'. 'Akhir' bererti titik penghabisan, atau apabila segala sesuatu dinilai dan dihakimi.

Dalam PL janji mengenai 'tanah yang makmur' (Kel. 3:8) berubah menjadi masam apabila bangsa Asyur dan Babilonia menaklukkannya. Para nabi (Yes. 40 dan Yer. 46) menubuatkan pemulihan ketika penderitaan Israel telah cukup untuk menebus kemurtadan mereka, atau ketika Bait Allah telah dibangun kembali (Hagai dan Zakharia). Namun tetap belum ada tanda-tanda kedamaian dan keamanan. Bentuk eskhatologi digunakan oleh para penulis apokalyptik dalam mempertahankan bahawa Allah telah menyatakan masa depan kepada para saksi terpilih. Sebagai pengantara hari Tuhan yang mengerikan, akan terjadi bencana kosmik (langit), bermula dengan kembalinya Nabi Elia yang menyerukan pertaubatan nasional (Mal. 4:5-6). Orang-orang yang tidak bertaubat akan disiksa secara kekal (Yes. 66:24). Kemudian akan datang era keadilan dan kemakmuran di mana keturunan Daud akan memerintah (Yes. 11:1). Umat Israel yang telah mati akan dibangkitkan (Dan. 12:2).

Dalam PB eskhatologi berkisar sekitar Kerajaan Allah dalam pengajaran Yesus, kedatangan Anak Manusia, *parousia* (kedatangan Yesus yang kedua kali) dan keadaan yang akan terjadi pada zaman yang akan

datang. Petrus menulis bahawa akhir zaman akan segera tiba (1Ptr. 4:7), namun penundaannya tidak memlemahkan iman Kristian mereka, kerana mereka berpegang kepada karya dan kemenangan Kristus.

etimologi Kajian tentang asal-usul kata. Ini dapat mempengaruhi eksegesis (tafsiran) terutamanya eksegesis PL. Etimologi pembentukan kata dapat dilihat dari Matius 1:21 di mana nama Yesus (dalam kata Ibrani Yosua, "Yahweh menyelamatkan") diuraikan sebagai 'Dia yang akan menyelamatkan umat-Nya dari dosa-dosa'. Satu lagi contoh etimologi ialah penggunaan kata 'Allah' untuk God, dan Tuhan untuk Lord. Kata 'Allah' telahpun digunakan dalam Bahasa Melayu sejak edisi cetak Injil Matius pada tahun 1629.

euaggalion Kata Yunani untuk Injil atau Berita Baik.

evangelist Penginjil. Seseorang yang menjalankan aktiviti membawa Berita Baik terutamanya kepada tempat di mana Injil belum dikhabarkan lagi. Biasanya kumpulan yang telah diinjili akan dijaga oleh seorang pastor. Kata ini hanya digunakan sebanyak tiga kali di PB (Kis. 21:8; Ef. 4:11; 2Tim. 4:5). Ada perbezaan di antara seorang evangelist (penginjil) dengan seorang misionaris, di mana evangelist biasanya 'membuka kawasan baru' di mana Injil belum dikhabarkan; sedangkan misionaris pula melayani kawasan atau kelompok orang supaya mereka dapat dibangun untuk lebih mengasihi Kristus dan pelayanan-Nya.

kekuasaan Allah berlaku. Yang penting ialah pemerintahan-Nya, bukan tempat atau masanya dalam sejarah. Ungkapan ini digunakan untuk menggambarkan Allah yang memerintah di bumi sebagai Raja. Pemerintahan yang dimaksudkan adalah pemerintahan yang sekarang sudah berlaku, dan juga akan berlaku pada masa akan datang.

pemilihan Kata Yunani *eklego*. Pilihan Allah untuk mereka yang percaya kepada Kristus adalah satu doktrin yang penting bagi rasul Paulus (Rm. 8:29-33; 9:6-26; 11:5,7,28; Kol. 3:12; 1Tes. 1:4; 2Tes. 2:13; Tit. 1:1). Pemilihan menunjukkan kepada umat yang terpilih di dalam Kristus oleh Allah adalah supaya mereka itu kudus dan tidak bercacat-cela di hadapan-Nya (2Tes. 2:13). Doktrin pemilihan meliputi kebenaran-kebenaran berikut: (1) Pemilihan berpusat kepada Kristus. 'Di dalam Dia Allah telah memilih kita' (Ef. 1:4). Yesus sendiri menjadi sulung dari semua orang pilihan Allah (Mat. 12:18; Yes. 42:1-6; 1Ptr. 2:4). (2) Pemilihan adalah 'di dalam Dia dan oleh darah-Nya' (Ef. 1:7). Allah telah menetapkan sebelum penciptaan (Ef. 1:4) untuk membentuk satu umat melalui kematian Kristus yang bersifat menebus di kayu salib. (3) Pemilihan dalam Kristus bersifat kelompok, iaitu pemilihan satu umat (Ef. 1:4-5,7,9). Umat terpilih tersebut dipanggil 'tubuh Kristus' (Ef. 4:12), 'jemaat-Ku' (Mat. 16:18), 'umat kepunyaan Allah sendiri' (1Ptr. 2:9) dan 'mempelai Kristus' (Why. 19:7). (4) Pemilihan untuk keselamatan di dalam Kristus ditawarkan kepada semua orang (Yoh. 3:16-17; 1Tim. 2:4-

6; Tit. 2:11; Ibr. 2:9).

Penyelamat (Alkitab Indonesia: Juru-selamat) Digunakan untuk Allah dalam PL (Yes. 43:3, dll.) sebagai yang melepaskan Israel dari pembuangan, dan dalam PB untuk Yesus untuk erti yang serupa (Luk. 2:11). Digunakan untuk Yesus sebagai Penyelamat dunia (Yoh. 4:42) dan sering digunakan dalam surat-surat pastoral (contohnya 1Tim. 1:1). Gelaran Penyelamat biasa digunakan untuk dewa-dewa kafir dan juga para penguasa yang melindungi rakyatnya (Luk. 22:25), seperti Ptolomeus 1 dan Kaisar-kaisar Roma. Dalam surat-surat pastoral dinyatakan bahawa keselamatan yang diberikan oleh Yesus adalah keselamatan atau pelepasan dari dosa.

Penyelamat yang diutus oleh Allah Kata Ibrani bagi ungkapan ini ialah 'Mesias'. Kata ini adalah suatu gelaran yang bererti 'Dia yang diurapi'. Gelaran ini diberi kepada Penyelamat yang kedatangan-Nya dijanjikan oleh nabi-nabi bangsa Yahudi.

panggilan Allah Secara umum semua orang dipanggil untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam kehidupan baru (1Kor. 1:26), iaitu sebagai orang yang percaya dalam Kristus. Namun Allah juga memanggil bangsa atau individu tertentu untuk maksud tertentu.

penasihat Digunakan untuk Mesias yang akan datang (Yes. 9:6) dan untuk Roh Kudus dalam (Yoh. 14:16). Berasal dari kata Yunani *parakletos* yang secara harfiah bererti orang yang

P

Parakletos Kata Yunani yang bererti 'seorang pendamping, penasihat atau pembela'. Yohanes menggunakan kata ini untuk Roh (Yoh. 14:16-17; 16:7-15; 1Yoh. 2:1) yang Yesus janjikan akan diutus kepada para murid selepas Dia pergi. Dia adalah Roh Kebenaran dan Penghibur (Yoh. 14:26; 16:12-14). Terjemahan lain ialah seorang peguam atau penasihat undang-undang dalam pengadilan.

parousia Kata Yunani yang bererti 'kehadiran'. Dalam PB digunakan untuk kedatangan Kristus dalam eskhatologi yang merangkumi penghakiman dan kebangkitan. *Parousia* Kristus harus dimengerti dengan latar belakang harapan orang Yahudi menanti kedatangan Anak Manusia (Dan. 7:13). Orang Kristian mengambil alih gambaran apokalyptik Yahudi itu dan mengubah dimensi eskhatologisnya kepada kedatangan 'Kerajaan Allah', yang sudah dimuli dalam kehidupan Yesus dan kematian-Nya (1Kor. 15:23-24).

pelayan (1) Orang yang melayani secara peribadi atau secara rohani, seperti yang dilakukan Markus kepada Paulus (Kis. 13:5), atau yang dilakukan para imam pada mazbah di Bait Allah (Yeh. 45:4). Paulus sendiri adalah seorang pelayan pada waktu dia mengumpulkan sumbangan untuk orang Kristian miskin di Yerusalem (Rm. 15:25). Teladan bagi para pelayanPB adalah Yesus sendiri (Mrk.10:45). (2) Terjemahan Ibrani

dan Yunani: hamba. Sebagai seorang hamba, seorang pelayan tidak mempunyai hak resmi sekalipun dia diizinkan untuk menjadi ahli dari bangsa perjanjian (Kej. 17:12) dan taat pada semua hukum (Ul. 12:18).

Dalam PB Yesus berbicara tentang umat-Nya sebagai pelayan-pelayan Allah, yang membawa maksud orang-orang yang sepenuhnya diserahkan pada pelayanan Tuhan (Luk. 10:45). Matius 12:18-21 mengutip Nyanyian Hamba Tuhan yang pertama (Yes. 42) untuk menggambarkan Yesus, dan perkataan Paulus dalam Flp. 2:7 juga menggunakan perkataan Yesaya. Orang Kristian juga adalah pelayan satu sama lain (Yoh. 13:14), kerana mereka adalah pelayan Kristus (1Kor. 7:22).

pembenaran Tindakan Allah di mana Dia 'membenarkan' manusia dan menjadikan mereka benar di hadapan-Nya. Allah melakukan semua itu demi karya penyelamatan dan penebusan Kristus. Setiap orang telah berbuat dosa dan kehilangan kemuliaan Allah (Rm. 3:23), dan semuanya berada di bawah hukuman Allah (Rm. 1:18). Kata kerja 'membenarkan' itu ialah satu tindakan pemulihan hubungan yang hampir sama dengan tindakan 'mengampuni' (Rm. 4:6-8).

pemerintahan Allah (Allah dan pemerintahan-Nya) Istilah untuk Kerajaan Allah dalam Alkitab Berita Baik (Malaysia). Suatu keadaan apabila

F

Farisi Dari kata dasar bahasa Ibrani yang bererti 'dipisahkan'. Maka orang Farisi adalah 'orang-orang yang memisahkan diri'. Dipercayai mereka adalah para Hasidim yang terdapat dalam 1Makabe 2:42; 7:12. Sejarahwan Josephus pula percayai mereka adalah salah satu mazhab Yahudi selain daripada Eseni dan Saduki.

Orang Farisi sering dijumpai dalam PB. Paulus menyebut dirinya dulu orang Farisi (Flp. 3:5). Sebagai seorang Farisi Paulus memegang Taurat dengan teliti dan menyerang para pengikut Yesus yang adalah pencabar ajaran dan kehidupan Farisinya. Maka orang Farisi adalah golongan agama bangsa Yahudi yang berpendidikan dan berkedudukan dalam masyarakat. Mereka sangat taat kepada Taurat Musa dan peraturan-peraturan yang ditambahkan pada Taurat itu dari zaman ke zaman. Mereka terbuka kepada kepercayaan-kepercayaan baru seperti kebangkitan orang mati dan mereka sangat menitik-beratkan ajaran-ajaran tentang persepuluhan, kebersihan ritual dan perilaku mentaati hukum sabat. Mereka kurang tertarik pada aturan-aturan sekitar Bait Allah, yang lebih menjadi bahagian orang-orang Saduki.

firaun Bahasa Ibrani untuk sebutan raja-raja Mesir, yang dianggap oleh rakyat Mesir sebagai ilahi. Firaun memerintah Mesir dengan bantuan sekumpulan pegawai negeri. Yusuf

pernah menjawat sebagai menteri negara dalam kerajaan Firaun (Kej. 41-47). Firaun yang mengizinkan orang Israel meninggalkan Mesir dalam kitab Keluaran 5-12 biasa dikenal sebagai Ramses 2 (1279-1212 SM). Para Firaun lain yang disebutkan dalam PL adalah Sisak (945-924 SM) yang menakluki Palestin (1Raj. 14:25-26); So (727-720 SM) yang memberi bantuan kepada Raja Hosea semasa pemberontak melawan Asyur (2Raj. 17:4); dan Nekho (610-595 SM) yang mengalahkan Raja Yosia dalam pertempuran di Megido, pada 609 SM (2Raj. 23:29).

Firdaus Istilah Yunani yang dipakai dalam LXX (Kej. 2:8) untuk Taman Eden. Istilah ini juga digunakan untuk syurga (Luk. 23:43; 2 Kor. 12:3)

Firman Pernyataan. (1) Oleh Firman Allah 'langit' dan 'bumi' dijadikan (Kej. 1:3, 6,9). (2) Sepuluh Hukum adalah firman-Nya (Kel. 20:1). Para nabi menyampaikan firman Tuhan (Yer. 1:2) yang adalah pernyataan kehendak dan maksud-Nya. (3) Dalam PB Yesus memberitakan firman (Mrk. 2:2). (4) Dalam Injil Yohanes Yesus adalah Firman Allah (Yoh. 1:1, 14). (5) Dalam surat-surat Paulus dan kitab Kisah Para Rasul, firman itu bererti pemberitaan Kristian.

G

Gabriel Salah satu ketua malaikat yang pertama kali muncul dalam PL sebagai utusan Allah (Dan. 8:15-26) dan dalam PB sebagai pembawa berita yang diutus oleh Allah kepada Zakharia, bapa Yohanes Pembaptis (Luk. 1:11-20) dan kepada Maria, ibu Yesus (Luk. 1:26-38). Gabriel juga muncul dalam 1 Henokh (salah satu kitab dalam Deuterokanonika). Dalam gambaran apokalyptik Kristian Gabriel berperanan sebagai peniup sangkakala untuk memberitahukan kebangkitan universal (1Tes. 4:16).

gaharu Rempah-rempah yang berbau harum (bukan tumbuhan yang pahit) yang digunakan sebagai minyak wangi (Mzm. 45:8 dan Kid. 4:14) dan dituangkan ke atas kain pembungkus mayat (Yoh. 19:39).

gambar Allah Juga dikenali sebagai 'citra Allah' atau 'imej Allah' yang merujuk kepada keserupaan manusia dengan Penciptanya (Kej. 1:26-27). Lelaki dan perempuan keduanya memiliki gambaran Allah. Dalam PB Kristuslah gambar Allah yang sempurna (2Kor. 4:4; Flp. 2:6). Menurut pengertian teologi Katolik tentang kejatuhan dalam dosa, gambar tersebut telah kabur tetapi dianggap tidak hilang sama sekali, misalnya kualiti intelektual jiwa. Tetapi di kebanyakan teologi Reformasi gambar tersebut dikatakan hancur bersama dengan tanggungjawab moral. Kerana itu, kebenaran Allah dan kehendak-Nya hanya dapat dike-

tahui melalui pernyataan firman-Nya.

gembala Pentingnya gembala di Israel terletak kepada ketergantungan mereka kepada kambing dan domba. Haiwan tersebut pula bergantung penuh kepada perlindungan gembala yang menyelamatkan mereka dari singa dan beruang (1Sam. 17:34-35; Am. 3:12), yang memeriksa jumlah mereka (Yer. 33:13), atau lalai melakukannya (Yeh. 34:8), dan yang pergi mencari bila ada yang kurang (Mat. 18:11-14). Gembala sering menjadi ilustrasi penting dalam kitab-kitab Injil, dan Yesus adalah 'Gembala Yang Baik' (Yoh. 10:1-19) atau 'Gembala Agung' (Ibr. 13:20).

gereja Kata Yunani *ekklesia* (jemaat atau jemaah) membawa maksud suatu pertemuan dari umat yang dipanggil keluar (bahasa Yunani *ekkaleo*) dan disuruh berkumpul. Dalam PB istilah ini adalah untuk jemaat umat Allah di dalam Kristus, yang berkumpul sebagai satu komuniti umat Allah (Ef. 2:19) dengan tujuan untuk menyembah Allah. Gereja diperkenalkan sebagai umat Allah (1Kor. 1:2; 10:32; 1Ptr. 2:4-10), persekutuan orang percaya yang ditebus oleh kematian Kristus (1Ptr. 1:18-19). Gereja ialah umat yang terpanggil untuk keluar dari dunia dan memasuki Kerajaan Allah. Pemisahan dengan dunia sudah merupakan sifat gereja dan upahnya adalah Tuhan menjadi Allah dan Bapa mereka (2Kor. 6:16-18). Gereja juga

O

orang asing Dalam PL, orang asing adalah bangsa-bangsa lain yang hidup di kalagn umat Israel (Kel. 20:10). Mereka dilindungi oleh undang-undang tetapi wajib mentaati hari Sabat. Mereka juga berpengaruh untuk membuat umat Israel jatuh ke dalam dosa penyembahan berhala (Yes. 2:6-8; 1Raj. 11:1). Dalam PB orang-orang percaya dapat menjadi orang asing di dunia ini (1Ptr. 2:11), tetapi dalam Roh Kudus kita bukan lagi orang asing atau pendatang, tetapi warga orang-orang kudus dan pewaris janji Allah (Ef. 2:9). Penggunaan kata 'orang asing' tetap berlanjut (Kis. 26:11), bahkan juga untuk orang Samaria (Luk. 17:18). Kata itu juga digunakan untuk para proselit (orang bukan Yahudi yang bertaubat dan menganut penuh Yudaisme. Lihat Kis. 2:10 dan Mat. 23:15), atau kadang-kadang seseorang yang tidak dikenali (Yoh. 10:5).

orang baru Orang yang baru bertaubat (AV: *novice*) seperti yang disebut di 1Tim. 3:6.

orang bijaksana Istilah untuk orang-orang bijaksana Israel, Mesir ataupun Babilonia. Ini termasuklah orang majus dari Timur yang datang menyembah Yesus (Mat. 2:1-18). Sejak zaman salomo di israel, orang-orang bijaksana mengajar di istana raja untuk memelihara tradisi bangsa (Yes. 8:8-9; 18:18).

orang yang berdosa Ungkapan ini

terdapat dalam kitab-kitab Injil (Berita Baik) yang bererti orang Yahudi yang tidak taat kepada peraturan yang dibuat oleh para pemimpin agama. Orang Yahudi memandang berat kepada peraturan tentang makanan dan hubungan dengan orang bukan Yahudi. Para pemimpin Yahudi menyalahkan Yesus pada waktu Dia bergaul dengan orang yang dianggap berdosa (Mrk. 2:15-17; Luk. 7:34, 15:1-2)

orang yang takut akan Allah Golongan orang yang disebut dalam Kisah Para Rasul (contoh 10:2) sebagai yang salih dan beriman. Mereka mungkin adalah orang bukan Yahudi yang menjadi pengikut sinagoga namun belum menjadi proselit (masuk ke agama baru) untuk diterima sebagai ahli penuh melalui upacara sunat.

ortodoks 'Pemikiran Benar', berpegang kepada kepercayaan, pendapat dan sebagainya yang pada amnya diterima atau dipersetujui. Ia merujuk kepada fikiran-fikiran aliran atau mazhab Kristian utama yang berlawanan dengan bidat. Demikianlah Injil Yohanes itu ortodoks dengan mempertahankan bahawa Yesus itu benar-benar manusia sementara Dia juga Anak Allah, sedangkan Doke-tisme itu bidat. Ortodoks juga digunakan khasnya untuk Gereja di Timur yang ada dalam persekutuan dengan pandangan Konstantinopel.

-kadang disembah oleh orang Israel, lalu mereka dicela oleh Hosea dan nabi-nabi lain.

2) Dalam PB. Theos: kata dasar untuk Allah digunakan dalam LXX untuk menterjemahkan kata Ibrani *Elohim*. Kata ini digunakan satu kali untuk Yesus (Yoh. 20:28).

Kurios: Kata Yunani yang digunakan untuk Yahweh dalam LXX, dan dicetak TUHAN dalam Alkitab bahasa Indonesia dan Malaysia. Sering digunakan untuk Yesus (contohnya Yoh. 20:28), tetapi dapat juga digunakan untuk orang-orang yang berkedudukan tinggi, 'Tuan' (Mat. 27:63; Yoh. 12:21).

Despotes: kata Yunani yang juga berarti Tuhan. LXX menterjemahkan Allah sebagai 'Tuhan' dalam Luk. 2:29 dan untuk Yesus (2Ptr.2:1), 'penguasa' dalam terjemahan Terjemahan Baru dan Alkitab Berita Baik).

Alfa dan Omega: huruf pertama dan terakhir abjad Yunani yang menyatakan Allah sebagai awal dan akhir (Why. 1:8); dan digunakan untuk Yesus (Why. 22:13)

Yang Kudus: digunakan untuk Allah oleh Yesaya dalam PL dan dalam PB (Why. 16:5). Juga digunakan untuk Yesus (Mrk. 1:24; Luk. 4:34; Yoh. 6:69)

Natal, hari Pada awalnya kelahiran Yesus tidak disambut oleh jemaat atau pengikut Yesus. Tidak diketahui secara pasti tarikh kelahiran Yesus. Tetapi dengan berkembangnya kalendar, peristiwa-peristiwa penting dalam kehidupan Yesus dapat diingat dengan urutan dan kelahiran Yesus ditentukan pada 6hb Januari. Pada abad ke-4 Masihi, Gereja Roma memilih 25hb Disember sebagai hari

yang tepat untuk kelahiran Yesus dan 6hb Januari sebagai kunjungan orang majus. Hari itu dipilih kerana pada hari tersebut perayaan kafir Sol Invictus dirayakan setiap tahun sempena menyambut matahari yang tidak dapat dikalahkan muncul dari kegelapan musim dingin, dan siang menjadi panjang sekali lagi. Beberapa dekad yang lalu, sejarawan Kristian berpendapat hari yang paling tepat tentang kelahiran Yesus ialah di bulan September, dan orang majus tidak datang mengunjungi Yesus semasa dia masih bayi, tetapi sudah membesar sebagai seorang anak kecil.

Nazir Orang yang membaktikan diri untuk pelayanan kepada TUHAN. Kadang-kadang untuk sementara waktu dan kadang-kadang untuk seumur hidup. Dia tidak boleh menggunting rambutnya atau minum wain, atau menyentuh jenazah (Bil. 6:1-21).

Nenek moyang (Alkitab Indonesia: bapa leluhur) Merujuk kepada nenek moyang orang Israel: Abraham, Ishak dan Yakub dengan isteri masing-masing: Sara, Ribka dan Rahel. Kadang-kadang juga merangkumi 12 anak Yakub (Israel), dan Daud (Kis. 7: 8-9; Ibr. 7:4). Dan dari keturunan merekalah agama dan bangsa Israel berlanjutan. Istilah 'nenek moyang' atau 'leluhur' digunakan dalam tulisan-tulisan ilmiah menggantikan istilah 'patriarkh' (bapa kepala suku bangsa) kerana pentingnya peranan perempuan dalam Kitab Kejadian.

Neraka Tempat api seksaan kekal bagi orang-orang fasik (Mzm. 9:17; Yes. 66:24). [Lihat *hades*]

adalah bait Allah dan bait Roh Kudus (1Kor. 3:16; 2Kor. 6:14-7:1; Ef. 2:11-22; 1Ptr. 2:4-10). Ia adalah tubuh Kristus (1Kor. 6:15-16; 10:16-17; 12:12-27) dan memelai perempuan Kristus (2Kor. 11:2; Ef. 5:22-27; Why. 19:7-9). Gereja juga adalah suatu persekutuan rohani (kata Yunani *koinonia*. 2Kor. 13:14; Flp. 2:1) yang harus menunjukkan kasih dan perhatian yang nyata antara satu sama lain (Yoh. 13:34-35). Dan gereja adalah suatu pelayanan rohani (kata Yunani *diakonia*) yang dilakukan dengan menggunakan semua kurnia (kata Yunani *charismata*) yang disalurkan oleh Roh Kudus (Rm. 12:6; 1Kor.1:7; 12:4-11, 28-31; Ef. 4:11).

Gloria in Excelsis Pujian liturgi yang berdasarkan pada nyanyian para malaikat dalam Luk. 2:14.

glossolia Kata Yunani yang berarti 'bahasa lidah'. Merupakan salah satu kurnia Roh yang disenaraikan oleh Paulus untuk Gereja (1Kor. 12:10), tetapi hampir tidak pernah dianjurkan olehnya (1Kor. 14:23), dan sama sekali tidak disebut dalam senarai yang lain (Rm. 12:6-8). Merupakan satu fenomena pada hari Pentakosta (Kis. 2:4) ketika para murid berada di ruang atas. Ini berbeza dengan peristiwa kekacauan bahasa menara Babel (Kej. 11:1-9) di mana mereka berkata-kata dalam bahasa-bahasa asing yang boleh dimengerti.

Gnostik Dari kata Yunani *gnosis* yang berarti 'pengetahuan'. Gnostikisme adalah fahaman dengan kepercayaan manusia adalah roh-roh keilahian yang terperangkap dalam satu dunia kebendaan yang dicipta oleh satu tuhan yang tidak sempurna, yang

dikenali sebagai Allah Nabi Ibrahim (Abraham). Mereka menganggap semua yang bersifat jasmani atau fizikal pada dasarnya najis dan kotor, sedangkan semua yang bersifat rohani itu bersih dan kudus. Golongan penganut Gnostik yang dipengaruhi Injil pula percaya Yesus Kristus sebenarnya adalah satu makhluk rohani yang seakan-akan seperti manusia sahaja dan bukan manusia yang sebenarnya. Maka mereka mengemukakan falsafah bahawa Yesus tidak benar-benar mati disalib, hanya 'dibuat agar nampak seakan-akan mati terseksa'

Kepercayaan seperti ini bukan sahaja dikutuk dalam agama Yahudi dan Kristian, tetapi juga oleh Islam, apa lagi kalau umatnya mempercayai tulisan-tulisan dan ajaran Gnostik! Sebab itu kematian dan kebangkitan Kristus merupakan satu peristiwa catatan sejarah yang mengagumkan ramai orang. Catatan sejarah menyokong kesahihan peristiwa tersebut dan apa saja tulisan yang menyangkal kesahihan ini perlu dikaji-ulang dan dipersoalkan.

golgota Kata Aram yang diterjemahkan sebagai 'tempat tengkorak' (Mrk. 15:22). Merupakan tempat di mana penjenayah dihukum di luar dinding kota, namun tetap dekat dengan jalan utama (Mat. 27:39). Vulgate menterjemahkannya sebagai *calvaria*. Sebab itulah golgota dipanggil *calvary* dalam bahasa Inggeris.

H

hades Alam maut. Kata Yunani *hades* merupakan terjemahan dari kata Ibrani *syeol*, sebagai tempat kediaman orang mati, yang tetap ada dalam keadaan seperti bayangan (Pkh. 9:10). Ada lagenda (Yes. 38:10; Mat. 16:18) bahawa masuk ke alam maut harus melalui pintu-pintu gerbang, dan umat Kristian percaya bahawa kuncinya ada pada Kristus yang telah bangkit (Why. 1:18). Dalam PL alam maut bukanlah tempat seksaan, tetapi kebosanan yang mengerikan (Mzm. 88:12). Namun dalam PB dibayangkan bahawa ia adalah tempat orang mengalami kesengsaraan secara fizikal bagi orang-orang berdosa yang tidak bertaubat (Mrk. 9:48) setelah mereka mati (Luk. 16:23). Satu lagi istilah Yunani ialah *gehenna* (Mrk. 9:43, 48).

haleluya (1) Dinyanyikan oleh bala syurga (Why. 19:1-8) yang bererti 'puji Tuhan', seperti pada Mazmur 135:3. Seruan itu dimasukkan ke dalam ibadah Kristian, dan sebagaimana digambarkan oleh Augustinus (430 M, Bapa Gereja awal yang paling besar) ia merupakan jawapan umat terhadap pujian altar yang dinyanyikan setelah pembacaan pertama dari Kitab Suci.

(2) Ungkapan Liturgi pujian bagi Yahweh, pendahuluan dari sebelas Mazmur (contoh: Mzm. 146-150) dan kadang-kadang juga ditambahkan pada bahagian akhir. Pujian ini dinyanyikan dalam Sinagoga, maupun dalam jemaat Kristian.

Bentuk *alleluia* dalam Wahyu 19:1-6 yang juga ditemukan di kidung-kidung pujian Kristian berasal dari ejaan Yunani dan Latin untuk kata Ibrani itu.

Hamba Tuhan Dalam Kitab Yesaya ada empat bahagian yang terkenal sebagai 'Nyanyian Hamba Tuhan', iaitu Yes. 42:1-4; 49:1-6; 50:4-9; dan 52:13-53:12. Intinya adalah penderitaan yang ditanggung oleh hamba Tuhan itu, bahkan termasuk kematiannya, untuk menyingkirkan dosa bangsanya. Ada perbezaan pendapat tentang siapakah yang dimaksudkan dengan hamba Tuhan itu. Apakah dia seorang individu atau sekumpulan orang? Ada yang berpendapat dia mungkin Yeremia, atau mungkin dia adalah wakil dari seluruh bangsa Israel, atau sebuah bangsa yang setia? Gambar seorang yang tidak berdosa, tetapi disiksa (Yes. 53) dan mati untuk orang lain selalu menjadi satu fokus khusus dari penafsiran.

Orang Kristian pertama melihat dalam nyanyian-nyanyian itu sebagai suatu nubuat tentang Mesias mereka. Penderitaan dan kematian-Nya menurut mereka adalah seperti yang dinyatakan oleh tulisan Kitab Suci (Luk. 22:37; Mrk. 14:24). Secara khusus Yes. 53 dipakai oleh Paulus untuk menjelaskan pekerjaan penebusan Kristus (Flp. 2:6-11).

Hari Kiamat Akhir zaman waktu penghakiman bila malaikat Allah

N

Nabi Terjemahan dari kata Ibrani *nebiim*. Demikian juga dengan 'pelihat' (bahasa Ibrani *ro'eh*, 1Sam. 9:9) yang menyampaikan pesan-pesan dari Allah melalui mimpi atau ramalan. Ada juga penyihir dan petenung yang kegiatannya dikutuk sebagai pekerjaan kafir (Ul. 18:10-11). Mereka itu juga mahu diakui sebagai yang mampu meramalkan peristiwa-peristiwa yang akan datang sama dengan kemampuan para nabi Tuhan, sebagaimana dalam cerita-cerita dari kitab Samuel dan Raja-Raja.

Bagi orang Yahudi, Musa adalah nabi yang paling utama kerana dia berbicara langsung dengan Allah, mengerjakan tanda-tanda dan mukjizat-mukjizat (Ul. 34:9-12), dan dia melihat ke masa depan (Ul. 18:18). Mujizat tetap menjadi ciri kebenaran para nabi seperti Elia dan Elisa di abad ke-9 SM. Natan diakui sebagai nabi di istana Raja Daud (2Sam. 7) sekitar 1000 SM. Para nabi biasanya berperanan di dalam kehidupan keagamaan dan kemasyarakatan Israel. Walaupun kadang-kadang mereka diancam (Am. 7:10-13; Yer. 26:8) atau merasa kesepian (Yes. 6:9). Ada juga nabi yang mendapat perlindungan dari raja (Yesaya, Hulda, Yeremia). Di dalam PB kenabian adalah satu anugerah Roh dan nabi-nabi mempunyai tugas yang tertentu (Ef. 2:20).

Najis atau haram Umat Israel harus berhati-hati dan bertindak bijak supaya dapat membezakan yang halal

dan haram/najis. Jika termakan atau tersentuh yang haram dan melakukan perbuatan terlarang akan menajiskan orang Israel. Mereka tidak boleh mengikuti ibadat, kecuali telah diadakan suatu upacara penyucian untuk menyucikan mereka. Ada senarai lengkap dalam Pentateukh tentang binatang yang dianggap najis yang tidak boleh dimakan atau disentuh (Im. 11:8).

Nama Allah

(1) **Dalam PL.** *Yahweh*: yang apabila dibacakan dengan suara kedengaran akan digantikan dengan sebutan *Adonai* ('Tuhanku yang Mahabesar'), kerana rasa hormat yang mendalam. Apabila huruf-huruf Ibrani YHWH ditambahkan dengan huruf vokal ia menjadi 'Yehovah' atau 'Jehovah'.

El: Allah, dalam perbendaharaan kata Kanaan, tetapi juga dijumpai dalam PL. Kadang-kadang digabungkan dengan kata lain, contohnya Betel (rumah Allah).

Elohim: bentuk yang lebih umum dalam PL. Bentuk jamak yang menekankan keagungan.

El Shaddai: Allah Mahakuasa (asalnya mungkin membawa maksud Allah gunung-gunung. Orang Kanaan sering menganggap Yahweh adalah Allah gunung atau bukit).

Adonai: Tuhanku yang Mahabesar. Digunakan juga untuk raja-raja, tetapi selepas masa pembuangan ia digunakan dalam ibadah untuk menggantikan 'Yahweh'.

Baal: dewa Kanaan, yang kadang

sebagai seorang 'Imam Allah yang Mahatinggi', yang membawa roti dan anggur, kemudian menjadi suatu model yang sangat bererti dalam tradisi Ibrani dan Kristian. Daud mewarisi dinasti Melkisedek (Mzm. 110:4) dan Kristus mewarisi warisan imam besarnya, yang melebihi keimaman Lewi. (Ibr. 5:6; 6:19-7:28).

menang, kemenangan Misalnya kemenangan Allah atas maut (1Kor. 15: 54-55). Kemenangan akhir adalah pada hari Tuhan (Yes. 39:7-8) pada waktu seluruh ciptaan diperbaharui. Dalam Ef. 6:11-17 ada gambaran kemenangan orang percaya yang imannya diungkapkan dalam perlengkapan perang.

mené mené tekél ufarsin Daniel menginterpretasi kata-kata (yang mungkin adalah kata-kata ukuran timbang berat atau mata wang) yang muncul di dinding istana Belsazar, yang membingungkan orang-orang pintar di babilonia (Dan. 5:25-28). Daniel berpendapat bahawa kata-kata itu bererti 'menghitung', 'menimbang', 'memecah-belah', yang dijumlahkan menjadi satu pesan malapetaka: kerajaan itu akan jatuh dan dibahagikan kepada bangsa Media dan Persia.

Mikhael Salah satu malaikat yang menjadi pemimpin malaikat (Dan. 10:13; Why. 12:7)

mukjizat Dalam PL Ibrani, kata mukjizat hanya digunakan sekali dalam PL (Kel. 7:8), tetapi banyak kali dalam terjemahan Alkitab Indonesia dan Malaysia. Dalam PB kata ini digunakan khususnya untuk hal-hal

ajaib yang dilakukan oleh pengikut Yesus (Kis. 1:8; 1Kor. 12:10; 28-29). Yesus melakukan banyak mukjizat seperti menyembuhkan orang, memberi makan kepada 5000 dan 4000 orang (Mrk. 6:30-44; 8:1-10, mengubah air menjadi anggur (Yoh. 2:1-11) dan sebagainya.

munafik Dalam cerita tragedi Yunani aktor-aktornya (yang menggunakan topeng) dikenal sebagai '*hypokrites*', dan akhirnya bererti orang yang tidak sama dengan apa yang mereka tampilkan. Dalam Gal. 2:13, kata Yunani *hypokrisi* diterjemahkan sebagai 'munafik' oleh Alkitab Indonesia dan Malaysia. Dalam PB umumnya kata tersebut menunjukkan pembenaran diri sendiri (contohnya Mat. 23).

murid-murid Pengikut-pengikut setia seorang guru. Beberapa nabi PL memiliki murid-murid (Yes. 8:16) yang belajar daripada seorang nabi. Yohanes Pembaptis mempunyai murid-murid (Mrk. 2:18). Kata-kata ini juga digunakan untuk orang-orang yang menyertai Yesus (Mrk. 6:45), seperti ketujuh puluh orang murid (Luk. 10:1,23). Yang mempunyai hubungan rapat dengan Yesus adalah kedua belas murid (Mat. 10:1). Dalam Matius mereka tidak hanya belajar dari Yesus, tetapi juga mengajar (28:20), bahkan mengampuni dosa (18:18).

murtad Meninggalkan/memberontak terhadap Allah. Yeremia 2:19 memberi amaran terhadap kemurtadan bangsa Israel. 2Tes. 3:3 meramalkan pemberontakan manusia yang terakhir yang akan berlaku sebelum hari Tuhan.

akan memisahkan orang yang jahat dari orang yang benar (Mat. 13:39)

Hari Pembebasan Hari bangsa Israel di bebaskan dari Mesir (Kel. 12:23-27) di mana rumah-rumah mereka dilalui oleh malaikat kematian.

Hari Pengampunan Dosa Hari perayaan yang terutama bagi bangsa Yahudi. Hari ini dirayakan setahun sekali. Pada hari itu, imam agung mempersembahkan korban untuk mengampunkan dosa umat Israel dan dosanya sendiri (Im. 16:29-34). Perayaan ini jatuh pada 10 hari bulan Tisyri (atau 1 hari bulan Oktober).

Hari Persiapan Hari Jumaat, iaitu hari apabila orang Yahudi menyiapkan segala sesuatu untuk Hari Sabat (Yoh. 19:31), atau hari bermulanya Perayaan Paskah.

Hari Tuhan Hari yang dipercayai Allah akan melepaskan umat Israel dari penindasan, Israel akan dipulihkan dan pemerintahan Yahweh ditegakkan di bumi (Yes. 40) Juga diertikan sebagai hari penghakiman/kiamat dalam 2 Kor. 1:14 dan Rm. 2:16. Satu lagi pengertian yang popular ialah hari Minggu, hari kebangkitan.

hermeneutik Dalam bahasa Yunani bererti 'interpretasi', kerana itu hermeneutik ialah pemahaman naskah-naskah Alkitab termasuklah konteks sejarahnya. Penafsiran akan mengambil kira konteks budaya semasa naskah itu ditulis dan bagaimana ia dapat dimengerti dalam konteks budaya moden. Dalam erti kata lain, hal ini berubah dari 'apa

makna dulu' menjadi 'apa maknanya sekarang'.

hidup kekal Ditakrifkan dalam Yoh 17:3 sebagai pengenalan Allah yang benar dan Yesus Kristus yang diutus-Nya. Biasa difahamkan sebagai hubungan peribadi dengan Allah tanpa batasan waktu, tidak terputus oleh kematian, tetapi juga bermaksud pengalaman hidup yang terbaik saat ini dan di sini (Yoh. 10:10).

hosana Kata Ibrani yang bererti "Berilah kiranya keselamatan, kami berdoa". Orang ramai mengambil petikan dari Mzm. 118:25 untuk menyambut Yesus ketika Dia menunggang seekor keldai muda memasuki Yerusalem sebelum penangkapan diri-Nya. Seluruh mazmur itu dinyanyikan pada Hari Raya Pondok Daun dan ada nada tambahan mesianik seperti dalam Mrk.11:9-10 dan Yoh.12:3. Pohon palma yang disebutkan Yohanes mengingatkan penggunaannya dalam perarakan kemenangan pada 141 SM, setelah perebutan kembali kubu Yerusalem oleh Simon Makabeus (1 Mak. 13:51). Kata tersebut kemudiannya dimasukkan ke dalam liturgi Kristian dan digunakan sehingga hari ini.

ibadah Ibadah ialah pelbagai tindakan dan sikap yang menghargai dan menghormati kelayakan Allah semesta langit dan bumi yang agung. Sebab itulah ibadah berpusat kepada Allah dan bukannya kepada manusia. Di dalam ibadah Kristian, kita menghampiri Allah dengan bersyukur kerana apa yang telah dilakukan-Nya bagi kita di dalam Kristus dan melalui Roh Kudus. Ibadah menuntut komitmen iman dan pengakuan bahawa Dialah Allah dan Tuhan kita. Ciri utama ibadah dalam PL ialah sistem persembahan korban (Bil. 28-29). Bagi orang Kristian, kita bersyukur kepada Yesus yang telah mati untuk menjadi persembahan korban bagi mendamaikan kita dengan Allah yang kudus. Sebab itu ibadah Kristian melibatkan bukan sahaja penyembahan dalam roh dan kebenaran (Yoh. 4:23), tetapi juga sesuai dengan pola PB bagi gereja (Kis. 7:44).

Imam Besar Jurubicara umat Israel kepada Allah, dan jurubicara Allah kepada umat-Nya. Harun dan Eleazar adalah perintis badan ini (Bil. 27:21) yang juga disebut dalam Im. 21:10. Imam besar diurapi dan memiliki kuasa atas imam-imam lain. Dia memakai baju efod, yang di dalamnya terdapat serangkaian batu menyatakan nama-nama 12 suku Israel, dan di kepalanya dikenakan seperti serban atau topi tinggi (Kel. 28:36-37). Zadok dan Abyatar adalah Imam Besar pada masa pemerintahan Daud (2Sam.

20:25), dan keturunan Zadok adalah Imam-imam besar dalam Bait Allah yang pertama dan kedua. Yosua kembali dari pembuangan sebagai Imam Besar (Ezr. 2:2). Di bawah pemerintahan Herodes Agung, Imam-imam Besar tidak lagi memegang jawatan itu seumur hidup. Hanas diangkat oleh Kirenus pada 6-15 Masihi. Kayafas menantu Anas menjadi Imam Besar dari 18-36 Masihi.

imam dan orang Lewi Dalam PL para imam adalah perantara antara umat dan Allahnya yang berkuasa. Fungsi utamanya adalah membawakan korban-korban, dengan tugas tambahan mengajarkan hukum Taurat. Demikianlah tugas itu mereka laksanakan sampai ke masa pembuangan. Mereka juga mempunyai tugas mengurus *Urim* dan *Tumin*, iaitu batu unci kudus yang dibawa oleh para imam dalam kantung depan pakaian mereka (Kel. 28:30). Selama zaman para hakim, imam dari suku Lewi sangat dihormati (Hak. 17:10).

Sewaktu Yerusalem menjadi pusat beribadah, tempat-tempat beribadah tempatan ditutup dan ramai orang Lewi yang bukan keturunan langsung dari Harun tidak mempunyai pekerjaan (Ul. 12:12). Mereka tidak diterima di Yerusalem sebagai imam bahkan dicurigai telah tercemar oleh peribadahan Kanaan di kuil-kuil sehingga mereka ditempatkan pada status yang rendah (Yeh. 44:10-14). Imam pada kedudukan

dengan jemaat induk berbahasa Aram di Yerusalem. Ia juga membawa erti "Tuhan Kami Telah Datang".

martir Kata Yunani yang bererti 'saksi'. Jadi martir adalah seorang yang bersaksi tentang iman kepada Kristus melalui kematian-Nya, seperti Stefanus (Kis. 7:60; 22:20). Para saksi yang mati untuk Yesus juga dipuji dalam Why. 17:6. Sejak akhir abad kedua, para martir diperingati pada hari kematian mereka.

maut, kematian Akhir kehidupan, dianggap sebagai kuasa jahat dalam 1Kor. 15:56. Juga disamakan dengan tidur (Mrk. 5:39) dan pengasingan daripada Allah disebabkan dosa (Rm. 6:23). Walaupun orang percaya di dalam Kristus memiliki jaminan hidup kebangkitan, mereka masih harus mengalami kematian secara jasmani. Tetapi orang yang percaya menghadapi kematian dengan sikap yang berlainan dengan orang yang tidak percaya. Bagi orang yang percaya, (1) kematian bukan merupakan akhir hidup, tetapi awal yang baru. Kematian bukan sesuatu yang ditakuti (1Kor. 15:55-57) tetapi ia adalah satu pemindahan kepada hidup yang lebih sempurna. (2) Alkitab membicarakan kematian orang percaya 'berharga di mata TUHAN' (Mzm. 116:15), masuk ke tempat damai (Yes. 57:1-2) dan ke alam kemuliaan (Mzm. 73:24); dibawa oleh malaikat 'ke pangkuan Abraham' (Luk. 16:22); masuk 'Firdaus' (Luk. 23:43); pergi ke rumah Bapa di mana ada 'banyak tempat' (Yoh. 14:2); keberangkatan berbahagia untuk 'bersama dengan Kristus' (Flp. 1:23); menetap pada

Tuhan (2Kor. 5:8); mati di dalam Kristus (1Kor. 15:18; Yoh. 11:11; 1Tes. 4:13); dan masa untuk menerima 'mahkota kebenaran' (2Tim. 4:8).

mazbah Tempat untuk mempersembahkan korban kepada Allah di mana haiwan-haiwan disembelih dan di atasnya dipersembahkan gandum, anggur dan kemenyan. 'Bukit Pengorbanan' (2Raj. 23:5) adalah tempat-tempat suci tertentu dengan mazbah semulajadi. Bait Suci Salomo di Yerusalem memiliki sebuah mazbah (1Raj. 8:64) dan Ahas memesan sebuah mazbah yang lebih besar dengan tanduk di keempat sudutnya. Sebagai tempat mempersembahkan korban, mazbah diliputi nuansa kekudusan di mana umat boleh mendekati Allah. Ada beberapa kes ia juga menjadi tempat mencari perlindungan (1Raj. 2:28). Mazbah mungkin diperbuat daripada batu (Hak. 6:19-23), tanah (Kel. 20:24), atau dari logam seperti mazbah untuk kemenyan (Kel. 30:3). Setelah Bait suci Yerusalem didirikan sebagai pusat penyembahan nasional, secara rasmi pendirian mazbah-mazbah tempatan tidak lagi diizinkan.

megilot Bahasa Ibrani yang bererti 'gulungan'. Ia adalah merujuk kepada tafsiran oleh para rabi tentang Kitab-kitab Kidung Agung, Rut, Pengkhotbah, Ester dan Ratapan.

Melkisedek Raja Salem (Yerusalem). Setelah Abraham mengalahkan Kedorlaomer, dia didatangi oleh Melkisedek (Kej.14:17-24.), dan Abraham memberikan kepadanya sepersepuluh dari rampasan yang dia peroleh. Melkisedek digambarkan

M

mahkota Pada zaman dulu seorang atlet akan dipakaikan mahkota di atas kepala sebagai hadiah atas kemenangannya (1Kor. 9:25). Mahkota juga adalah simbol kerajaan, kekuasaan (Why. 9:7) dan kemuliaan (1Ptr. 5:4). Paulus menganggap pertaubatannya sebagai mahkotanya (Flp. 4:1).

malaikat Kata Yunani *aggelos* yang bererti ‘utusan’. Para malaikat digambarkan sebagai pembawa-pembawa pesan dari Allah untuk nenek moyang (Kej. 22:11). Semasa dalam pembuangan, para malaikat dianggap sebagai makhluk supranatural yang diatur di hadapan Allah dalam suatu hieraki (Dan. 7:10; 9:21). Berlawanan dengannya adalah malaikat-malaikat jahat di bawah kuasa Iblis (Mat. 25:41). Berbeza dengan orang-orang Saduki yang lebih konservatif, orang-orang Farisi menaruh kepercayaan kepada malaikat (Kis. 23:9). Sejak zaman kitab Daniel (abad kedua SM) malaikat-malaikat diberi nama (Dan. 8:16; 10:13) dan tugas-tugas khusus. Mereka juga bersiap-sedia untuk membantu Yesus (Mat. 4:11) dan menjadi wakil-wakil peribadi anak-anak di hadapan Bapa (Mat. 18:10). Iblis juga memiliki bala tentera malaikat sebagai pembantu-pembantunya (Mat. 25:41).

mamon Kata Aram yang digunakan dalam bahasa Yunani seperti yang dikatakan oleh Yesus dalam Mat. 6:24. Kata ini turut digunakan dalam bahasa Inggeris moden dan juga

Indonesia. Alkitab Bahasa Malaysia dan Bahasa sehari-hari Indonesia menerjemahkannya sebagai harta benda. Kata mamon membawa erti merendahkan, iaitu suatu cara mencari keuntungan secara tidak benar, serakah, yang menguasai seseorang menggantikan pelayanannya kepada Allah. Yesus memberi amaran kita tidak dapat mengabdikan kepada Allah dan mamon pada suatu masa yang sama.

manna Bahasa Ibrani yang bererti ‘apakah ini?’ (Kel. 16:15). Manna adalah makanan yang diberikan oleh Allah kepada orang Israel dalam pengembaraan mereka di padang gurun. Manna digambarkan sebagai berwarna putih dan mempunyai rasa manis (Kel. 16:13). Pada hari Jumaat manna diturunkan dua kali ganda (Kel. 16:22-26) supaya mereka tidak berkerja pada hari Sabat, sesuai dengan perintah untuk memelihara hari sabat dalam Kel. 20:8-11. Yesus menunjuk kepada manna dalam huraian-Nya mengenai roti hidup (Yoh. 6:31-32) dan disebut sebagai makanan orang percaya di zaman baru (Why. 2:17).

maranatha

Ungkapan bahasa Aram yang dipakai Paulus (1Kor16:22) yang bererti “Datanglah Tuhan Kami”. Suatu doa yang dipakai dalam Why. 22:10. Ungkapan ini adalah mata rantai yang menarik yang menghubungkan orang Kristian berbahasa Yunani

lebih tinggi adalah keturunan Zadok (Yeh.48:11).

Ketua-ketua imam bersama tua-tua bangsa dan para ahli Taurat, merupakan Sanhedrin (mahkamah tertinggi keagamaan) di Yerusalem (Mrk. 14:55). Yesus dihadapkan ke Sanhedrin sebelum diserahkan untuk dijatuhi hukuman oleh Pilatus. Para ketua imam adalah ahli keluarga imam dan dari antara mereka dipilih ‘Imam Besar’ (Mat. 26:3). Dalam PB keseluruhan persekutuan orang Kristian dimengertikan sebagai suatu ‘Imamat Rajani’ (1Ptr. 2:9).

iman Keyakinan bahawa Allah boleh diharapkan untuk menunai dan menggenapkan segala janji-Nya. Defi-nisi klasik tentang iman terdapat pada Ibrani 11:1 yang berasaskan iman atas kenyataan pengharapan yang benar, walaupun belum atau tidak terlihat lagi. Dalam PB objek iman itu adalah Allah yang telah menyatakan diri dalam Yesus Kristus (Ibr. 12:2). Dalam Galatia dan Roma, Paulus menghubungkan iman dengan membenaran di mana dia mengajar bahawa orang-orang beriman dibenarkan (dianggap benar oleh Allah) bukan berdasarkan iman, tetapi Kristus yang kepada-Nya kita percaya. Anugerah-Nya yang diberikan secara percuma itulah yang membenarkan kita.

Immanuel ‘Allah berserta kita’. Nama kanak-kanak dalam kitab Yesaya (7:14). [Lihat Emanuel]

Injil Secara formal merujuk kepada empat buku Alkitab yang di tulis oleh Matius, Markus, Lukas dan Yohanes. Dalam pemahaman khas diertikan

sebagai ‘berita baik’ atau ‘khabar gembira’ yang dibawa oleh dan dalam Yesus Kristus, melalui iman kepada-Nya, manusia yang berdosa diampuni dan dibenarkan oleh Allah

inkarnasi Istilah yang tidak terdapat dalam Alkitab, yang bererti ‘menjadi daging’, atau ‘menjadi manusia’. Salah satu doktrin yang Kristian percayai dan akui adalah dalam diri Yesus terdapat satu peribadi dengan dua hakikat, iaitu Tuhan sepenuhnya dan manusia sepenuhnya. Doktrin inkarnasi dalam Ibr. 1:1-3 menjadi lebih jelas dalam Injil Yohanes 1:14. Yesus ada bersama Allah pada waktu sebelumnya (Yoh. 6:62) dan hubungan-Nya dengan Abraham (Yoh. 8:58) menyiratkan gagasan yang kuat tentang pra-eksistensi-Nya. Namun hal itu tidak meniadakan kemanusiaan Yesus, kerana Firman itu telah menjadi daging /manusia (Yoh. 1:14), memiliki kelemahan manusiawi (Yoh. 4:6), Dia menangis (Yoh.11:35) dan Dia mati (Yoh.19:30). Tanpa bertentangan dengan kemanusiaan-Nya, Dia adalah pernyataan Allah (Yoh. 10:38; 20:28).

INRI Huruf-huruf awal inskripsi Latin pada Yoh. 19:19 untuk Yesus orang Nazaret, Raja Orang Yahudi (*Iesus Nazarenus Rex Iudaeorum*).

istirehat Allah memerintahkan hari ketujuh sebagai hari Sabat (istirehat) (Kel. 23:12). Lebih daripada peringatan tentang pekerjaan lalu yang Allah telah genapkan, orang yang percaya dijanjikan rehat sempurna yang akan datang dan digalakkan berusaha memasuki rehat itu (Ibr. 4:1-11).

janji (1) Sesuatu yang dibuat dengan ikatan keagamaan. Yakub berjanji kepada Tuhan sekiranya Allah melindunginya, dia akan memberikan kepada Allah sepersepuluh dari apa yang dia dapat (Kej. 28:20-22). Ada aturan-aturan mengenai janji-janji ini (Mal. 1:14) dan ada biaya atau nazar untuk pengesahan janji-janji itu (Im. 27:8). Paulus memotong rambutnya sebagai tindakan untuk membayar janjinya (Kis. 18:18) dan juga membayar biaya bagi orang lain yang membuat janji (Kis. 21:24). (2) Allah dapat menggenapi apa yang dijanjikan-Nya (Yes. 55:10). Semua yang dijanjikan dalam Injil digenapi dalam Kristus (2Kor. 1:20).

jemaat/jemaah Kumpulan orang Kristian di satu tempat, kota atau negeri. Umat Israel dianggap sebagai sekumpulan orang yang berada dalam perjalanan (Kel. 16:1) atau sekumpulan orang yang beribadah. Kata Ibrani untuk itu diterjemahkan dengan *ekkllesia* dalam LXX. Dalam PB kata 'jemaat/jemaah' boleh digunakan untuk menunjukkan gereja setempat (Mat. 18:17; Kis. 15:4) atau gereja yang sejagat/universal (Mat. 16:18; Kis. 20:28; Ef. 2:21-22). [*Lihat gereja*]

jiwa Digunakan dalam PL sebagai asas kehidupan, seperti semasa Allah menghembuskan nafas ke dalam Adam (Kej. 2:7). Dengan demikian, 'jiwa' itu menunjuk pada keseluruhan manusia. Kitab Kebijaksanaan Salomo (9:15) memasukkan pandangan

Yunani yang membezakan tubuh dari jiwa yang kekal. Dalam PB 'jiwa' bererti 'hidup'. Maka 'jiwamu diambil' (TB: Luk. 12:20) sama dengan 'mati' (ABB). Pengertian Yunani tentang jiwa yang kekal berbeza daripada tubuh seperti dalam 1Ptr. 1:9. Perkataan Paulus dalam 1Tes. 5:23 mengenai 'roh, jiwa dan tubuh' tidak bererti ada tiga bahagian manusi; 'jiwa dan tubuh' bererti tubuh yang hidup, bukan yang mati.

Jumaat Agung Hari yang diperingati oleh umat Kristian sebagai hari penyaliban Yesus. Tiada peringatan tahunan mengenai penyaliban Yesus sehinggalah abad kedua di mana hari jumaat ditetapkan sebagai hari untuk berpuasa. Pada masa itu kematian dan kebangkitan Yesus sekaligus diperingati dalam perayaan Paskah. Namun pada abad ke-4 di Yerusalem terjadi perkembangan mengenai Minggu Kudus, yang di dalamnya peristiwa-peristiwa sejarah penderitaan Yesus diulang kembali, dan kemudian Jumaat Agung menjadi hari khusus untuk memperingati penyaliban Yesus serta Minggu Paskah untuk memperingati kebangkitan-Nya. Hanya di kemudian hari kata sifat 'Agung' dicantumkan pada kata 'Jumaat'.

jurang maut jurang di dalam bumi. Menurut ajaran orang Yahudi, Iblis dan roh-roh jahat ditawan di dalam jurang ini, sambil menunggu hukuman mereka yang terakhir.

lahir kembali Pengurniaan Allah kepada orang yang percaya, memberikan mereka hidup rohani seolah-olah seperti anak yang baru dilahirkan (Yoh. 3:3).

lidah, berbahasa Kata Yunani *glosolalia*. Berbahasa atau bernyanyi dalam bahasa yang tidak dimengerti oleh yang berbahasa dan yang mendengarnya. Ia juga merujuk kepada peristiwa di ruang atas di hari Pentakosta (Kis. 2) apabila Roh Kudus memberi kuasa kepada para rasul.

liturgi Suatu akta ibadah. Berasal dari kata Yunani yang menyatakan suatu kegiatan atau pelayanan umum dari masyarakat (contohnya menyumbangkan perahu perang untuk angkatan laut Atena). Rasul Paulus menggunakan kata tersebut untuk pelayanan orang-orang seiman baginya (Flp. 2:30). Kemudian gereja-gereja merujuknya sebagai pelayanan kepada Allah khususnya pelayanan Ekaristi (Perjamuan Kudus).

logia Kata benda bahasa Yunani dalam bentuk jamak yang dipakai dalam LXX untuk perkataan dari Tuhan dan juga dalam PB (firman Allah, Rm. 3:21), dan untuk perkataan dari Tuhan dalam PL. Logia menjadi istilah khusus untuk ucapan-ucapan Yesus di gereja-gereja perdana.

Logos Kata benda bahasa Yunani yang biasa diterjemahkan sebagai 'perkataan'. Lazim digunakan dalam filsafat

Yunani sejak Heraklitos (abad ke-6 SM) sampai ahli filsafat Yahudi, Philo dari Aleksandria pada abad pertama Masihi. Dalam LXX, *logos* adalah terjemahan dari kata Ibrani *darbar*, yang adalah firman kreatif Allah dan sejajar dengan *sofia* (hikmat), iaitu pengantara Allah dalam hubungan dengan ciptaan-Nya (Kej. 9:1-2). Dalam Injil Yohanes (Yoh. 1:14) dan dalam Kitab Wahyu (Why. 19:13), Yesus disebut sebagai Firman Allah. Ini adalah perkembangan penting dalam Kristologi: suatu pernyataan tegas bahawa firman yang adalah pengantara Allah dalam penciptaan itu adalah sama dengan manusia Yesus dari Nazaret (Yoh. 1:46).

Lucifer Suatu sebutan sindiran (Yes. 14:12) yang ditujukan kepada raja Babel dengan panggilan 'Bintang Timur' atau 'Putera Fajar' yang 'jatuh dari langit' (yang membawa erti jatuh dari takhta kekuasaannya yang tinggi). Vulgata dan King James (AV) menterjemahkannya sebagai 'Lucifer'. Oleh kerana ayat ini dipetik oleh Yesus dan dihubungkan dengan Iblis, maka sejak zaman Hieronimus Lucifer disamakan dengan Iblis/Syaitan.

LXX Simbol untuk Septuagint, iaitu terjemahan PL ke dalam bahasa Yunani yang dibuat oleh 70 (atau 72) orang sarjana di Aleksandria. Terjemahan itu dilakukan antara tahun 285-150 SM dan direvisi berkali-kali.

membalas pemberian Allah. Sebab itulah kata Inggeris *grace* diucapkan sebelum makan.

Perlu ditekankan di sini bahawa Alkitab Berita Baik (Bahasa Malaysia) kadang-kadang menggantikan perkataan 'kasih kurnia' (Alkitab Indonesia kasih karunia) kepada berkat, terutama sekali dalam pembukaan dan penutupan surat-surat para rasul. Ini menyebabkan ada perbezaan penekanan dalam *grace* (kasih karunia) dengan *blessing* (berkat).

kurnia (-kurnia) Roh Dalam PL Musa dan beberapa tokoh lain dikuasai perasaan luar biasa yang dianggap sebagai disebabkan oleh Roh (Bil. 11:29). Tetapi dalam surat-surat Pauluslah terdapat kurnia-kurnia khusus dari Roh Kudus yang dikatakan sebagai anugerah yang wajar untuk setiap orang yang percaya dan setia. Ada pelbagai kurnia (Rm. 12:6-8; 1Kor. 12:8-10, 28-30) yang secara bersama menjadikan seluruh persekutuan orang percaya itu sihat (Rm. 12:4-5).

Dalam PB kurnia-kurnia ini digolongkan dalam beberapa kategori: manifestasi yang dapat didengar (nubuat, bahasa lidah [*glossolia*] dan terjemahannya); tindakan-tindakan praktikal pelayanan dan penyembuhan; dan kurnia kerasulan kepemimpinan dan pengembalaan untuk membangun gereja. Semua orang Kristian harus memperlihatkan buah-buah Roh (Gal. 5:22-23).

kusta Penyakit kusta yang kita tahu sekarang tidak sama dengan penyakit kusta dalam Alkitab. Dalam Alkitab

kusta adalah penyakit kulit yang mungkin disebabkan oleh gangguan emosi (contohnya Naaman dalam 2Raj. 5). Orang-orang kusta dalam Alkitab disiksa dengan bintik-bintik kehijau-hijauan atau kemerah-merahan (Im. 13:49). Penyakit ini dikatakan boleh berjangkit, sebab itulah orang yang berpenyakit kusta diasingkan dari masyarakat. Apabila dia sembuh, dia harus mengadakan upacara pentahiran/penyucian oleh seorang imam (Im. 14:2-20; Luk. 1:44). Yesus menyembuhkan ramai orang kusta dan Yesus mengunjungi Simon, seorang pesakit kusta di Betania (Luk. 14:3), yang mungkin adalah suatu perkampungan orang kusta pada waktu itu.

kutuk Ucapan dengan maksud untuk mencederakan. Kerana Israel telah dipilih oleh Allah dan dimasukkan ke dalam hubungan perjanjian, maka bangsa ini dapat dikutuk jika tidak setia (Ul. 30:19; Im. 26:14-45). Individu juga dapat dikutuk, misalnya pencuri (Hak. 17:2) atau askar yang memberontak (1Sam. 14:24). Dalam perumpamaan Mat. 25:41-46, yang terkutuk adalah mereka yang telah berjumpa Kristus tetapi menolak untuk menerima Dia. Namun dalam Gal. 3:13, Paulus mengutip Ul. 21:23 dan menjelaskan bahawa Kristus telah menjadi terkutuk kerana kita dengan menanggung sendiri beban mereka yang hidup di bawah kutuk Taurat, dan dengan demikian menebus mereka.

K

Kalendar Ibrani Kata Ibrani *Shanna*, yang bererti 'penggantian'. Ia adalah berdasarkan sistem lunar (bulan) yang penting untuk menentukan perayaan Yahudi, pembacaan umum bahagian-bahagian tertentu Torah, Yahrzeits (hari untuk memperingati saudara yang telah mati), dan pembacaan harian Mazmur yang tertentu. Pada mulanya, 'akhir tahun Yahudi' adalah di akhir musim menuai sekitar bulan September atau Oktober (Kel. 23:16; 34:22). Tetapi sejak peristiwa pembebasan daripada perhambaan di Mesir, Paskah (musim bunga) ditetapkan sebagai 'bulan yang pertama untuk satu tahun' (Kel. 12:2). Berikut adalah perbandingan antara kalendar Yahudi dengan kalendar Gregorian:

kasih Satu perasaan dalaman yang memulai, menuntun dan mengekalkan perhubungan antara sesama insan atau antara manusia dengan Tuhan, samada sebagai persahabatan, kesetiaan, kebaikan, rasa kasihan atau rahmat. Dalam PL ia dinyatakan sebagai kasih sayang dalam masyarakat, dalam keluarga, kasih yang berorientasikan seks, cinta seorang manusia terhadap Tuhan, dan kasih Allah berlandaskan perjanjian-Nya dengan manusia (2Sam. 1:26; Rut 4:15; 2Sam. 13:1, 15; Ul. 6:5; 7:6-9). Hosea menggunakan gambaran kasih, perkahwinan, dan ketidaksetiaan untuk melukiskan hubungan Israel dengan Allah (Hos. 6:4-6). Dan Yesaya mengibaratkan kasih Allah kepada Israel

Bulan	Gregorian	Ibrani	Rujukan	Perayaan/Hari Kudus
1	April	Nisan	Kel. 13:4; Neh. 2:1	14, Paskah
2	Mei	Iyyar	1Raj. 6:1,37	15-21, Roti Tidak Beragi
3	Jun	Sivan	Est. 8:9	6, Pentakosta
4	Julai	Tammuz		
5	Ogos	Ab		
6	September	Elul	Neh. 6:15	
7	Oktober	Tishri	1Raj. 8:2	1, Rosh Hashanah (Tahun Baru) 15-21, Pondok Daun
8	November	Marcheshvan	1Raj.6:38	
9	Disember	Kislev	Neh. 1:1; Za. 7:1	25, Hanukah (Cahaya)
10	Januari	Tebeth	Est. 2:16	
11	Februari	Shebat	Za. 1:7	
12	Mac	Adar	Ezr. 6:15, Est. 3:7,13; 8:12; 9:1,15-21.	14-15, Purim

seperti kasih seorang ibu kepada anaknya (Yes. 49:15).

Dalam PB kata Yunani *eros* (cinta berahi) tidak terdapat untuk menyatakan kasih Allah atau kasih kepada Allah, ataupun kasih dalam persekutuan Kristian. Yesus menggabungkan perintah kasih kepada Allah (*agape*) dan kasih kepada sesama manusia (*phileo*) dari Ul. 6:5 dan Im. 19:18, tetapi melangkah lebih jauh dengan menekankan kewajiban untuk mengasihi musuh juga (Mat. 5:43-46). Dalam surat-surat Paulus kasih bersatu dengan iman dan pengharapan (1Kor.13:13) sebagai kurnia Roh Kudus. Kasih itu bukan suatu usaha manusia, sebab itulah ia bukan satu alasan untuk membanggakan diri (1Kor.13:4). Pengorbanan Kristus di salib adalah tanda tertinggi dari kasih Allah (Rm. 8:39). Sebab itulah gaya hidup Kristian harus meneladani Yesus Kristus (Luk. 7:23; 1Kor.11:1).

kebangkitan Pengembalian hidup daripada kematian. Dalam PL dan PB, ada beberapa orang yang dihidupkan kembali daripada mati. Tetapi ini berbeza sekali daripada kebangkitan Tuhan Yesus. Mereka kembali kepada kehidupan yang fana dalam tubuh yang biasa sampailah kematian mereka akhirnya. Sedangkan kebangkitan Yesus adalah satu-satunya kepercayaan asas orang Kristian yang membuktikan ketuhanan Yesus dan menjadi pokok pengharapan tentang hidup kekal selepas kematian (1 Kor. 15:12-20). Kebangkitan tubuh adalah suatu ajaran yang penting dalam Alkitab di mana kita dijamin oleh kebangkitan Kristus sendiri (Mat. 28:6; Kis. 17:31; 1Kor. 15:12, 20-23).

kebenaran Kenyataan terbukti sebagai benar atau tidak bersalah; kepercayaan Abraham kepada Allah dikira sebagai kebenaran dalam Kej. 15:6. Paulus pula menyifatkan kebenaran sebagai perhubungan dengan Allah yang wujud bukan kerana perbuatan benar sendiri tetapi akibat menaruh kepercayaan dan iman dalam Yesus Kristus (Rm. 3:21-26, Flp 3:9).

kedatangan kedua kali Kristus Hari yang ditetapkan oleh Allah Bapa sendiri bila mana Yesus akan kembali untuk menyatakan kepenuhan segala pekerjaan Allah dalam penubuhan dan penyempurnaan Kerajaan Allah (Yoh. 14:3, 1 Kor. 15:23-25).

kegelapan Lambang segala yang jahat. Mzm 143:3 menggambarkan alam maut sebagai penjara gelap. Yoh. 3:19 membandingkan pertentangan antara gelap dengan terang; sementara Yoh 8:12 adalah pengisytiharan Yesus sebagai Terang yang mengalahkan kegelapan.

kehidupan kekal Hubungan peribadi dengan Allah yang tidak terbatas oleh waktu. Dalam PL tidak ada kepercayaan yang tetap mengenai kehidupan kekal. Bayangan samarasamar mengenai keberadaan setelah kematian tersirat dalam cerita tentang perempuan sihir dari Endor yang memanggil Samuel untuk diminta pertimbangan oleh Saul (1Sam. 28). Namun pada abad kedua SM kepercayaan mengenai kehidupan setelah kematian, yang diungkapkan dalam istilah kebangkitan mula timbul dalam kitab Daniel. Tetapi tidak semua orang Yahudi memper-

diurapi Allah'. Pada awalnya kata ini digunakan untuk raja yang telah diurapi, seperti Daud oleh Samuel (1Sam. 16:13), dan pengganti-penggantinya (Mzm. 2:2; dan Dan. 9:25). Dalam PB ia merujuk kepada Yesus sebagai tokoh yang menggantikan harapan-harapan PL (Luk. 2:11). 'Kristus' sering digunakan untuk Yesus sebagai Mesias kerana Dialah yang dipilih dan diutus oleh Allah sebagai Penyelamat dan Tuhan.

kudus Segala sesuatu yang dipisahkan (dikhususkan) dari kebiasaan atau hal-hal duniawi. Allah adalah kudus (Yes. 6:3) dan kekudusan-Nya diperluaskan kepada manusia (seperti imam-imam di Bait Allah) dan segala alat perkakas yang mereka gunakan serta perayaan-perayaan yang mereka rayakan (Im. 23). Dalam PB Yesus disebut sebagai kudus (Luk. 1:35). Gereja juga kudus (Ef. 2:19-22), didiami oleh Roh Kudus (Rm. 5:5; 2 Kor. 6:16-17:1).

kurios Kata Yunani yang bererti 'tuan', 'guru', 'majikan' (contohnya Mat. 25:11), tetapi dalam LXX diguna untuk menterjemah nama Yahweh dalam bahasa Ibrani. Dalam bahasa Kristian *kurios* digunakan untuk Yesus sebagai 'Tuhan', yang ditinggikan di atas kedudukan manusia (Rm. 14:8-9). Dan Paulus menyebut saudara-saudara Yesus sebagai 'saudara-saudara Tuhan' (1Kor. 9:5; Gal. 1:19). Menurut sejarawan Yahudi Josephus, orang Yahudi menolak menyebut penguasa Romawi sebagai *kurios*, kerana gelaran Tuhan itu hanya untuk Allah. Tetapi Paulus menggunakan ayat-ayat PL yang mengenai Allah untuk Yesus (contohnya Yes. 45:23). Kepada Tuhan Yesus Kristuslah semua orang

harus berlutut dan mengaku (Flp. 2:10-11). Kalimat liturgi 'Kyrie eleison' (Tuhan kasihani) menjadi doa litani dalam ibadah Kristian sejak abad ke-4.

kurnia (Alkitab Indonesia: karunia, kasih karunia) Dalam PL, yang dimaksudkan dengan kurnia adalah pengasihian Allah kepada umat Israel (Za. 12:10), iaitu 'roh pengasihian' (dalam LXX 'roh anugerah') yang wujud dalam pengampunan dosa (Kel. 33:19). Allah mengurniakan anugerah atau kemurahan-Nya sebagai pemberian kasih-Nya yang tidak seharusnya diberikan (Yes. 63:7). Inilah yang merupakan makna dasar Firman yang terdapat dalam PB, apabila anugerah Allah dihubungkan dengan Yesus, yang dalam peribadinya memperlihatkan kemurahan Allah terhadap manusia. Yesus sendiri adalah kepenuhan daripada kurnia dan kebenaran (Yoh. 1:14-17). Dalam pemikiran Paulus, hanya oleh kurnia Allah saja orang-orang beriman terpanggil, sama seperti dirinya. Kerana itu kita tidak dapat membanggakan diri (Rm. 3:27; 1 Kor. 1:31). Paulus harus memuliakan Allah kerana kurnia keselamatan-Nya yang percuma, yang tidak dapat diperoleh berdasarkan usahanya sendiri. Kini ada 'hukum kurnia' (Rm. 5:21), dan hidup di bawah kurnia Allah bererti hidup dalam ketaatan iman, yang bertujuan mencapai kekudusan (Rm. 6:15-22).

Kata Yunani *charisma*, dari kata dasar *kharis* (kurnia), menekankan hakikat pemberian yang diterima dengan percuma. Paulus menggunakan kata *kharis* sebagai rasa syukur orang menyambut atau

sebagai balasannya, Dia memberkati orang-orang yang diperkenan-Nya. Binatang tersebut selalunya adalah jantan (Bil. 29:2-38).

korban keselamatan (korban untuk memohon berkat daripada TUHAN) (Im. 3; 7:11-21, 28-34). Secara harfiah ia ber-maksud 'korban pendamaian' yang dibakar untuk tujuan (1) sebagai korban kesyukuran (Im. 7:11-15); (2) membayar nazar (Im. 7:16-18); (3) sebagai ekspresi kesetiaan (Im. 7:16-18) atau (4) iringan doa (Hak. 20:26; 21:14; 1 Sam. 13:9; 2 Sam. 24:25). Binatang yang disembelih (lembu, kambing atau domba, jantan atau betina, yang tidak ada cacat-cela) dibagi-bagi dagingnya di antara imam yang bertugas (yang mendapat paha kanan) dengan imam-imam lain (yang mendapat bahagian dada) dan orang yang membawa persembahan harus memakan habis sisanya dalam dua hari (Im.7:15; 19:6-8).

korban penebus salah (korban untuk membayar ganti rugi) (Im. 5:14 - 6:7; 7:15). Korban yang dipersembahkan jika seseorang dengan tidak sengaja berdosa kerana gagal memberikan persembahan yang diwajibkan untuk TUHAN. Korban domba jantan yang tidak ada kecacatan dianggap sebagai pembayaran atas pelanggaran yang ditimbulkannya. Orang yang mempersembahkan korban membuat pengakuan dosa secara peribadi. Imam berhak atas daging korban yang dikorbankan.

korban penebusan dosa (korban untuk mengampunkan dosa) (Im. 4; 5:1-13; 6:24-30). Kata Ibrani *hatta'th* yang bererti 'dosa', 'korban dosa', atau

'hukuman dosa'. 1) Dipersembahkan dalam upacara peribadi apabila suatu larangan dilanggar kerana kurang hati-hati; 2) Dilakukan untuk menyingkirkan semua yang najis dari tempat persembahan pada waktu perayaan (Bil. 19).

korban sajian (korban untuk mengucap syukur kepada TUHAN) (Im. 2; 6:14-18). Kata Ibrani *minhah* yang bererti 'hadiah', 'penghormatan' yang biasanya adalah segenggam tepung bersama dengan minyak dan kemenyan, yang dibakar di atas mazbah sebagai persembahan mengucapkan syukur kepada TUHAN.

Kristian Pengikut Kristus. Nama ini digunakan oleh musuh-musuh para pengikut Yesus sebagai satu istilah pengejekan atau penganiayaan. Nama itu pertama kali didengar di Antiokhia Siria (Kis. 11:26). Petrus menyatakan dalam suratnya sebagai 'menderita sebagai seorang Kristian' (1 Pet.4:16). Ia juga digunakan oleh Raja Agripa kepada Paulus (Kis. 26:28).

Kristologi Doktrin tentang Kristus. Studi tentangnya telah menjadi bahagian yang penting dalam pemikiran rasional mengenai iman mono-teistik Yahudi apabila mereka mula percaya dan menyembah Yesus Kristus sebagai Allah. Ini termasuklah semua doktrin tentang kemanusiaan dan keilahian Yesus. Kristologi adalah sebahagian daripada Teologi Sistemik.

Kristus Terjemahan dari *Chirstos* yang digunakan dalam LXX untuk kata Ibrani *Mesias*, yang bererti 'yang

cayainya. Orang-orang Saduki menolak doktrin kebangkitan (Mrk. 12:18; Kis. 23:8).

Dalam PB masa hadapan yang akan diterima oleh seseorang bergantung kepada perbuatan dalam kehidupannya sekarang (Mrk. 10:24-25; 12:40). Injil Yohanes menyatakan bahawa Yesus adalah agen Allah bagi tindakan-tindakan eskhatologi kebangkitan umum pada akhir zaman (Yoh. 5:19-47). Tetapi penekanannya lebih kepada pengalaman kehidupan kekal pada saat ini (Yoh. 10:10). Keselamatan bererti memiliki kehidupan, samada untuk saat ini ataupun dalam kekekalan. PB tidak menawarkan kepada orang percaya satu kehidupan kekal di masa hadapan tanpa melalui kematian (2Tim 2:11-13). Meskipun kehidupan kekal (pengalaman kehidupan sepenuhnya) mungkin dialami dalam kehidupan umat Kristian saat ini dan di sini, ianya hanya dapat direalisasikan sepenuhnya di masa hadapan, dari sebarang kematian. Baptisan merupakan tahap pertama proses ini (Yoh. 5:3); kematian adalah tahap selanjutnya; dan kebangkitan di akhir zaman (Yoh. 6:40; 11:25) merupakan tujuan akhir.

kelahiran baru Berkat dari Allah yang berdasarkan kepercayaan dalam Yesus (2Kor. 5:17) dan merupakan buah dari baptisan (Rm. 6:3-4). Semua yang percaya akan Yesus dikatakan mengalami kelahiran yang baru (Yoh. 3:16).

kemenyan bahan dupa yang mahal harganya; dibuat dari getah sejenis pokok yang terdapat di Arab Selatan dan Abesinia. Mengeluarkan bau yang

harum apabila dibakar. Ia digunakan oleh agama-agama penyembah berhala pra-Kristian dalam upacara-upacara pengorbanan mereka. Juga digunakan di Khemah Pertemuan (Kel. 40:27) dan di Bait Allah sebagai lambang menaikkan doa (Mzm. 141:2; Luk. 1:10). Pada tiga abad pertama Gereja Kristian enggan untuk membakar kemenyan, kerana perbuatan itu biasanya digunakan oleh perempuan-perempuan sihir dan dalam penyembahan Kaisar Romawi. Pada masa itu umat Kristian dituntut melakukan penyembahan seperti ini sebagai bukti patriotismenya, yang dianggap sebagai satu perbuatan kemurtadan oleh Gereja. Generasi-generasi kemudian kurang menghayati dan memperhatikan bahawa kemenyan telah dipersembahkan kepada Yesus (Mat. 2:11). Dalam beberapa Gereja Kristian manusia dan alat perkakas yang dianggap sebagai kehadiran Kristus masih didupai dalam perayaan Ekaristi (lihat Kis.19:13-20).

kemerdekaan/kebebasan Dalam erti fizikal, bermakna lepas daripada belunggu pengabdian (peristiwa keluaran umat Israel dari Mesir di bawah pimpinan Musa). Tetapi dalam konteks rohani, ia adalah satu aspek penting dari keselamatan dalam Yesus (Yoh. 8:32; 2Kor. 3:17)

kemuliaan Merangkumi kehormatan, kecemerlangan, kemegahan, kedaulatan dan keadilan Allah. Dalam PL kemuliaan biasa dihubungkan dengan fenomena fizikal (seperti guruh dan kilat atas Gunung Sinai) yang menandakan kehadiran Tuhan. Kemuliaan Allah telah dinyatakan dalam Yesus

(Yoh. 1:14)

Kenaikan Kenaikan Tuhan Yesus ke syurga (Kis. 1:2-11; Luk 24:50) secara fizikal di luar Kota Betania. Sepuluh hari selepas itu Roh Kudus dicurahkan pada hari Pentakosta menggenapi janji. PL dan Mazmur 110 juga ada menceritakan kenaikan Henokh ketika dia berumur 365 tahun (Kej. 5:24), dan Nabi Elia yang diangkat ke syurga oleh puting beliung (2Raj. 2:11).

kenosis kata Yunani yang bererti pengosongan diri, digunakan dalam Flp. 2:7 bahawa Yesus dengan sukarela menolak dan melepaskan segala kemuliaan yang Dia ada bersama Allah, memilih untuk menjadi manusia, hidup dan mati sebagai manusia.

kepenuhan/kesempurnaan Allah Terjemahan dari kata Yunani *pleroma* yang bererti 'yang memenuhi' atau 'yang dipenuhi'. Yesus adalah kenyataan keilahian Allah walaupun Dia juga manusia sepenuhnya (Kol. 1:19; 2:9)

Kerajaan Allah Tema utama dari pemberitaan Yesus menurut Injil-injil Sinoptik. Injil Matius lebih suka menggunakan istilah 'Kerajaan Syurga'. Syurga di sini hanya memperlihatkan keengganan orang Yahudi untuk mengucapkan nama Allah dan memilih kata Syurga untuk menggantikannya.

Maksud utama dari 'kerajaan' adalah 'pemerintahan', 'kedaulatan', atau 'kekuasaan raja-raja'. Pemberitaan Yesus adalah bahawa sesungguhnya pemerintahan Allah akan

segera memasuki dunia ini. Bagi Yesus pemerintahan/Kerajaan Allah ini sudah ada di depan pintu. Dalam 'ucapan-ucapan bahagia' Kerajaan Allah itu dijanjikan sebagai imbalan masa depan. Dalam 'Doa Bapa Kami', para murid harus berdoa supaya Kerajaan Allah datang.

Suatu pengertian lain dari berita Injil-injil Sinoptik adalah Yesus memberitakan bahawa Kerajaan Allah sesungguhnya sudah hadir dalam kegiatan pelayanan-Nya, seperti dalam pengusiran iblis yang dilakukan-Nya (Luk. 11:20). Maksud utama dari perumpamaan-perumpamaan Yesus contohnya tentang Harta Terpendam dan Mutiara yang Berharga (Mat 13:44-46) adalah kedatangan dari Kerajaan Allah yang terselubung dan dinyatakan dalam perumpamaan seperti benih yang terpendam di tanah atau yang sangat kecil sehingga hampir tidak terlihat.

Kerajaan Allah ini masih akan datang, dalam erti bahawa pemerintahan Allah ini belum sepenuhnya menjadi kenyataan di dunia ini. Seperti biji sesawi, pemerintahan Allah akan terus bertumbuh dan begitulah kenyataannya sampai akhir zaman (Mrk. 4:26-29).

kerub Jamaknya adalah *kerubim* dalam bahasa Ibrani. Makhhluk syurga yang bersayap, lambang keagungan Allah dan hadirat-Nya. Keterangannya terdapat dalam Kel. 25:18-20; Yeh. 1:5-13; Why. 4:6-9.

keselamatan Berkat daripada Allah di mana semua orang diampuni dosanya, didamaikan dengan Allah

sekarang, terkecuali daripada hukuman yang akan datang, dan hidup kekal dalam hadirat-Nya kelak. Keselamatan hanya dikurniakan kepada mereka yang percaya dalam Yesus (Kis. 16:30-31, Rm. 10:9-10).

keyakinan akan keselamatan Setiap orang yang percaya boleh memiliki keyakinan untuk keselamatan dan mendapat hidup yang kekal (1Yoh. 5:13). Ada 9 cara bagi kita memiliki keyakinan akan hidup kekal dalam Kristus: (1) jika kita percaya kepada nama Anak Allah (1Yoh. 5:13; 4:15; 5:1,5); (2) jika kita menghormati Kristus sebagai Tuhan dalam kehidupan kita dan sungguh-sungguh untuk menta-ati-Nya (1 Yoh. 2:3-5; 3:24; Yoh. 8:31, 51; 14:21-24; 15:9-14; Ibr. 5:9); (3) jika kita mengasihi Bapa dan Anak dan bukan dunia (1Yoh. 2:15-16; 4:4-6); (4) jika kita tekun melakukan kebenaran dan bukan dosa (1Yoh. 2:29; 3:7-10); (5) jika kita mengasihi sesama saudara seiman (1Yoh. 3:14, 19; Yoh. 13:34-35); (6) jika kita sedar Roh Kudus tinggal dalam kita (1Yoh. 3:24; 4:13); (7) jika kita berusaha meneladani Yesus dan hidup seperti-Nya (1Yoh. 2:6; Yoh. 8:12); (8) jika kita percaya, menerima dan tetap tinggal di dalam 'Firman Hidup', iaitu Kristus yang hidup (1Yoh. 1:1-5; 2:24; 4:6); dan (9) jika kita sungguh-sungguh merindukan kedatangan Kristus untuk membawa kita bersama-Nya (1Yoh. 3:2-3; Yoh. 14:1-3).

Khemah TUHAN Khemah besar yang disebut dalam kitab Keluaran 26. Di situlah orang Israel beribadat kepada Allah sebelum Raja Salomo membina Rumah TUHAN. Khemah TUHAN juga dikenali sebagai Khemah Pertemuan.

korban (1) Sesuatu yang dipersembahkan kepada Allah untuk maksud pengorbanan. (2) Suatu bahagian utama dalam kehidupan keagamaan dan kebudayaan Yahudi dalam konteks hubungannya dengan dosa. Semua pelanggaran hukum TUHAN memerlukan 'korban mengampunkan dosa' (Im. 5:17-19). Binatang yang dikorbankan dibunuh menggantikan manusia si pelanggar yang dikutuk dengan mati. Yang membawa korban harus meletakkan tangannya ke atas kepala binatang korban sebagai simbolik untuk menyatukan dirinya dengannya (Im. 1:4) dan mempersembahkan dirinya kepada Allah. Ada 5 jenis korban dalam ritual keagamaan Yahudi.

Dalam PB konsep korban digunakan untuk menjelaskan kematian Kristus. Kristus mati untuk menebus dosa-dosa kita (1Kor.15:3) dan dengan darah-Nya (Rm. 3:25) Dia menebus 'pelanggaran-pelanggaran kita' (Rm. 4:25). Kematian Yesus itulah yang dimaksudkan oleh Paulus apabila dia menulis bahawa perbuatan kebenaran satu orang menghasilkan pembebasan semua orang (Rm. 5:18). Yesus yang tanpa dosa (2Kor. 5:21; Ibr. 4:15) menggantikan kedudukan manusia yang berdosa (2Kor. 5:21; Rm. 8:3).

korban bakar (korban untuk menyenangkan hati TUHAN) (Im. 1:1-17; 6:8-13). Kata Ibrani *olah* yang bererti 'dinaikkan' di mana aroma bakaran binatang itu 'dinaikkan' kepada Allah. Biasanya seluruh binatang itu, kecuali kulitnya, diasingkan untuk imam-imam dan dibakar di atas mazbah. Dipercayai bahawa Yahweh menikmati baunya yang harum (Im. 1) dan